[Dokumen ini belum disemak]

**DEWAN RAKYAT**

# PARLIMEN KESEBELAS

**PENGGAL KEDUA**

**MESYUARAT PERTAMA**

| | | |
|---|---|---|
| **Bil. 15** | **Khamis** | **14 April 2005** |

## K A N D U N G A N

**JAWAPAN-JAWAPAN LISAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN** (Halaman 1)

**RANG UNDANG-UNDANG:**

Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan (Pindaan) 2005 (Halaman 27)

Rang Undang-undang Angkatan Tentera (Pindaan) 2005 (Halaman 85)

**MALAYSIA**

**DEWAN RAKYAT**

**Khamis, 14 April 2005**

**Mesyuarat dimulakan pada pukul 10.00 pagi**

**DOA**

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

---

**<u>JAWAPAN-JAWAPAN BAGI PERTANYAAN-PERTANYAAN JAWAB LISAN</u>**

1. **Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]** minta Perdana Menteri menyatakan :-

(a) kedudukan perundangan Islam antara Jabatan Agama Wilayah (JAWI) dan Peguam Negara; dan

(b) adakah Peguam Negara mempunyai kuasa terhadap Jabatan Agama Wilayah.

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, mana-mana undang-undang syariah yang hendak digubal untuk dilaksanakan oleh Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI) ianya akan digubal oleh sebuah jawatankuasa iaitu Jawatankuasa Teknikal Undang-Undang Syarak dan sivil yang diurussetiakan oleh Jabatan Kemajuan Islam Malaysia (JAKIM ). Setelah digubal dan halusi oleh jawatankuasa tersebut maka pandangan-pandangan dari pelbagai pihak diperolehi seperti daripada mufti-mufti, ketua-ketua hakim syarie penasihat-penasihat undang-undang negeri dan pengarah-pengarah Jabatan Agama Islam Negeri dan sebagainya.

Setelah itu ianya dikemukakan kepada Jabatan Peguam Negara untuk disemak sebelum di bawa ke Parlimen. Setelah di bahas dan di lulus oleh Parlimen, maka ia ia menjadi akta dan akan dilaksanakan oleh JAWI. Peguam Negara tidak mempunyai apa-apa kuasa terhadap Jabatan Agama Islam Wilayah Persekutuan (JAWI), kewajipan

Peguam Negara terhadap JAWI adalah untuk memberi nasihat perundangan kepada JAWI.

Sebagai sebuah Jabatan Kerajaan sebagaimana yang diperuntukkan dalam fasal 2 perkara 145 Perlembagaan Persekutuan bagi memastikan apa-apa tindakan yang diambil oleh JAWI adalah selaras dengan Perlembagaan Persekutuan dan undang-undang bertulis yang lain. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Md. Alwi bin Che Ahmad [Ketereh]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri kerana memberi jawapan yang jelas. Daripada jawapan tadi kita dapati bahawa undang-undang Islam di negara ini sebenarnya ada *separate entity* dengan Jabatan Peguam Negara.

Soalan tambahan saya ialah apakah Jabatan Perdana Menteri atau JAKIM mengemukakan perkara ini kepada Majlis Raja-raja sebab kita tengok ketidakselarasan yang berlaku ini bukan sahaja di Jabatan Agama Wilayah tetapi juga di negeri-negeri sehingga menyebabkan ada orang....saya bagi contoh, membuat pembahagian harta pusaka pergi kepada mahkamah syariah, mahkamah syariah bagi sistem faraid. Tetapi kalau ada salah seorang di antara adik-beradik tadi pergi pula kepada mahkamah sivil kemudian dia *caveat, caveat* itu berjalan dan mahkamah syariah itu tidak boleh hendak *overrule that caveat*. Ertinya tidak ada penyelarasan antara undang-undang Islam daripada negeri dan juga dan juga daripada undang-undang sivil.

Jadi, soalan tadi saya sebut, apakah perkara ini tidak boleh diselesaikan dengan Majlis Raja-raja? Kita ada 11 buah negeri, benda kecil sahaja sebenarnya. Kalau fatwa kita boleh ada Majlis Fatwa Kebangsaan kenapakah masalah undang-undang ini tidak boleh kita selaraskan. Terima kasih, Yang Berhormat.

**Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ketereh. Sebenarnya bagi saya, penyelarasan bukanlah satu kerja yang mudah ia, kalau hendak sebut mudah tua boleh semua. Sebagai contoh hujah saya kenapa ia adalah suatu perkara yang tidak mudah. Majlis Raja-raja telah bersetuju untuk memperakukan ataupun meminta supaya adanya penyelarasan terhadap lima rang undang-undang iaitu apabila pergi ke Parlimen menjadi akta bagai Wilayah Persekutuan, kalau pergi ke Dewan Undangan Negeri menjadi enakmen bagi pentadbiran negeri-negeri untuk menyeragamkan. Sebagai contoh, saya sebut kepada Dewan yang mulia ini ialah lima

undang-undang syariah itu ialah Akta Kesalahan Jenayah Syariah, Akta Prosedur Jenayah Syariah, Akta Keterangan Mahkamah Syariah, Akta Pentadbiran Islam, Akta Keluarga Islam iaitu ada lima yang telah pun diminta supaya diadakan penyelarasan seluruh Malaysia.

Tetapi yang berlakunya dari segi realiti setelah beberapa tahun perkara ini telah diusahakan oleh JAKIM dan juga agensi-agensi di bawah saya, hanya 12 buah negeri sahaja telah meluluskan undang-undang keluarga Islam dan undang-undang syariah ini -12 buah, saya tidak menamakannya. *[Disampuk]* Bagi nama? Okay, iaitu Selangor, Melaka, Negeri Sembilan, Johor, Pulau Pinang, Perlis, Kelantan, Pahang, Terengganu, Sabah, Sarawak dan Perak. Yang Kelantan dan Terengganu hanya empat sahaja, satu masih belum lagi iaitu semasa PAS di Kelantan dan Terengganu dahulu. Sekarang saya difahamkan dalam mesyuarat majlis Kebangsaan Hal-Ehwal Islam baru-baru ini Terengganu telah berjanji akan membawa kepada Dewan Undangan dan akan mewartakan keseluruhan dan negeri Kedah serta Wilayah Persekutuan.

Ini terpaksa disebut jugalah, Wilayah Persekutuan belum lagi. *[Ketawa]* Sedangkan dia adalah merupakan contoh yang ditiru ataupun yang disalin oleh negeri-negeri. Sekarang sudah ada di Peguam Negara, katanya telah pun diperhalusi dan akan dibawa dalam sidang. Saya tidak tahulah bila ia akan dibawa, mungkin dalam sidang akan datang atau pun di hujung sidang ini pun saya tidak pasti - maknanya akan dibawa.

Perkara ini hendak diselaraskan memakan masa bertahun-tahun. Saya agak berbeza sedikitlah, bukan kerja mudah perkara ini. Itu untuk hendak menyelaraskan sebahagian kecil daripada perundangan yang telah pun dibuat iaitu lima rang undang-undang apabila diluluskan dan diwartakan akan menjadi akta bagi Wilayah Persekutuan dan akan menjadi enakmen bagi negeri-negeri selain daripada Wilayah Persekutuan.

Sekarang ini semuanya telah pun berjanji kepada Perdana Menteri baru-baru ini sebab beliau adalah Pengerusi Majlis Kebangsaan Hal Ehwal Islam (MKIM). Semua akan bawa, Kedah pun akan bawa dalam masa yang terdekat ini. Baru-baru ini Pulau Pinang telah pun meluluskan. Alhamdulillah, Pulau Pinang telah meluluskan kesemuanya dan kita akan menunggulah. Walau bagaimanapun, dari segi peratusan,

saya rasa sudah hampir 90% telah diluluskan. Itu satu pencapaian yang juga baik dalam masa yang bertahun-tahun. Saya rasa itu sebagai contohlah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Tumpat.

**Dato' Kamarudin bin Jaffar [Tumpat]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Memandangkan masalah-masalah yang disebutkan dengan baik dan jelas oleh Yang Berhormat Menteri tadi dan melihat kepada pergolakan semasa yang nampaknya penguasaan dan pentadbiran terhadap undang-undang Islam di Wilayah Persekutuan pun bercelaru, adakah kerajaan bercadang untuk mewujudkan satu jawatan yang lebih tinggi bagi mengendalikan hal ini seperti jawatan Peguam Syarei Negara supaya Peguam Syarei Negara itu secara langsung boleh menasihati kerajaan, Yang Berhormat Menteri dan Kabinet untuk mengambil tindakan dan memberi panduan yang betul dalam pelaksanaan undang-undang Islam dalam negara ini.

**Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasih, Yang Berhormat bagi Tumpat. Cuma perkataan "bercelaru" itu saya tidak berapa setujulah. Sebenarnya undang-undang tidak bercelaru, pelaksanaan sahaja ada berlaku kekalutan, kegawatan sedikit disebabkan tidak diberi pendedahan kepada pegawai-pegawai penguat kuasa. Itu bukan salah pegawai penguat kuasa sebab itu saya pertahankan. Di mana-mana, dalam kenyataan akhbar pun saya pertahankan pegawai saya kerana kesalahan itu adalah kesalahan semua. Kenapa tidak memberi pendedahan yang secukupnya kepada mereka? JAKIM, JKSM dan banyak agensi-agensi yang telah pun diwujudkan sepatutnya memberikan pendedahan secukupnya kepada mereka.

Jadi, ada kekalutan dan tidak mengikut - ini kita bincangkan dalam soalan yang ke lapan nanti. Maknanya saya beri peluang seluas-luasnya. Sepatutnya ia dibahaskan semalam tetapi oleh sebab ada *Cabinet meeting* - supaya orang kita tahu semua keadaan yang sebenarnya, saya bersedialah untuk mendengar pandangan-pandangan.

Cuma saya sebut satulah, kita telah pun bergerak sebenarnya ke arah penyeragaman yang lebih sistematik lagi terhadap pentadbiran seperti apa yang telah disebut oleh Ahli Yang Berhormat bagi Tumpat tadi, iaitu untuk mewujudkan Peguam Syarei Negara dan sebagainya, itu kita telah pun bergerak, cuma untuk kelulusan sahaja. Dari segi usaha telah pun dibuat oleh JAKIM dan JKSM. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Yang Berhormat Menteri, baru-baru ini ada beberapa NGOs telah mencadangkan supaya undang-undang sivil dan undang-undang syariah yang bersangkut paut dengan moral itu hendak mereka pinda dan hendak mereka tiadakan atas alasan ini adalah hak asasi manusia. Jadi, kalau seseorang itu minum arak pun jangan kacau dia pasal hak dia, dia hendak mabuk dia punya pasal. Itu pandangan mereka dan ada lain-lain lagi.

Kumpulan-kumpulan ini telah cuba mempengaruhi masyarakat supaya menerima dan mereka ini adalah orang Islam - supaya pindaan undang-undang syariah ini dan juga undang-undang sivil ini tentang kesalahan-kesalahan moral. Apakah pandangan dan nasihat Yang Berhormat tentang NGOs yang cuba meminda undang-undang tersebut? Terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Saya rasa untuk menyuarakan itu adalah hak mereka dalam negara berdemokrasi. Tetapi berhujah ataupun memberi alasan, saya rasa, kita semua kena bersatu dalam menjelaskan bahawa perlu diwujudkan undang-undang, mana ada tidak ada undang-undang? Kalau tidak ada undang-undang adalah undang-undang hutan sahajalah, maknanya tidak ada undang-undang. Mana boleh dibiarkan begitu sahaja.

Saya sependapat dengan rakan saya, Menteri di Jabatan Perdana Menteri iaitu Dato' Mohd. Radzi Sheikh Ahmad yang telah pun menjawab di dalam surat khabar, cukup cantik. Saya ada buat keratan surat khabar itu iaitu dia menyatakan bahawa mana boleh dibiarkan tidak ada undang-undang iaitu diserahkan kepada individu, serah kepada untuk dia melakukan apa yang dia kehendak dengan berdasarkan kepada peruntukan hak masing-masing?

Saya tidak bersetujulah dengan cadangan ataupun dengan suara-suara sumbang yang meminta supaya ditiadakan undang-undang tersebut. Kalau ditiadakan undang-undang sudah tentulah akan berlaku lagi perkara-perkara bebas lepas yang tidak terkawal dalam masyarakat. Itu sahaja pandangan saya.

2. **Tuan Markiman bin Kobiran [Hulu Langat]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan data kejayaan atau kegagalan projek ternakan ikan air tawar negara dan apakah usaha terbaru kementerian untuk meningkatkan minat pengusaha baru?

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, kejayaan projek ternakan ikan air tawar negara boleh dilihat melalui tiga aspek:

i) peningkatan di dalam bilangan tempat ternakan;

ii) keluasan kawasan ternakan; dan

iii) peningkatan pengeluaran.

Pada tahun 2001 didapati terdapat 49,324 tempat ternakan air tawar yang aktif di Malaysia. Bilangan ini meningkat kepada 52,760 pada tahun 2002, 54,801 pada tahun 2003 dan 60,282 pada tahun 2004. Keluasan kawasan ternakan pula ialah 6,739 hektar pada tahun 2001. Kawasan ini meningkat kepada 7,124 hektar pada tahun 2002, 7,290 hektar pada tahun 2003 dan 8,019 hektar pada tahun 2004.

Pengeluaran juga meningkat dari tahun ke setahun iaitu pada tahun 2001 sebanyak 43,456 tan metrik, tahun 2002 - 46,403 tan metrik, tahun 2003 - 49,947 tan metrik dan pada tahun 2004 - 54,940 tan metrik.

Usaha bagi meningkatkan minat pengusaha baru di dalam projek ternakan air tawar ialah:

i) mempertingkatkan lagi kursus dan latihan pengurusan korporat yang menekankan aspek pengurusan, kepimpinan, penyediaan, keusahawanan dan pemasaran;

ii) mempertingkatkan lagi kursus dan latihan dalam bidang teknikal dari segi pemakanan, ternakan, genetik, teknologi, ternakan air, teknologi pemprosesan, pembungkusan dan pengendalian ikan;

iii) mewujudkan insentif yang menarik seperti potongan cukai bersamaan dengan jumlah pelaburan dan kejayaan menuntut kerugian pelarasan bagi tempoh setahun pengecualian cukai sebagai potongan dalam pengiraan cukai;

iv) melaksanakan pendekatan *class the base development*, dengan izin, di mana faktor-faktor kritikal seperti tanah, kemudahan

infrastruktur dan logistik, teknologi, pembangunan pasaran akan digembleng secara lebih fokus, teratur dan bersepadu; dan yang akhirnya

v) memperkenalkan spesies ikan air tawar yang mempunyai nilai komersial dan diusahakan dengan menggunakan teknologi ternakan yang berproduktiviti tinggi.

**Tuan Haji Markiman bin Kobiran:** Terima kasih. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih, Yang Berhormat Timbalan Menteri. Soalan tambahan saya. Tuan Yang di-Pertua, ikan air tawar ialah merupakan sumber rutin masyarakat seluruh negara dan ia juga merupakan pendapatan tambahan terutama sekali kepada petani dan pesawah. Terdapat banyak jenis ikan air tawar di negara ini dan saya percaya bahawa ikan air tawar ini akan terus berkembang, terutama sekali jika ada sokongan dari pihak kementerian.

Sekarang ini, ikan air tawar liar ini di kawasan sawah padi, kawasan terusan dan pengairan telah pun pupus akibat penggunaan racun makhluk perosak. Walaupun ada, mungkin ikan-ikan ini akan cacat atau tidak sesuai untuk dijadikan bahan makanan atau bahan protein. Di kawasan Hulu Langat, Yang Berhormat Timbalan Menteri, pada 5 tahun yang lalu terdapat lebih seribu buah kolam di mana pengusaha-pengusaha ikan air tawar ini mengusahakan ikan mereka tetapi sehingga sekarang bilangannya berkurangan hingga ke 40 atau 50% sahaja.

Soalan saya, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sudahlah ikan yang sepatutnya boleh diperolehi melalui terusan dan sebagainya sudah tidak ada, saya tidak dapat melihat peranan kementerian untuk menggalakkan perusahaan menternak ikan air tawar misalnya di dalam kolam, dalam sangkar, di sungai dan di empangan-empangan air. Saya lihat usaha untuk memasarkan ini terhalang kepada pasar tani, pasar malam, ikan bakar dan sebagainya tetapi tiada usaha untuk mempromosikan makanan ikan air tawar ini ke peringkat makanan di hotel-hotel kelas lima bintang dan sebagainya.

Soalan sampingan saya kepada soalan yang berikut ialah belut atau ikan linang. Belut ini dikenali sebagai satu makanan *aphrodisiac*, makanan kekuatan kelelakian katanya. *[Disorak]* Atau ikan linang yang dikenali sebagai makanan yang mendatangkan kesihatan. Belut ini sangat popular di Indonesia, anak-anak belut yang

halus itu boleh digoreng dengan garing dan kemudiannya dihidangkan dan makanan ini sangat popular dan terkenal untuk memberi kekuatan kejantanan atau kelelakian. *[Disorak]*

Saya lihat usaha ini juga tidak dipromosikan oleh pihak kementerian dan ini juga sepatutnya boleh diperkenalkan di negara ini. Saya mohon penjelasan sama ada, ada usaha untuk memperkenalkan jenis makanan ini. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar:** Terima kasih, Yang Berhormat Hulu Langat. Yang pertamanya, Tuan Yang di-Pertua, memang benar ikan merupakan sumber protein yang utama kepada rakyat Malaysia. Oleh sebab itu, Kementerian Pertanian memberi perhatian kepada aktiviti-aktiviti akuakultur, kita tidak lagi boleh bergantung kepada tangkapan ikan di laut semata-mata.

Berhubung dengan perkara yang dibangkitkan oleh Ahli Yang Berhormat bahawa sekarang ini susah hendak dapat ikan keli, ikan sepat di kawasan-kawasan sawah disebabkan kebanyakan ikan-ikan ini mati kerana penggunaan racun oleh para petani dalam mengerjakan sawah. Sebagai langkah untuk menjamin adanya bekalan ikan air tawar seperti ikan keli, ikan sepat dan sebagainya, kita menggalakkan rakyat ataupun penduduk di kawasan luar bandar mengusahakan penternakan ikan di dalam kolam, di dalam terusan, dalam empangan ataupun dibuat dalam sangkar.

Aktiviti ini telah pun berkembang dengan meluas sekali. Ini sebagai langkah untuk menjamin bahawa ikan air tawar itu dapat didapati di pasaran. Soalan mengenai dengan pengeluaran, saya telah sebut di awal tadi bahawa kita telah mampu meningkatkan pengeluaran. Yang Berhormat menimbulkan perkara pemasaran. Dua perkara yang sedang dibuat oleh kementerian dalam usaha kita untuk hendak meningkatkan lagi penggunaan ataupun orang gemar memakan ikan air tawar.

Yang pertamanya melalui promosi di buat olah FAMA, Yang Berhormat Jerai dahulu pengerusi FAMA – kita buat promosi untuk kita makan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dahulu. *[Ketawa]*

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar:** Banyak orang makan ikan air tawar, kita buat promosi.

Yang keduanya, kita hendak menjalankan aktiviti pemprosesan ikan air tawar itu sendiri, bukan makan secara segar ikan itu tetapi produk-produk daripada ikan air tawar,

umpamanya, kita jalankan kegiatan hiliran, buat ikan kering. Kita boleh dapat ikan kering kalau Ahli-ahli Yang Berhormat hendak beli ikan kering, ikan sepat, ikan haruan, ikan lain-lain lagi, boleh dapat. Kita menjalankan aktiviti menjadikan pekasam daripada ikan tilapia, yang pasarannya meluas.

Kemudian kita menjalankan aktiviti membuat *filay* daripada isi ikan tilapia. Ini di antara usaha-usaha yang diambil oleh kementerian, Jabatan Perikanan dalam usaha kita untuk hendak memperluaskan lagi orang gemar makan ikan air tawar. Harapan kementerian supaya Ahli-ahli Yang Berhormat kena tolong promosi, jangan ada satu tanggapan kalau kita makan ikan air tawar maknanya kita tidak ada standard. Mungkin sesetengah orang beranggapan begitu. Kalau kita kata komanlah, kalau orang utara kata komanlah kalau makan ikan air tawar.

**Seorang Ahli:** *[Menyampuk]*

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar:** Ya! Jangan kita anggapkan makan ikan air tawar itu koman. Kalau bercakap yang semacam itu sudah tentu kita tidak dapat membantu dalam usaha kita untuk memperluaskan pasaran ikan air tawar, yang kita tahu aktiviti ini dijalankan oleh penduduk di kawasan luar bandar. Bagaimana kita hendak meningkatkan pasaran kalau kita sendiri beranggapan makan ikan air tawar koman. Saya minta Ahli Yang Berhormat tolong. Yang kedua ini, pasal belut. Ini hendak jawab pasal belut, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat mungkin Yang Berhormat bagi Hulu Langat sudah makan belut ini. Mungkin tengok dia hebat. *[Ketawa]* Belut ini memang betul seperti mana Yang Berhormat kata di Filipina, ia jadi seumpama ikan bilis, hidangannya seolah-olah macam ikan bilis, warnanya putih. Memang dimakan di hotel-hotel.

Di negara kita ini, orang kita tidak ramai yang suka makan belut, tetapi kalau tuan-tuan pergi ke *Japanese Restaurant*, saya rasa tuan-tuan minta *'onagi'*. Kita dapati bahawa ada seorang penternak belut secara komersial, iaitu di negeri Pahang, di usahakan dengan pelabur daripada luar negara. Kita terpaksa lipat gandakan promosi supaya orang suka makan ikan air tawar termasuk juga makan belut kerana kata Yang Berhormat tadi, ada khasiatnya. Jadi, terima kasih.

3. **Tuan Kula Segaran a/l Murugeson [Ipoh Barat]** minta Menteri Luar Negeri menyatakan:

(a) mengapakah Malaysia keberatan dan enggan menandatangani dan menjadi ahli Mahkamah Jenayah Antarabangsa; dan

(b) nyatakan jumlah mesyuarat dan diskusi yang dihadiri oleh kementerian luar bagi perkara di atas dan sejauh manakah mesyuarat-mesyuarat itu mencapai matlamatnya.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Luar Negeri [Dato' Zainal Abidin bin Osman]:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih, saya ucapkan Yang Berhormat Ipoh Barat kerana mengemukakan soalan ini. Untuk jawapan bagi soalan:

(a) Secara prinsipnya Malaysia menyokong sepenuhnya objektif penubuhan Mahkamah Jenayah Antarabangsa atau *International Criminal Court (ICC)*, dengan izin.

Malaysia berpendapat bahawa ia merupakan suatu perkembangan penting undang-undang antarabangsa bagi menangani kebebasan dari hukuman ke atas jenayah peperangan, pembersihan etnik *(ethnic cleansing - genocide)* dengan izin, jenayah menentang kemanusiaan, jenayah pencerobohan dan sebagainya.

Walau bagaimanapun, Malaysia belum membuat keputusan. Saya ulangi – belum membuat keputusan mengenai kesertaan – *assertion* dan masih lagi mengkaji *statute room* iaitu *statute* yang menubuhkan Mahkamah Jenayah Antarabangsa (ICC). Kajian secara terperinci dan menyeluruh adalah penting kerana kesertaan Malaysia mempunyai kemungkinan implikasi yang serius ke atas kedaulatan negara dan warga Malaysia. Ini adalah kerana ruang lingkup bidang kuasa *statue* tersebut adalah meluas dan mungkin bercanggah dan tidak selari dengan undang-undang dan perlembagaan negara.

(b) sukacita saya ingin menyatakan bahawa bermula dari tahun 2002, perhimpunan negara-negara pihak ICC telah mengadakan

sebanyak tiga kali mesyuarat. Yang pertama telah diadakan mulai 8 hingga 12 September 2003, yang kedua mulai 3 hingga 10 September 2003 dan yang ketiga pula mulai 6 hingga 10 September 2004.

Pegawai-pegawai dari Jabatan Peguam Negara telah menghadiri ketiga-tiga mesyuarat tersebut di mana Malaysia telah diberi status sebagai negara pemerhati. Kehadiran delegasi Malaysia di perhimpunan tersebut telah mencapai matlamatnya memandangkan ia telah meningkatkan kefahaman delegasi dan kerajaan Malaysia mengenai isu-isu yang dibincangkan berkaitan dengan ICC. Sekian, terima kasih. .

**Tuan M. Kula Segaran:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Soalan tambahan, saya faham bahawa keraguan kerajaan untuk menjadi ahli dalam ICC adalah kerana kedaulatan negara mungkin terjejas. Tetapi bolehkah saya membawa perhatian kepada kerajaan bahawa negara-negara seperti Jordan, sebuah negara Islam di mana baru-baru ini mereka telah menghadiri persidangan di Wellington telah mengatakan bahawa undang-undang yang dipakai di Jordan itu macam undang-undang yang sedia ada di Malaysia. Mereka pun mempunyai raja dan negara kita mempunyai Yang di-Pertuan Agong dan undang-undang yang sama.

Kalau di negara itu tidak ada keberatan, saya harap kerajaan mengkaji supaya kita akan menjadi satu ahli ICC seberapa cepat yang boleh dan kita juga perlu fikir bahawa ICC adalah satu pertubuhan *International Criminal Court,* dengan izin – Mahkamah Jenayah Antarabangsa adalah diguna pakai di seluruh dunia. Baru-baru ini apabila berlaku masalah di Darfur, Sudan, satu resolusi Pertubuhan Bangsa-Bangsa Bersatu (1593) telah merujuk perkara itu untuk dibawa ke ICC.

Ini menunjukkan bahawa ICC adalah suatu mahkamah yang sangat mustahak yang perlu diguna pakai juga oleh negara seperti Malaysia supaya kita boleh memberitahu kepada negara-negara di dunia ini termasuk Myanmar supaya jangan menyeleweng dari hak asasi manusia ......

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, beri peluang Menteri untuk menjawab.

**Tuan M. Kula Segaran:** ..... dan untuk (b), saya ingin mengatakan diskusi adakah kerajaan setakat ini telah mengadakan diskusi dengan NGO-NGO di negara ini yang telah mengadakan beberapa forum mengenai hal ICC ini.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Timbalan Menteri menjawab.

**Tuan M. Kula Segaran:** Saya difahamkan *parliamentary global action* akan datang ke Parlimen dalam tempoh dua minggu dan Ketua BBC .......

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Menteri, sila jawab.

**Tuan M. Kula Segaran:** ...... Ketua BBC telah bersetuju untuk berjumpa dengan mereka. Adakah kementerian ini juga akan terlibat dalam perkara ini?

**Dato' Zainal Abidin bin Osman:** Terima kasih Yang Berhormat Ipoh Barat yang begitu sekali prihatin dan mahu supaya Malaysia menangani masalah ini dengan segera perjanjian mengenai penyertaan kita dalam Mahkamah Jenayah Antarabangsa.

Seperti Yang Berhormat sedia maklum, untuk menubuhkan ICC ini, prosesnya mengambil masa selama 50 tahun. 50 tahun masyarakat dunia berbincang dengan berbagai-bagai draf untuk menubuhkannya daripada tahun 1948 hinggalah 1998 iaitu daripada Resolusi 260 bertarikh 9 Disember 1948 iaitu di bawah *Convention of Prevention of Punishment of the Crime of Genocide,* lepas itu dibuat draf tahun 1951 hingga 1953. Kemudian tahun 1989 dimasukkan pula *proviso* tentang *drug trafficking,* kemudian 1993 dibuat pula selepas konflik di Yugoslavia, baru dibuatkan semula tentang *ethnic cleansing*. Buat draf pula tahun 1994, buat *Preparatory Committee* pada tahun 1996 hingga 1998.

Masyarakat dunia mengambil masa 50 tahun, kita baru dua atau tiga tahun *study, proviso* ini rasa rasa agak munasabah dan terdapat 128 *proviso* di dalam ICC ini dan pihak Peguam Negara telah mengkaji separuh daripadanya sekarang ini dan langkah-langkah seterusnya akan diambil untuk membuat kajian terperinci dengan pihak-pihak NGO dan mungkin kalangan Ahli-ahli Parlimen juga.

Bagi menjawab soalan kedua Yang Berhormat Ipoh Barat tentang adakah mesyuarat-mesyuarat diadakan sekarang. Sehingga 15 Mac ini iaitu sebulan lepas sampai 15 Mac pun ada mesyuarat terakhir dibuat di antara agensi-agensi mengenai ICC yang dipengerusikan sendiri oleh Jabatan Peguam Negara. Maknanya perkara ini bukan *put to rest*, mesyuarat demi mesyuarat masih diadakan dan saya rasa selepas ini

apabila habis di antara agensi dengan agensi mungkin NGO dan juga kalangan Ahli-ahli Parlimen akan dibawa untuk mengemukakan pendapat. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

4. **Datuk Abdul Ghapur bin Salleh [Kalabakan]** minta Menteri Pengajian Tinggi menyatakan adakah kementerian sedar universiti dalam Malaysia telah banyak difrancaiskan sehingga menurunkan mutu pendidikan kepada pelajar-pelajar yang berada di luar bandar terutamanya keperluan asas dalam universiti seperti buku rujukan dan lain-lain. Apakah tindakan kementerian dalam menangani hal ini.

**Menteri Pengajian Tinggi [Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh]:** Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pengajian Tinggi semestinya dan sememangnya mengambil berat isu berkaitan mutu pendidikan dan tidak sewenang-wenangnya memberikan kelulusan kepada IPT untuk menjalankan sesuatu program tanpa mengambil kira pertimbangan-pertimbangan lain seperti jumlah tenaga pengajar yang berkelayakan dan berpengalaman serta kemudahan-kemudahan pengajaran dan pembelajaran.

Kementerian Pengajian Tinggi membenarkan IPTA menjalinkan program usaha sama akademik dengan IPTS yang dahulunya dikenali sebagai program francais bagi memberi lebih banyak peluang pendidikan kepada rakyat terutamanya di kawasan luar bandar. Program-program usaha sama ini dilaksanakan melalui dua kaedah. Pertamanya, program kerjasama iaitu keadaan ini membenarkan IPTS menawarkan program akademik IPTA di premis IPTS. Manakala kurikulumnya disediakan oleh IPTA dan tenaga pengajar akademiknya pula daripada IPTS.

Segala perjalanan program akan dipantau oleh tenaga pengajar IPTA, hal ehwal peperiksaan akan diuruskan oleh IPTA, penganugerahan ijazah juga akan diberikan oleh IPTA.

Kaedah yang kedua ialah program kawal selia. Kaedah ini membenarkan IPTS menawarkan program akademik mereka dengan bantuan IPTA manakala kurikulum disediakan bersama oleh IPTS dan IPTA dan tenaga pengajar akademiknya pula daripada IPTS. Dalam suatu tempoh tertentu secara berterusan, hal ehwal peperiksaan akan diuruskan oleh IPTS dan turut dikemukakan kepada IPTA untuk tujuan semakan

kualiti. Penganugerahan ijazah akan diberikan oleh IPTS. Kementerian Pengajian Tinggi sentiasa membuat pemantauan terhadap IPTS tersebut.

**Datuk Abdul Ghapur bin Salleh:** Tuan Yang di-Pertua, soalan asal yang saya kemukakan ialah mutu pendidikan menurun. Mutu pendidikan menurun, kedua kita nampak dengan izin apa yang diusahakan ini tidak *marketable*. Apakah tindakan kementerian untuk mengatasi perkara ini supaya pertama bermutu tinggi, kedua ianya *marketable*, soalan tambahan saya.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Terima kasih Yang Berhormat. Pertamanya kalau kita lihat mengenai *marketability* graduan-graduan secara keseluruhannya, sekarang kita ada pengangguran sebanyak 18,000 dan kita ada mempunyai strategi jangka pendek dan jangka panjang.

Strategi jangka pendek ialah untuk mengkaji balik penawaran kursus yang sedia ada baik di IPTA ataupun di IPTS supaya bersesuaian dengan *market* yang ada. Yang keduanya ialah memasukkan elemen-elemen seperti keusahawanan.

Saya baru balik dari *Cambridge* di UK dan saya sungguh takjub melihatkan walaupun kursus-kursus kritikal seperti *Engineering*, dalam program tersebut mereka masukkan juga modul usahawan di dalamnya supaya kita dapat memberikan *manship* kepada pelajar-pelajar kita apabila mereka keluar jika mereka tidak masuk ke IPTA, mereka tidak mahu masuk ke IPTS, mereka boleh bekerja sendiri dengan program usahawan yang diselitkan bersama.

Saya telah pun mengarahkan semua visi rektor dan sebagainya untuk meniru *modality* yang ada di Cambridge itu supaya anak-anak bila keluar, kita akan memikirkan bekerja sendiri *(self employed).* Ini pun bersesuaian dengan Hadis yang mengatakan "sembilan daripada sepuluh daripada nafkah itu datangnya daripada perniagaannya."

Yang ketiganya, kita hendakkan kerjasama dengan industri-industri. Ini program perantisan yang kita lakukan dan dengan adanya pertemuan kita dengan industri, pertemuan kita dengan IPTS, kita dapat menggabungjalinkan graduan-graduan kita ini supaya bersesuaian dengan *market* yang ada. Dan selainnya ialah penggunaan bahasa Inggeris, sedikit demi sedikit kita akan minta mereka petah dalam bahasa Inggeris kerana ini *presentable*. Kalau misalnya kita membuat pemasaran *(marketing),* graduan itu tidak boleh memaksa diri sendiri satu masalah yang besar bagi kita.

Untuk jangka panjang kita akan adakan seperti mana yang saya katakan dahulu *double major* ataupun dwi pengkhususan. Jadi, jika seorang mengambil misalnya *Islamic study* kita hendakkan juga mereka mengambil *Islamic economic,* mengambil *Islamic financing* dan mengambil *Islamic insurance.* Dengan cara itu dapat kita *market*kan mereka dengan lebih luas lagi.

Kurikulum sekarang ini kalau misalnya kita ambil *engineering*, di University Malaya kita sudah *new hybrid courses* seperti micro ataupun *bioengineering*, ada yang ambil *bio-medical engineering*. Jadi, dengan adanya *new hybrid courses*, dengan izin Tuan Yang di-Pertua, dapat kita memasarkan *student* kita dengan lebih bagus lagi. Dan kita akan memberikan pendedahan kepada apa yang dikatakan oleh Yang Amat Berhormat Perdana Menteri mengenai memenarakan personaliti ataupun sahsiah *(towering personality)* penuntut-penuntut kita. Terima kasih.

**Datuk Rosli bin Mat Hassan [Dungun]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat Menteri. Pertamanya bagi pihak rakyat Terengganu, saya ingin rakamkan tahniah dan ucapan terima kasih kepada Yang Amat Berhormat Perdana Menteri yang telah mengumumkan penubuhan sebuah universiti yang baru di Terengganu. Terima kasih juga kepada Yang Berhormat Menteri. Soalan tambahan saya ialah, apakah di peringkat persediaan awal ini model yang difikirkan oleh kementerian, penubuhan sebuah universiti di Terengganu ini. Terima kasih.

**Dato' Dr. Haji Shafie bin Haji Mohd. Salleh:** Yang Berhormat, *modality* yang kita boleh lakukan pelbagai daripada apa yang telah dilakukan oleh negara-negara membangun dan negara-negara maju. Sekarang ini ramai yang menyatakan bahawa kita hendakkan kampus. Di kampus itu kita ada beberapa fakulti. Ini satu model.

Model yang kedua, kita ada universiti terbuka (*open university*) di mana mereka boleh mengambil kursus melalui maya *(virtual).* Model yang ketiga kita hendak tengok kalau boleh kita hendak adakan satu *chancellery* dan yang lain-lain itu akan merupakan universiti kolej, dan universiti kolej ini akan dianugerahkan oleh *chancellery* dari segi penganugerahan ijazah. Kalau kita tengok *modality* daripada University of London misalnya mereka ada beberapa kolej, tetapi yang menganugerahkannya ialah University of London. Begitu juga kalau kita tengok daripada segi University of Wales misalnya, mereka ada University College di Swansea, di Aberystwyth dan di beberapa tempat

yang lain tetapi penganugerahan akan dibuat oleh University of Wales. Sekian, terima kasih.

5. **Ir. Dr. Wee Ka Siong [Ayer Hitam]** minta Menteri Sumber Asli dan Alam Sekitar menyatakan sejauh mana kementerian mengetahui gejala mencuri air bawah tanah yang kian menular di negara ini. Berikan statistik yang diperolehi melalui bantuan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi" atau sumber maklumat kerajaan negeri dan apakah tindakan bersepadu yang telah, sedang dan akan diambil untuk memastikan kualiti air bawah tanah tidak tercemar.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Yang di-Pertua, sebelum saya mengemukakan soalan ke-5, saya ingin membuat sedikit pembetulan baris keempat dan kelima "bantuan Kementerian Tenaga, Air dan Komunikasi" bukannya "Sumber Asli dan Alam Sekitar." Terima kasih.

**Setiausaha Parlimen Kementerian Sumber Asli dan Alam Sekitar [Tuan Sazmi bin Miah]:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Tuan Yang di-Pertua, pengepaman air bawah tanah yang dibuat oleh pengguna kebanyakannya dilakukan oleh pihak industri bagi menyokong keperluan air mereka. Kegiatan ini tidaklah boleh dianggap sebagai mencuri kerana tiada royalti yang dikenakan oleh kerajaan negeri dan kementerian tidak mempunyai statistik jumlah pengepaman atau kuantiti kerana tidak terdapat mekanisme di mana kuantiti pengepaman air tanah dapat dikira kerana pihak berkuasa air negeri masih belum menguatkuasakan sepenuhnya enakmen air negeri yang ada memperuntukkan pelesenan penggunaan sumber air bawah tanah.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat, mengikut rekod Jabatan Mineral dan Geosains jumlah telaga yang dilaporkan kepada kementerian ini ialah sebanyak 9,817 buah termasuk Sabah dan Sarawak, di mana jumlah yang tertinggi ialah di Kelantan sebanyak 1,955 buah tenaga. Pengurusan sumber air bawah tanah secara amnya dapat dibuat melalui pengawalan pengepaman dan juga penghindaran dari pencemaran. Untuk itu, pihak berkuasa air negeri perlu menguatkuasakan sepenuhnya enakmen air negeri bagi melesenkan semua pemilik telaga air bawah tanah yang mengepam 2,500 liter sehari dan bukan untuk kegunaan domestik serta mengguna pakai dengan izin, *guidelines for well drilling, ground water abstraction and ground water monitoring* yang

telah disediakan oleh pihak Jabatan Mineral dan Geosains yang menitikberatkan proses pengawalan sumber dari segi kuantiti dan juga kualiti.

Jabatan juga telah mengambil langkah-langkah bersesuaian untuk memastikan pembangunan yang dijalankan tidak mencemar sumber air bawah tanah dengan menyediakan *inventory*, sumber potensi pencemaran bagi kawasan-kawasan tertentu dan juga membuat pengezonan kawasan pemuliharaan sumber ini untuk kawasan yang dikenal pasti berpotensi. Terima kasih.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Setiausaha Parlimen. Saya meneliti jawapan yang telah dikemukakan, yang dikatakan pengepaman air bawah tanah bukan satu gejala mencuri air bawah tanah. Saya rasa ini adalah satu masalah yang besar kerana kalau kita tidak melihatnya sebagai satu gejala mencuri air bawah tanah, ianya mungkin, sebab kita tidak ada statistik yang menunjukkan betapa teruknya keadaan ini dan ia juga akan menjejaskan pergerakan zarah-zarah tanah yang akan menjejaskan kestabilan *foundation* itu sendiri. Jadi, soalan saya, kita sudah tahu semua sumber bawah tanah itu milik kerajaan dan kita tidak ada satu undang-undang pun yang boleh kita mengawal cara ini, mengambil air dari tanah dan kesemua pengusaha industri tekstil ini menggunakan air berleluasa daripada bawah tanah.

Saya hendak tanya kepada kementerian apakah cara untuk kita mengawal keadaan ini supaya ianya tidak menjadi berleluasa dan, adakah SPAN yang pihak kementerian akan mencadangkan kepada SPAN yang bakal ditubuhkan itu mengambil alih juga aspek ini, iaitu pengurusan air bawah tanah di mana setakat ini tidak ada yang menyentuh tentang pengurusan air bawah tanah. Minta penjelasan. Terima kasih.

**Tuan Sazmi bin Miah:** Untuk pengetahuan Yang Berhormat, undang-undang belum dilaksanakan oleh pihak berkuasa negeri, jadi dia tidak dikira curilah, dia dikira ambil.

Untuk pengetahuan Yang Berhormat juga hanya tiga negeri jabatan telah pun mengemukakan draf Enakmen Air Negeri dan hanya tiga buah negeri iaitu Johor, Selangor dan juga Kelantan yang telah pun *review,* tetapi belum lagi menguatkuasakan, dan lain-lain negeri belum pun *review* Enakmen Air Negeri yang memperuntukkan lesen dan juga kawalan tertentu terhadap air bawah tanah tadi. Dan untuk pengetahuan Yang

Berhormat juga bagi soalan yang kedua itu, air bawah tanah ini masih lagi tidak termasuk di dalam Pengurusan Air Negara (SPAN) yang dibentangkan di dalam Dewan ini saya rasa. Terima kasih.

6. **Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]** minta Menteri Keselamatan Dalam Negeri menyatakan apakah langkah-langkah diambil untuk mencegah jenayah daripada berlaku dan apakah tindakan yang diambil untuk mendakwa pihak penguat kuasa yang bersubahat dengan sindiket jenayah di negara ini.

**Timbalan Menteri Keselamatan Dalam Negeri [Dato' Haji Noh bin Haji Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, bagi menangani kes-kes jenayah, kementerian dengan penguatkuasaan PDRM telah mengambil langkah-langkah seperti berikut:

a) tindakan pencegahan serta secara berterusan dengan bantuan masyarakat dan tindakan penyiasatan yang teliti dan berkesan sehingga jenayah dibawa ke muka pengadilan;

b) menjalankan pemantauan bagi meningkatkan usaha risikan serta tindakan pencegahan serta berterusan untuk membendung dan menghapuskan kegiatan sindiket haram dan kegiatan jenayah melalui operasi-operasi seperti berikut:

   i) Ops Mamba: Operasi terhadap kegiatan jenayah yang melibatkan pendatang tanpa izin.

   ii) Ops Rattler: Operasi terhadap kegiatan perjudian haram.

   iii) Ops Copper Head: Operasi terhadap kegiatan terhadap kongsi gelap.

   iv) Ops Viper: Operasi terhadap kegiatan rompakan atau samun gudang dan lori.

   v) Ops Python: Operasi terhadap kes jenayah pembunuhan.

   vi) Ops Rap Cerspent: Operasi terhadap kes kegiatan penyeludupan senjata api.

   vii) Ops Api Tedong: Operasi terhadap kegiatan samun atau rompakan bersenjata.

Kementerian juga sentiasa mengambil tindakan berterusan terhadap ahli-ahli kongsi gelap, kumpulan samseng yang bertindak ganas melalui undang-undang pencegahan yang sedia ada seperti Ordinan Darurat 99 serta hukuman yang berat di bawah Kanun Keseksaan.

Tuan Yang di-Pertua, kementerian sentiasa memandang berat mengenai isu penguatkuasaan yang bersubahat dengan sindiket-sindiket jenayah. Antara tindakan-tindakan yang telah diambil adalah seperti tindakan tatatertib, mendakwa mereka yang bersubahat di bawah seksyen 107 Kanun Keseksaan, mengambil tindakan di bawah Ordinan Darurat 1999 serta hukuman di bawah Akta Pencegahan Rasuah 1987.

Anggota penguat kuasa yang bersubahat tidak akan terlepas dari hukuman undang-undang. Jika didapati bersalah sama seperti penjenayah-penjenayah yang lain. Bagi tindakan tatatertib pula tindakan menggantung kerja, buang kerja atau penahanan gaji boleh dikenakan jika anggota terbabit didapati bersalah oleh Lembaga Tatatertib Jabatan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Tanjong.

**Tuan Chow Kon Yeow [Tanjong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Timbalan Menteri. Kita dapati bahawa dalam beberapa tahun kebelakangan ini beribu-ribu anggota polis dan pegawai diambil tindakan tatatertib seperti mana Timbalan Menteri nyatakan. Bolehkah Yang Berhormat Timbalan Menteri memberitahu Dewan yang mulia ini bilangan anggota dan pegawai sudah pun diambil tindakan kerana bersubahat dengan sindiket-sindiket haram jenayah seperti menerima wang perlindungan supaya sindiket ini dapat terus beroperasi? Dan apakah OCS, OCPD mahupun CPO perlu diwajibkan oleh kementerian Yang Berhormat untuk memberi keterangan mengapa masih ada sesetengah sindiket ataupun pusat-pusat hiburan yang menjadi sarang jenayah dan maksiat boleh terus beroperasi di kawasan mereka dan apakah kementerian akan terus dengan tindakan memindah kawasan OCS, OCPD mahupun CPO yang bermasalah? Sekian.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tanjong. Terutama sekali saya hendak betulkan kenyataan “bukannya beribu-ribu”, itu satu kenyataan yang bahaya yang boleh mencemarkan imej PDRM. Saya hendak nyatakan bahawa sejak tahun 2000 hingga tahun 2004 hanya ada 233 orang sahaja pegawai dan

anggota polis yang diambil tindakan tatatertib. Di antara 233 hukuman yang telah dikenakan iaitu seperti tahan kerja seramai 63 orang, gantung kerja 2 orang, buang kerja 43 orang dan tamat perkhidmatan 7 orang.

Mengenai pandangan Yang Berhormat kepada beberapa tempat ataupun daerah yang terdapat berlakunya jenayah dan tindakan yang kita ambil ialah pertama jika didapati terbukti bahawa OCPD ataupun Ketua Balai terlibat di dalam sesuatu jenayah seperti yang berlaku di Nilai baru-baru ini kita akan ambil tindakan tatatertib dan penyiasatan. Kalau perlu kita akan dakwa di mahkamah. Sementara menunggu penyiasatan kita akan pindahkan mereka ini ke tempat yang lain. Sekarang ini jika kita dapati juga ada laporan mengenai sesuatu kegiatan jenayah ataupun pusat hiburan ataupun apa juga yang mungkin tidak dapat diatasi oleh polis-polis tempatan (*local police)* maka pihak PDRM selalunya akan menghantar *Special Team* daripada Bukit Aman untuk membantu pasukan tempatan mengatasi masalah jenayah tersebut. Terima kasih.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat Timbalan Menteri. Yang Berhormat Timbalan Menteri, kecekapan dan keberkesanan anggota polis bukan sahaja bergantung kepada operasi-operasi yang telah disebutkan oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tetapi prestasi mereka lebih banyak bergantung kepada berapa banyak kes yang dapat diselesaikan. Yang Berhormat Timbalan Menteri, soalan saya ialah berapa banyakkah kes jenayah yang telah dapat diselesaikan oleh pihak polis kita terutamanya yang membabitkan kes samun dan bunuh dan di manakah kedudukan anggota polis kita berbanding dengan polis-polis lain di peringkat antarabangsa di dalam segi kecekapan dan keberkesanan perkhidmatan? Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Noh bin Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Daripada perangkaan telah menunjukkan bahawa PDRM telah berjaya menyelesaikan lebih daripada 50% kes-kes bunuh. Sebagai contoh PDRM telah berjaya menyelesaikan 65% kes bunuh pada tahun 2002, 65% kes pada tahun 2003, 50% pada tahun 2004 dan 49.4% pada tahun Januari hingga Februari 2005. Mengenai kes samun jika dilihat perangkaan perbandingan kes di antara tahun 2003 dengan 2004 sebagai contoh sebanyak 610 kes telah pun dapat diselesaikan iaitu 33.9%. Daripada jumlah-

jumlah kes yang boleh diselesaikan ini menunjukkan bahawa polis kita merupakan polis yang terbaik kerana kalau mengikut standard Interpol 20% sekiranya polis boleh menyelesaikan kes itu sudah dikira sebagai satu tahap yang berjaya yang ditetapkan oleh pihak Interpol. Tetapi di Malaysia kita lihat kes bunuh lebih 50% dan puratanya pihak polis kita berjaya menyelesaikan kes 46%. Ini menyebabkan kalau kita lihat kes jenayah, kalau kita buat perbandingan di antara Januari hingga Februari 2004 dengan tahun 2005 dalam tempoh dua bulan ini banyak kes-kes jenayah telah pun turun seperti kes ragut turun 841 kes ataupun 37%, kes rogol pun juga turun sebanyak 30 kes iaitu 97%, kes bunuh juga turun walaupun kadang-kadang setiap hari masuk dalam media massa kes bunuh berlaku di sana sini, tetapi dalam tempoh dua bulan ini kes bunuh turun sebanyak 26 kes iaitu 25.4%. Terima kasih.

7. **Datuk Haji Mohd Said bin Haji Yusof [Jasin]** minta Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani menyatakan betapa pentingnya sektor pertanian di luar bandar seperti di Jasin untuk dimajukan dan dipertingkatkan lagi. Nyatakan juga sama ada kementerian boleh membekalkan mesin-mesin dan peralatan kecil untuk membangunkan industri-industri kecil ini.

**Timbalan Menteri Pertanian dan Industri Asas Tani [Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar]:** Tuan Yang di-Pertua, kerajaan memang sedar betapa pentingnya sektor pertanian kawasan luar bandar dimajukan dalam usaha untuk meningkatkan pendapatan dan taraf sosial ekonomi penduduknya. Dengan penekanan yang lebih besar yang diberikan kepada sektor pertanian pada masa ini diharapkan faedahnya akan dapat dirasai oleh penduduk-penduduk luar bandar. Adalah menjadi hasrat kerajaan untuk memajukan dan memodenkan sektor pertanian khususnya di kawasan luar bandar melalui transformasi pertanian daripada secara tradisional dan berteknologi rendah kepada pertanian secara komersial dengan menggunakan teknologi terkini serta pengurusan moden.

Tuan Yang di-Pertua, untuk kawasan Jasin kementerian telah melaksanakan beberapa projek pertanian seperti berikut:

i) Taman Kekal Pengeluaran Makanan di Selandar dengan kawasan tanaman 168 hektar dan melibatkan 38 peserta;

ii) 57 projek kelompok tanaman buah-buahan dan sayur-sayuran; dan

iii) projek pemprosesan makanan yang melibatkan 28 peserta di bawah bimbingan Jabatan Pertanian. Dua buah bengkel tambahan akan disediakan dalam tahun ini.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertanian dan Industri Asas Tani memang prihatin kepada keperluan input pertanian dalam membangunkan industri kecil berasaskan pertanian. Terdapat beberapa program yang menyediakan keperluan mesin dan peralatan kecil. Misalnya Jabatan Pertanian menyediakan bengkel pemprosesan makanan dan membekalkan mesin dan peralatan kecil untuk projek pemprosesan bagi Kumpulan Pengembang Wanita dan di bawah program memperbagaikan dan menambah pendapatan petani. penternak dan nelayan yang dilaksanakan pada tahun ini kerajaan akan membiayai pembelian peralatan-peralatan dan mesin bagi projek pemprosesan makanan.

Selain daripada itu pengusaha-pengusaha akan juga mendapat sumber pembiayaan daripada bank khususnya Bank Pertanian. Terima kasih.

**Datuk Haji Mohd. Said bin Yusof [Jasin]:** Terima kasih. Untuk makluman Timbalan Menteri, Taman Selandar itu duduk di bawah Parlimen Alor Gajah bukan Jasin. Walau macam mana pun saya ucapkan tahniah kepada Kementerian Pertanian ,khususnya Jabatan Pertanian Negeri Selangor yang baru-baru ini telah mengadakan jualan terus barangan-barangan luar bandar, khususnya hasil orang kampung di pasar raya-pasar raya.

Minggu sudah di Tesco, Wangsa Maju, kita dapati bahawa sambutannya luar biasa sehinggakan tidak cukup barangan yang untuk dijual. Oleh demikian, kita berharap supaya Kementerian Pertanian dalam Rancangan Malaysia Kesembilan ini membuat strategi memperkasakan pengeluaran petani-petani ini. Pasar-pasar tani ini, Tuan Yang di-Pertua, ini mainan JKK. Sekarang ini sudah *21st century,* dengan izin. Barang-barang kampung kita boleh masuk dalam pasar raya-pasar raya besar dan mendapat sambutan daripada orang ramai. Mengapa tidak kementerian menggunakan strategi ini dan kita padamkan ini, pasar tani ini cukuplah. Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Seri Mohd. Shariff bin Omar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Jasin. Untuk makluman Ahli Yang Berhormat, kita sudah buat, Apa Yang Berhormat sebutkan tadi sebenarnya telah pun dilaksanakan. Kita telah pun mendapat ruang, kita telah mendapat kerjasama dengan pihak *hypermarket,* dengan izin, dan *supermarket* yang terdapat di Kuala Lumpur dan juga ibu-ibu negeri.

Sebagai contoh, sempena dengan sambutan 100 tahun Jabatan Pertanian, baru-baru ini kita telah pun membuat promosi hasil-hasil pertanian dan hasil-hasil yang diusahakan oleh orang kampung berasaskan kepada makanan di Jaya Jusco One Utama, Damansara. Di mana terbukti permintaannya begitu baik sekali sehingga tidak cukup bekalan yang kita sediakan. Jadi, langkah kita seterusnya untuk mengadakan di semua pasar raya-pasar raya yang terdapat di negara kita sebagai langkah untuk memperluaskan pasaran hasil-hasil pertanian yang diusahakan oleh penduduk di kawasan luar bandar.

Ini sebagai usaha kita di samping kita meningkatkan pengeluaran menentukan hasil-hasil itu berkualiti dan selamat dimakan. Kita juga sedang berusaha untuk memperluaskan pasaran, bukan sahaja di pasar tani tetapi di pasaran pasar raya-pasar raya dan juga kepada pasaran luar negara.

8. **Dr. Mohamed Hayati bin Othman [Pendang]** minta Perdana Menteri menyatakan apakah peranan Islam Hadhari dengan kewujudan pusat-pusat hiburan, judi, empat nombor ekor, disko dan kilang-kilang arak semasa melaksanakan Islam Hadhari dengan slogan 'Malaysia Negara Islam Contoh' dan mengapakah tindakan JAWI terhadap disko The Zouk baru-baru ini mendapat cemuhan dari pelbagai pihak dan kenapakah tuduhan terhadap pengunjung disko tersebut ditarik balik?

**Menteri di Jabatan Perdana Menteri [Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, Islam Hadhari ialah suatu pendekatan baru bagi memaju dan membangun diri masyarakat dan negara melalui 10 prinsip utama sebagaimana yang telah kita ketahui. Di antaranya ialah:-

(i) keimanan dan ketakwaan kepada Allah;

(ii) penguasaan ilmu pengetahuan;

(iii) keutuhan budaya dan moral.

Memandangkan pendekatan Islam Hadhari baru diperkenalkan, maka kerajaan telah memilih pendekatan dakwah dan pendidikan untuk memantapkan keutuhan moral dan budaya bangsa. Bagi menjauhi perkara-perkara yang terlarang yang boleh menjelaskan pembinaan prinsip-prinsip Islam Hadhari seperti di atas. Walau bagaimanapun, telah ada beberapa peruntukan undang-undang bagi sesetengah perkara yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang.

Bagi umat Islam seperti minum arak, judi dan sebagainya, peruntukan-peruntukan ini ada dalam akta atau Enakmen Kesalahan Jenayah Syariah. Saya suka membetulkan apa yang dibangkitkan Yang Berhormat bagi Pendang dalam soalan bahagian keduanya bahawa sebenarnya ada cemuhan dan ada pujian daripada masyarakat terhadap tindakan penguatkuasaan yang telah dilakukan oleh pihak JAWI. Pada umumnya, cemuhan yang dibuat adalah kerana aspek teknikal penguatkuasaan, iaitu tidak menekankan kepada prosedur operasi yang *standard, standard operational procedure, dengan izin,* dan bukannya kepada undang-undang jenayah syariah itu sendiri.

Penarikan balik pertuduhan sebagaimana yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat dalam soalan bahagian ketiga, sebab ada tiga bahagian soalan itu adalah tidak benar. Mengikut prosedur yang diamalkan, apa-apa isu untuk dibawa ke mahkamah syariah dikendalikan dua bahagian berasingan, iaitu bahagian penguatkuasaan dan bahagian pendakwaan JAWI.

Dalam kes ini bahagian penguatkuasaan telah mengemukakan laporan kepada bahagian pendakwaan dan setelah bahagian pendakwaan mengkaji dengan teliti terdapat fakta-fakta yang tidak lengkap dan tidak boleh dijadikan asas kepada pertuduhan. Oleh yang demikian, bahagian pendakwaan membuat keputusan berdasarkan kuasa yang ada padanya iaitu tidak bercadang untuk mendakwa. Sekian, terima kasih.

**Dr. Mohd Hayati bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri yang memberikan jawapan tadi. Soalan tambahan saya adalah, kita tahu penguat kuasa itu menjalankan tugas berdasarkan undang-undang yang diluluskan di dalam Parlimen dan tadi ada cemuhan dan ada pujian. Tetapi apa yang malangnya

cemuhan itu kita dapat baca di akhbar adalah datang daripada pembesar negara sendiri, kadang-kadang ada dua, tiga orang menterilah tidak perlu saya sebut di sini.

Dan, ini menyebabkan reputasi ataupun moral penguat kuasa itu sudah jatuh di mata masyarakat. Sebab itulah kita lihat pada 5 dan 6 Mac lebih daripada 10,000 remaja telah mengadakan satu pesta arak di Genting Highlands, di mana Ketua Pendakwa Syariah Pahang sendiri mengaku, iaitu Abdul Rahim Jaafar berkata, walaupun remaja itu Islam, khasnya perempuan yang menghadiri majlis berpakaian menjolok mata saya rasa bukan sahaja menjolok tetapi mencungkil mata di sini, minum arak, berpeluk dan bercium dengan pasangan secara terbuka tetapi pihak penguat kuasa dinasihatkan supaya tidak mengambil tindakan.

Maknanya di sini apabila tindakan tidak diambil kepada pelaku kesalahan moral di *The Zouk* itu, remaja ini nampaknya, menampakkan penguat kuasa ini tidak mempunyai kuasa lagi. Mereka sanggup mengadakan pesta di Genting Highlands. Jadi, soalan saya, apakah tindakan yang bakal dilakukan oleh pihak kementerian untuk meningkatkan, memperkasakan, moral, imej, prestasi, penguat kuasa agama kita supaya masyarakat merasa gerun dan takut ada 'hebah'nya penguat kuasa ini, agar kita kata *[Membaca sepotong ayat al-Quran]* perubahan dengan kuasa, dengan tangan itu dapat dilaksanakan. Sekian, terima kasih.

**Prof. Dato' Dr. Abdullah bin Md. Zin:** Terima kasih, di atas soalan tambahan yang telah dikemukakan oleh Yang Berhormat. Sebenarnya ada cemuhan dan ada pujian yang sebagaimana yang disiarkan dalam akhbar yang kita ketahui terutama di peringkat akhir-akhir dalam kes itu yang telah dilaporkan begitu lama. Jadi, saya telah mengumpulkan begitu tebal sekali apa yang telah dilaporkan dalam akhbar. Saya rasa banyak sangat yang saya kumpulkan, satu koleksi yang baik bagi sayalah untuk meningkatkan pengetahuan dalam bidang ini.

Yang terakhir banyak pujian, wartawan pun berminat dengan untuk memuji dan saya termasuk mereka yang puji menteri yang pujilah. Maknanya sebab apa, saya jaga kawalan saya di bawah jagaan saya. Takkan saya tidak bagi *support* pada pegawai-pegawai saya. Cuma itu ada bezanya bukan sokong seratus peratus cara begitu sahaja. Permasalahan hendak membuat pertuduhan memerlukan prosedur yang tertentu. Tidak boleh buat pertuduhan di mahkamah kemudian dia ada juga pakai

peguam syariah, kemudian apakah pertuduhan itu menepati ataupun tidak. Ternyata sekali bahawa ada asas-asas yang tidak kuat dalam pertuduhan itu, maka bahagian pendakwaan tidak bawa.

Tetapi sebagaimana yang didakwa di dalam akhbar tentang isu “tarik balik” itu tidak timbul sebenarnya – tidak tarik balik. Prosesnya dua – pertama, Bahagian Penguatkuasaan, ada ketua penguatkuasaan – dia yang serbu, dia yang ...... kemudian laporan itu dibawa kepada Bahagian Pendakwaan. Bahagian ini adalah bahagian yang lain di bawah JAWI .... dia ada dua seksyen. Kemudian, apabila dikaji, maknanya tidak ada bukti-bukti yang cukup, tidak mengikut prosedur yang tertentu maka tidak dibawa ke muka pengadilan Mahkamah Syariah, itu saja persoalannya.

Soal yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Pendang bahawa kena *haibah*nya, kena *taghyir bir-riad*, maknanya menggunakan kuasa, tetapi dia ada peraturan-peraturannya, kalau kita bawa dengan cara seperti lembu Sepanyol saya rasa, dengan izin, maknanya tidak betullah – nak ‘ghembah’ sana sedangkan orang pelarikan sedikit kain merah itu jadi dia tersungkur di situ sahaja – hebatnya lembu Sepanyol, tak mahu hebat seperti lembu Sepanyol. Sekian.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masa untuk soal jawab lisan sudah cukup.

***[Masa untuk Pertanyaan-pertanyaan bagi Jawab Lisan selesai]***

## RANG UNDANG-UNDANG

### RANG UNDANG-UNDANG KESALAHAN-KESALAHAN PENERBANGAN (PINDAAN) 2005

**Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga**

Aturan Urusan Mesyuarat dibacakan bagi menyambung semula perbahasan yang ditangguhkan atas masalah, "Bahasa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang." ***[13 April 2005]***

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Tangga Batu diminta sekarang menyambung ucapan.

**11.01 pagi**

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian, saya mengambil kesempatan ini untuk mengalu-alukan kehadiran pemimpin-pemimpin masyarakat dari Kampung Klebang Kecil, Parlimen Tangga Batu. *[Tepuk]* Terima kasih di atas kehadiran mereka, dan secara kebetulan pula saya terlibat di dalam perbahasan pindaan rang undang-undang pada kali ini. *[Disampuk]*

**Seorang Ahli:** Makan free. Makan free.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tidak adalah makan free kerana semangat mereka menyokong kerajaan dan hadir sama untuk mendengar perbahasan yang diadakan di Parlimen kita pada hari ini. Tuan Yang di-Pertua ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Ada sepuluh minit lagi.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Ya, 10 minit Tuan Yang di-Pertua, tidak mengapa. Saya ingin menjawab celahan yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam semalam yang menyatakan keghairahan seseorang lelaki itu ataupun apa yang dipanggil, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, *sexual aggression* oleh kaum lelaki ini perlu di*muhasabah* sendiri oleh kaum lelaki bukannya terletak kepada pakaian kaum wanita dan ini telah pun dibuktikan dengan beberapa kajian yang disebut oleh Yang Berhormat Bukit Mertajam semalam.

Kebetulan dalam perjalanan pulang, saya *surf through internet* dan mendapati ada beberapa perkara yang diberikan kepentingan apabila kajian terhadap pakaian wanita ini perlu diberikan perhatian pada hari ini, Tuan Yang di-Pertua, pertama sekali kita perlu melihat siapakah *sponsor* kepada kajian tersebut dan daripada pemerhatian saya semalam mendapati kebanyakan *sponsor* kepada kajian ini adalah pereka-pereka, *designer-designer* pakaian yang rata-ratanya adalah pereka pakaian wanita yang ke arah *sexy design*, Tuan Yang di-Pertua. Sudah pastilah hasil kajian itu akan menyebelahi kepada pendapat Yang Berhormat Bukit Mertajam semalam yang mengatakan kaum lelaki perlu bertanya iman masing-masing terhadap perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya juga mendapati bahawa ada beberapa perkara yang perlu diberikan perhatian di dalam aspek pakaian ini. Yang pertama, potongan pakaian; yang kedua, ketebalan dan kenipisan pakaian; yang ketiga adalah warna pakaian dan ketiga-tiga ciri ini perlu diberikan perhatian supaya siapa yang memerhati itu tidak akan memandang serong kepada cara pemakaian itu. Beberapa perkara lagi yang perlu diberikan perhatian juga oleh pihak kementerian ialah aksesorinya – *makeup*nya, *perfume* yang dipakai, wangi-wangian yang dipakai, *style* rambut yang digunakan, suara yang dikeluarkan dan juga barang-barang kemas yang digunakan. Semua ini akan menimbulkan rasa kurang selesa kepada penumpang-penumpang yang berada di dalam kapal terbang yang selalunya kebosanan, Tuan Yang di-Pertua. Bila bosan, sekali, sekali pramugari ini lalu menjadi satu hiburan kepada mereka. Malangnya jika ada antara mereka yang mempunyai *criminal mind-set*, yang mempunyai fikiran ke arah melakukan jenayah, mungkin mereka tidak melakukannya kepada pramugari tersebut tetapi apabila turun dari kapal terbang mereka akan melepaskan dendamnya kepada mangsa-mangsa yang tidak berpakaian seperti pramugari MAS kita.

**Dr. Rozaidah binti Talib:** *[Ampang]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Silakan Yang Berhormat bagi Ampang.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat bagi Ampang.

**Dr. Rozaidah binti Talib [Ampang]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Yang Berhormat mengaitkan soal pakaian kebaya pramugari dengan tindakan rakus pelanggan. Saya ingin bertanya kepada Yang Berhormat, adakah Yang Berhormat membuat satu penyelidikan ataupun kajian bahawa

tindakan rakus di atas kapal terbang ini selalunya melibatkan penumpang-penumpang yang telah dipengaruhi oleh alkohol.

Bagi saya isu pakaian ini jika dibandingkan isu minum alkohol atas kapal terbang, kita patut mengambil berat tentang isu alkohol atas kapal terbang kerana di bawah pengaruh alkohol, pakaian kebaya yang tidak ketat pun sudah nampak ketat sebab atas pengaruh alkohol ini, keyakinan diri, libido, nafsu, segala-galanya meningkat. Kebaya memang macam itu fesyennya – itu pakaian kebangsaan kita. Saya rasa di manakah yang patut kita memberi penekanan. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, sila Yang Berhormat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat Ampang. Memang nampaknya Yang Berhormat berminat betul dengan tajuk pakaian kebaya dan juga beberapa isu yang menarik perhatian kaum Adam ini, Tuan Yang di-Pertua.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng] ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Saya pula mempunyai satu tanggapan di sini, sama ada ianya isu alkohol ataupun isu pakaian tetapi hari ini kita akan mengkaji dari aspek *root cause of the problem*, punca kepada masalah itu. Kalau kita lihat secara mendalam, Tuan Yang di-Pertua, apa yang berlaku ialah hari ini kenyataan yang banyak orang cakap, rumah kita biarkan terbuka, pencuri datang masuk, kita nak salahkan siapa? Nak salahkan tuan rumah ataupun nak salahkan pencuri?

Silakan Yang Berhormat Kubang Kerian.

**Tuan Salahuddin bin Ayub [Kubang Kerian]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih sahabat saya Yang Berhormat Tangga Batu. Saya hendak tanya dengan Yang Berhormat Tangga Batu, adakah kita bersetuju supaya pihak pengurusan MAS mengkaji semula pakaian pramugari kita. Tidak payahlah kita hendak bandingkan dengan pramugari daripada *Pakistan Airlines* ataupun *Saudi Airlines* ataupun *Qatar Airlines*. Kalau hendak membanding dengan ...... saya dulu biasa naik *British Airways*, kita naik KLM, pakaian mereka lebih sesuai - pakaian yang semacam kebaya tetapi macam *cheongsam* ... sampai ke atas, dada yang tertutup.

Di sini saya pun risau juga ..... ialah kita semua bukan Malaikat Jibril, kini ini manusia biasa. Kadang-kadang bila kita sebut tentang *sexual harassment* ini, kadang-kadang bukan sahaja lelaki menggoda wanita tetapi wanita pun kadang-kadang menggoda kita juga, bak kata pepatah Melayu, bertepuk tak sebelah tangan. Saya rasa ke arah berpakaian yang lebih kemas, yang lebih baik supaya pramugari kita pun, kadang-kadang dia nak tunduk, nak *serve* kita makan, nak tunduk, dia sendiri pun saya tengok rasa malu, nak tutup dadanya. Apa salahnya saya rasa, dengan pakaian .... pakaian kebangsaan, pakaian kebaya tetapi dengan lebih kemas, dengan lebih sopan. Apa pandangan Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat Kubang Kerian. Saya ingin menyahut apa yang telah disebut oleh Yang Berhormat Kubang Kerian sebentar tadi dan meletakkan tanggungjawab ini kepada pengurusan syarikat penerbangan supaya dapat membezakan perbezaan antara "*sexy*" dan "*beauty*". Jadi, *sexy not necessarily beauty and beauty not necessarily sexy*. Inilah dua perkara yang perlu, dengan izin, Tuan Yang di-Pertua, inilah perkara yang perlu diberikan perhatian oleh pihak pengurusan syarikat penerbangan kita.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pendang

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Oh, sila.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu, terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya hendak minta penjelasan mengenai tiga persoalan, saya rasa. Yang pertama tentang menghidangkan arak. Saya biasa menaiki Iran Air, Emirate Air, Saudi Air dan juga MAS. Saya dapati untuk *flight* antarabangsa, kita tengok penumpang-penumpang bukan Islam lebih mudah mendapat arak daripada MAS sendiri jika dibandingkan dengan syarikat penerbangan yang lain. Apakah pandangan Yang Berhormat supaya MAS mengurangkan sedikit kemudahan ........... *too generous to serve* arak kepada penumpang.

Yang kedua, tentang pakaian pramugari ini. Kita dapati, sebagaimana yang disebut oleh Yang Berhormat Kubang Kerian tadi, tutup di atas, rasanya atas pun terbuka, di bawah pun lebih terbuka. Kadang-kadang bila dia berjalan tu dia langkah

lagi besar, bukan langkah yang kecil-kecil supaya menampakkan tubuhnya sampai ke atas – daripada lutut ...... *[Disampuk]*

Oh, tertengok, bukan tengok, tertengok – sekali tengok tidak apa. *[Ketawa]* Yang salahnya dua kali tengok, tiga kali tengok, itu yang tidak boleh. Maknanya kita tertengok begitu, seperti disebutkan oleh Tangga Batu tadi antara *beauty* dan seksi itu. Kita kena beri perhatian dan kita harap pengurusan MAS memerhatilah.

Kalau kita tengok Air Asia apanya, dia pakai seluar itu, maknanya nampak lebih sopan ya. Begitu juga kalau kita tengok dahulu ramai orang Melayu yang tidak mahu kerja *nurse* fasal pakai skirt. Tetapi bila tukar pada seluar panjang ramai orang Islam yang berminat untuk bekerja sebagai *nurse* ini. Apa pandangan Yang Berhormat Tangga Batu? Terima kasih.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat Pendang. Saya setujulah supaya pihak pengurusan MAS memberikan perhatian kepada hidangan minuman keras dan juga pakaian ini.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Saya sambung, sekejap Bukit Mertajam ya....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukit Mertajam.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** kepada celahan Pendang sebentar tadi dan juga celahan Kubang Kerian. Yang Pertama sekali dari segi potongan itu. Memanglah kalau kita lihat dalam apa juga *designer criteria*, yang pertama sekali adalah *cut*. Dia kata potongan untuk menampakkan seseorang itu lebih bergaya, dia kata untuk pakaian wanita *low cut* di sebelah atas dan *high cut* di sebelah bawah. Ini sebenarnya mengundang kepada perkara-perkara seperti *sexual aggression*, sebentar tadi.

Yang keduanya Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Pendang tadi menyebut tentang apa buat pun dia terpaksa terpandang dan saya yakin kaum lelaki arif tentang pandangan pertama tu sebenar hadiah. Yang pandang kedua itu kalau jatuh dosa dialah, kebanyakan dia pandang kedua - bonus. Yang Berhormat Batang Lupar katalah…..*[Ketawa].* Yang ketiga itu cari nahaslah…… *[Ketawa].* Ini perkara yang perlu diberikan perhatian, kita perlu lihat berbagai-bagai sudut di sini Tuan Yang di-Pertua.

Bukit Mertajam berdiri dahulu. Silakan Bukit Mertajam.

**Puan Chong Eng :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Isu ini telah sambung dari semalam dan sampai pagi ini. Yang saya hendak katakan ialah kajian yang saya sebut, bukan kajian yang dijalankan oleh *designer*. Tetapi kajian tempatan yang dijalankan oleh organisasi wanita. Di sini setiap tahun Malaysia berlakunya kes rogol lebih kurang 1,400 lebih dan separuh mangsanya adalah budak-budak yang di bawah umur 16, ada umur 4, umur 2 tahun, 10 tahun, yang mereka sungguh bersopan berpakaian baju kurung pun ada, pakaian sekolah pun ada.

Ini yang saya maksudkan bahawa yang mangsa rogol itu, bukan kerana mereka berpakaian seksi. Tambahan lagi, saya rasa tidak kiralah apa pakaian yang dipakai, walaupun seksi, itu tidak boleh menjadi alasan untuk mencabuli seseorang. Umpamanya, Tangga Batu memang berkereta besar dan kaya, itu tidak boleh menjadi alasan untuk merompak dia. Itu adalah sama.

Saya berharap Yang Berhormat di dalam Dewan ini. Janganlah bercakap seperti orang-orang di pasar ataupun di kedai kopi. Mesti lebih berpengetahuan ataupun menunjukkan bahawa yang dia kata berdasarkan……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Kita Ahli Parlimen pergi ke pasar juga, pergi ke kedai kopi juga.

**Puan Chong Eng:** Ya, itu saya bersetuju. Tetapi kalau pergi ke kedai kopi pun bercakap dengan berpengetahuan supaya menunjukkan mereka bahawa apakah faktor-faktor yang sebenarnya dan jangan hendak merebakkan lagi, ini *miss-miss* yang tidak betul. Saya haraplah, saya rasa Yang Berhormat Tangga Batu dia pun berpendidikan tinggi, terdidik di luar negara pula. Saya haraplah di aspek ini juga majulah. Terima kasih.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya kira apa yang telah disampaikan ataupun telah disebut oleh Bukit Mertajam tadi, satu penghinaan kepada Ahli-ahli Parlimen. Kita di sini sebenarnya bercakap berasaskan fakta, angka dan juga pengetahuan serta pengalaman. Yang Berhormat Bukit Mertajam, kita tidak kata mangsa, mangsa kepada keghairahan seks ini adalah mereka yang berpakaian seksi sahaja. Tetapi disebabkan oleh melihat wanita-wanita yang telah berpakaian seksi. Mereka menyimpan dendam. Melepaskan dendamnya kepada mereka yang berada di tempat yang salah, waktu yang salah, dengan kumpulan yang

salah. Ini yang saya katakan mereka menyimpan dendam mereka apabila melihat pramugari kita mundar-mandir dalam kapal terbang, turun sahaja perkara yang pertama dilihat ialah…..

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat. Lima Ahli Yang Berhormat Bangun termasuk Bukit Gantang.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** …..saya tidak kata mereka, kajian itu betul, mangsa-mangsa rogol adalah mereka yang berpakaian sopan. Tetapi kita hendak tahu kenapa pemangsa tadi, mencari mangsa. Sebabnya adalah yang pertama kerana mungkin telah melihat mereka yang berpakaian seksi dan jarang….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat Tangga Batu, tadi kata 10 minit hendak, sekarang sudah berapa minit sudah lepas?

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Saya…… ramai ni, satu, dua, tiga, empat, lima……. *[Memandang dan mengira jumlah Ahli Yang Berhormat yang bangun]*…….. Kita bagi yang wanita dululah. Kita *gender* ekuiti di sini. Kita minta Yang Berhormat.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, pertama kata tadi sepuluh minit diperuntukkan kata.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Saya tidak kata sepuluh minit, Tuan Yang di-Pertua kata sepuluh minit. Saya kata saya cuba……*[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Sekarang, sudah lebih sepuluh minitlah. Saya tambah dua minitlah.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Kita bagi peluang Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dua minitlah, dua minitlah.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih.

**Puan Tan Lian Hoe:** Ok. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Tangga Batu. Saya sebenarnya rasa tidak tahulah apa yang sepatutnya saya katakan……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Macam mana rasa tidak tahu……*[Ketawa]*

**Puan Tan Lian Hoe:** sebab rasa tidak seronok apabila……

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Oh… Bukan rasa tidak tahu.

**Puan Tan Lian Hoe:** ….Yang Berhormat Tangga Batu, Yang Berhormat Pendang, semua bercakap tentang iaitu yang dipersalahkan ialah wanita, disebabkan kerana wanita dilahirkan cantik, dikatakan seksi. Seksi sebenarnya adalah persepsi seseorang itu. Sebenarnya kalau kita lihat balik, selalunya kalau berlaku apa sekalipun terhadap wanita, wanita selalunya yang dipersalahkan.

Sebenarnya, kalau katakan berada di kapal terbang. Boleh katakan kaum lelaki ini sudah terus hendak melihat…..*[Disampuk],* pramugarinya sebab keimanannya tidak kukuh *[Disampuk]*

**Puan Tan Lian Hoe:** Kalau keimanannya kukuh, kalau dilihat wanita yang seksi dia kata meluat, dia tidak akan lihat. Tetapi kalau keimanannya mudah tergoncang, ha inilah yang berlaku. Oleh itu, bagi saya tidak dipertikaikan bahawa wanita itu cantik, seksi dan sebagainya. Yang pentingnya ialah lelaki itu perlu mempunyai iman yang kuat, iman yang tinggi. Maka, tidak akan berlakunya apa-apa, seperti rogol dan sebagainya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah, Yang Berhormat. Adakah Yang Berhormat bersetuju……

**Puan Tan Lian Hoe:** Saya ingat Yang Berhormat Tangga Batu haraplah, setiap kali boleh katakan saya ingat Yang Berhormat Tangga Batu ini agak prejudis sedikit kepada wanita. Sekian, terima kasih.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Itu satu kenyataan yang berbahaya Tuan Yang di-Pertua walaupun bagaimanapun……..

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Boleh jawab sekalikah?

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** …….. saya ucapkan terima kasih kepada Bukit Gantang. Nanti sekejap. Betullah saya bersetuju dengan Yang Berhormat Bukit Gantang dan saya biasa mendengar **“**jangan kamu kata kamu beriman, selagi kamu tidak diuji.**”** Tetapi ujian itu yang selalunya menjadi begitu subjektif **s**ama ada kita boleh hadapi atau**pun** tidak boleh hadapi. Silakan Kinabatangan diberi laluan.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Terima kasih Yang Berhormat Tuan Yang di-Pertua. Saya sebenarnya terkilanlah apa yang dipersepsi kaum hawa. Sebetulnya bukan tidak apa ini, cukup iman dan sebagai. Kita masuk kapal terbang, kita ini diharuskan melihat perkara yang cantik-cantik**.** *[Ketawa]*

Ya. Sama ada dia seksikah, apakah, ini diharuskan melihat perkara yang baik-baik. Wanita cantik ini beribu mata **siapa** pun boleh memandang. Cuma adalah salah kalau kita ada niat di sebalik penglihatan kita. Saya juga bertanggapan bahawa pihak MAS, rasa saya pakaian ini perkara sampingan, yang penting iaitu yang kita mahu bincang ini iaitu keselamatan. Kedua, perkhidmatan dia, servis MAS itu sendiri, dan ketiga pendapatan dia bagaimana.

Kadang-kadang kita tidak puas hati di *Thailand*, contoh dia kita sudah minta dahulu, kita minta satu kaunter di lapangan terbang di negara kita menyediakan untuk *check in* Ahli-ahli Yang Berhormat, sampai sekarang dia tidak laksanakan. Ini rasa saya keperluan kita. Soal pakaian dia seksikah, apakah, saya tengok itu bukan satu masalahlah. Sebab banyak juga yang tidak seksi pakai *jeans* pun kena rogol juga.

Saya tidak pernah bersetuju dengan Bukit Mertajam, hari ini saya setuju dengan beliau. Jadi pada saya Ahli Yang Berhormat perlulah kita melihat satu keperluan, iaitu selaras dengan tuntutan dunia pada hari ini. Kita perlu memikirkan soal-soal yang lebih global ke arah memastikan bahawa perkhidmatan MAS kita ini, pertamanya ialah selamat, apabila selamat bermakna penumpang-penumpang akan terus melanggan kapal terbang kita, penerbangan kita. Kalau tidak selamat tidak ada sekuriti dan sebagainya dan ada juga pegawai-pegawainya melampau-lampau.

Kita punya *screen* ini pun kita lihat *double standard,* ada *screen* dia terlalu sensitive, apa sahaja benda, dia bunyi, ada pula tidak. Jadi ini mintalah supaya *screen* di lapangan terbang ini diselaraskan. Jangan terlalu sensitiflah, kalau kita pakai tali pinggang pun dia berbunyi, macam-macam. Jadi pihak sekuriti ini pula dia kadang-kadang tidak berdisiplin, terus dia ramas kita kuat-kuat, kalau dia ramas kita kuat-kuat, kita pun marahlah.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Apa ramas-ramas?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Baiklah.

**Datuk Bung Moktar bin Radin:** Kalau dia *screen* baik-baik tidak apa, jadi saya minta Yang Berhormat memberi penjelasan apa keperluan-keperluannya, terima kasih.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih Yang Berhormat Kinabatangan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, masa sudah lama kita gunakan untuk membangkitkan perkara ini tambahan pula terkeluar daripada tajuk maka baik........

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Dia berkaitan dengan keselamatan Tuan Yang di-Pertua, ia berkaitan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Terkeluar daripada tajuk, maka saya meminta Yang Berhormat masuk ke isu-isu lain.

**Tuan Haji Ismail bin Noh:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron [Tangga Batu]:** Ya, saya akan masuk tajuk yang lain dan saya pohon supaya syarikat penerbangan memberikan perhatian kepada business strategi. Perkara ini sebenarnya telah menyebabkan berlaku imej atau *impression management,* pengurusan impresi dan juga *brand positioning* yang melemahkan syarikat penerbangan kita Tuan Yang di-Pertua, lebih-lebih lagi isu ….

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Pasir Mas perkara yang samakah?

**Tuan Haji Ismail bin Noh [Pasir Mas]:** *[Sambil menggeleng perkara]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau perkara yang sama, tidak perlulah ya.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tidak apa, saya hendak pindah ke tajuk yang lain. Lebih-lebih lagi kalau kita ingat dua tahun yang lepas isu 'kehidupan pramugara yang terlampau' telah menyebabkan berlaku suatu *tarnish* kepada imej pramugari kita dan ini perlu dilakukan perubahan Tuan Yang di-Pertua.

Tuan Yang di-Pertua, saya meneruskan lagi perbahasan saya ini dengan membawa kita semua kepada suatu tajuk yang paling penting, iaitu tentang ulat-ulat teksi yang berada di kawasan lapangan terbang kita. Perhatian perlu diberikan oleh pihak kementerian kepada teksi atau kereta-kereta yang membawa penumpang ke atau kembali dari lapangan terbang, di mana beberapa isu telah ditimbulkan oleh pemandu-pemandu dan pemilik-pemilik kereta sewa yang mana seolah-olah berlaku satu monopoli di kalangan pemilik-pemilik *airport limousine* ini untuk membawa penumpang ke destinasi dan membawa penumpang dari destinasi ke KLIA. Apa yang berlaku Tuan Yang di-Pertua adalah suatu gambaran yang mungkin tidak cantik kepada pelancong-

pelancong kita apabila berlaku perpindahan penumpang dan apabila berlaku suatu caturan di antara pihak pemilik kereta sewa, dan juga pemilik *airport limo* di mana penumpang diturunkan di stesen-stesen minyak ataupun di hotel-hotel yang dijanjikan oleh perjanjian di antara kedua-dua pemilik kereta ini. Pemilik *airport limo* dan pemilik kereta sewa berjanji dan berjumpa di satu tempat, diturunkan penumpang dan berlaku pertukaran kadar bayaran bagi pemilik kereta sewa dan juga pemilik *airport limo,* dan ini sedikit sebanyak akan memberikan satu gambaran yang kurang baik kepada pelancong-pelancong yang datang ke negara kita Tuan Yang di-Pertua.

Akhir sekali Tuan Yang di-Pertua, berkaitan dengan bahasa, seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Kepong semalam, iaitu petugas-petugas ataupun pekerja-pekerja di lapangan terbang KLIA ini perlu menggunakan bahasa bukan sahaja bahasa Malaysia dengan sempurna, tetapi juga bahasa Inggeris dan jika boleh mereka ini dibekalkan dengan bahasa-bahasa yang ketiga, di mana jika berlaku masalah di kalangan pengunjung-pengunjung atau penumpang-penumpang kapal terbang kita, mereka ini boleh berkomunikasi dengan cekap dan berkesan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon menyokong. Terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kepong.

**11.34 pagi.**

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya dengan ringkasnya, tidak lama.

Tuan Yang di-Pertua, sebenarnya rang undang- undang ini adalah untuk membincangkan Montreal Protocol 1988, jauh daripada pakaian. Kerana dalam Montreal Protocol 1988 tidak disebutkan pakaian. Walau bagaimanapun saya menyokong MAS mengenai pakaian itu, tidak payahlah kita naikkan semangat yang bukan-bukan.

Tuan Yang di-Pertua, maksud rang undang-undang ini ialah untuk dimasukkan protokol bagi pembanterasan tindakan-tindakan keganasan dengan menyalahi undang-undang di lapangan terbang yang menyediakan penerbangan awam antarabangsa, yang dibuat di Montreal pada 24 Februari 1988.

Saya pun tidak tahu sebab apa pihak Malaysia tunggu begitu lama sejak 1988 lagi, tunggu begitu lama baru sahaja kita hendak termaktub di dalam undang-undang Malaysia. Cuba kita bilang tempoh yang diperlukan untuk membuat demikian, ini memang satu kelemahan…

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Biasalah, biasalah itu.

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Memang kelemahan, tahun 1988, itu lebih dua dekad, 27 tahun.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Biasalah, biasalah.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Itulah kelemahan Yang Berhormat Menteri, dia ini peguam. Jadi kita berharaplah Yang Berhormat Menteri pun boleh berhati-hati supaya kelemahan seumpama ini tidak berlaku lagi.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, Yang Berhormat Tangga Batu bangun.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Menyampuk dan bercakap dengan Yang Berhormat Kepong]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Ya, saya tahu, saya tahu pasal itu! Bukan tentang pakaian seragamkah?

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Bukan, bukan saya hendak beritahu, Yang Berhormat Kepong ini mungkin seorang doktor dia punya *arithmetic* dia lemah sedikit. 2005 tolak 1988, berapa? Yang Berhormat Kepong ? Saya tanya sekali lagi 27 kah, atau 17?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Salah sayalah, 17....

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Betulkan balik Yang Berhormat Kepong.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Memang betul itu 17 ataupun 27 pun serupa juga sekarang. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Bukan 27!

**Dr. Tan Seng Giaw:** *[Ketawa]* Terlewat, lebih baik sedikit 17 itu, tetapi terlewat. Ini memang satu perkara yang kita mesti mengambil perhatian dan ini

bermakna di pihak kementerian, adakah sanggup mengadakan satu pasukan khas? Untuk menguatkuasakan undang-undang ini.

Sebenarnya keganasan ini boleh berlaku bila–bila masa dan pihak kerajaan mengambil perhatian sekarang pun betul juga. Kita mesti sokong betul juga, walau bagaimanapun pihak kerajaan akan menguatkuasakan, adakah ini bermakna pihaknya akan mengadakan satu pasukan khas dan juga latihan ke atas semua kakitangan bukan dari segi bahasa sahajalah, semua disiplin untuk mencegah keganasan, kerana saya nampak kelonggaran di dalam KLIA misalnya, memang longgar. Teksi sahaja tidak dapat selesai, macam mana kita hendak selesai masalah keganasan? Bertahun-tahun, teksi atas tanah, teksi bawah tanah, teksi di dalam udara, semuanya ada. Ini bermakna kelonggaran dan disiplin tidak cukup dalam KLIA, satu KLIA sahaja bukan dua, tiga dan empat. Satu sahaja tidak boleh dilaksanakan untuk menjaga dengan betul-betul, dan sebab itu saya minta Yang Berhormat menerangkan kepada kita yang pertama mengenai pasukan khas untuk menguatkuasakan undang-undang ini, yang kedua pendidikan disiplin yang bakal diadakan di KLIA itu. Yang Berhormat Menteri pun menggunakan KLIA tetapi dia tidak kisah.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Menyampuk]* Apa dia cakap?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Yang Berhormat ada Peraturan Mesyuarat.

**Dato' Seri Mohamed Nazri bin Abdul Aziz:** *[Sambil bangun dan bercakap tanpa pembesar suara]* Mengapa dia bercakap tidak pandang Tuan Yang di-Pertua?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia pandang sini, dia pandang sini, okey Yang Berhormat Kepong pandang sini ya.

Bukan Yang Berhormat tidak suka saya?

**Dr. Tan Seng Giaw [Kepong]:** Saya pandang, saya pandang, saya suka, memang suka**,** ya tetapi dari semasa ke semasa kita mesti ubah sedikit pandangan. *[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]* Ya.

Tuan Yang di-Pertua, yang saya sebutkan tadi mengenai dengan kursus-kursus pendidikan yang perlu diadakan oleh pihak kementerian untuk mengadakan disiplin, pengetahuan dan kesedaran yang cukup semua kakitangan di dalam KLIA dan sekarang saya diberitahu bahawa kebanyakannya daripada Bangladesh. Kakitangan

Bangladesh dan negara lain pun ada kerana mungkin orang Malaysia tidak berminat, saya pun tidak tahu. Bolehkan Yang Berhormat memberitahu kepada kita di Dewan yang mulia ini bilangan orang Malaysia sebagai kakitangan di KLIA dan bilangan orang asing di KLIA sekarang ini? Dan macam mana misalnya pekerja-pekerja daripada Bangladesh dapat memberikan perkhidmatan yang lebih elok daripada orang Malaysia di KLIA, ini memang satu perkara yang penting dan akhir sekalilah, kita tidak panjang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Hari ni dia baik dan sopan pula. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz [Sri Gading]:** Tuan Yang di-Pertua,

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat Kepong kata Yang Berhormat sopan hari ni.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Siapa sopan? Dia sopankah saya yang sopan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Dia kata hari ini Yang Berhormat sopan.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Saya sopan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hari inilah, hari ini.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ini hari dalam sejarahlah kalau dia kata ini macam. *[Ketawa]* Saya tertarik dan terpanggil Yang Berhormat Kepong punya .....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ucapan?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ucapan, hujah. Apakah Yang Berhormat bagi Kepong.... pengurusan KLIA memang sengaja mengambil pekerja Bangladesh ini. Saya tidak percaya rakyat Malaysia tidak hendak kerja di KLIA, kerja dalam *air-cond*. Apakah agaknya pihak pengurusan itu memang sengaja tidak hendak buka peluang kepada rakyat negara kita. Dia buka kepada negara lain kerana gaji agaknya murah. Jadi apa pandangan Yang Berhormat Kepong sebenarnya? Benda ini harus diperbetulkan, terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, memang dari segi aspek ini Ahli Yang Berhormat bagi Sri Gading adalah betul, anggapan yang tepat. Saya pun tidak faham, kita ada 25 juta orang di sini dan KLIA merupakan satu lapangan terbang yang

canggih, moden yang dapat dibanggakan tetapi kita tidak dapat kakitangan yang 100% misalnya orang Malaysia. Jadi inilah satu kemalangan, malang sangat. Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Saya nak tanya jugalah sedikit dengan Yang Berhormat bagi Kepong. Kadang-kadang dia ada baik jugalah, bila masa dia tidak terkepung dia baik. Apabila dia terkepung itu jadi masalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Bukan tidak baik, Yang Berhormat, bukan tidak baik, Ada masalah, bukan tidak baiklah, memang dia sentiasa baik.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Ketawa]* Alhamdulillah pagi ini baik Tuan Yang di-Pertua, pagi ini baik, tahniahlah Yang Berhormat bagi Kepong. Ya lah, memanglah, memang. Tetapi saya hendak bertanya dengan Ahli Yang Berhormat bagi Kepong, pandangan Yang Berhormat mengenai pekerja di KLIA ini. Saya banyak bertanya dengan pekerja-pekerja KLIA ini, mengatakan gaji mereka RM 300, RM 400 macam itu. Orang Bangladesh boleh menerima gaji sebanyak RM 400, RM 400 lebih. Kalau sebagai porter umpamanya, kalau yang kita jumpa itu memang macam itulah gaji dia, dapat tip mungkin dapat RM 400, mungkin dapat RM 1,000 sebulan daripada tip pemberian orang-orang yang menggunakan perkhidmatan mereka.

Masalahnya agensi sedemikian melihat *the bottom line* dengan izin, keuntungan, apabila mereka melihat keuntungan jadi berlumba-lumbalah hendak cari pekerja-pekerja murah ini. Apabila mencari pekerja-pekerja murah ini dengan sendirinya ....pertama, mutunya akan turun. Kedua, dia tidak akan membawa orang kita masuk bekerja. Peluang kepada orang kita akan diambil oleh orang yang boleh bekerja dengan gaji murah. Sepatutnya agensi sedemikian tidak melihat daripada sudut keuntungan, prasarana sebagai lapangan terbang ialah untuk memberi kemudahan supaya orang ramai berduyun-duyun datang ke negara ini dan mendapat layanan, mendapat *treatment*, mendapat kemudahan yang tinggi mutunya dan elok layanannya dan dari semua segi boleh menandingi bangunan itu sendiri, barulah keuntungannya di atas ............ daripada pekerjaan yang dibangkit di tempat itu, bukan untung daripada gaji murah dan sebagainya dengan kerja pun yang tidak senonoh. Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, Ahli Yang Berhormat bagi Santubong memang ada asas juga. Walau bagaimanapun kita membincangkan dari segi pencegahan membanteras keganasan. Kalau halnya mementingkan gaji yang rendah, macam mana kita boleh menghadapi keganasan? Yang rendah memang itu cara menentang keganasan, rendah juga. Saya berpendapat bahawa pihak kementerian mesti mengkaji bagaimana Malaysian Airpot Berhad (MAB) ini dapat menguruskan KLIA kita dengan lebih baik.

Dari segi tangga gaji juga kita mesti kaji. KLIA adalah lapangan terbang yang terkemuka di dunia, yang canggih lagi dan mengapa kita tidak boleh menawarkan gaji yang lebih canggih juga? Kalau kita hendak menggunakan pekerja-pekerja dengan gaji yang rendah, bagaimana kita dapat meningkatkan mutu atau standard perkhidmatan kita, standard *security* keselamatan kita, standard mencegah keganasan kita? Semua ini memerlukan, saya percayalah, perbelanjaan yang lebih tinggi sedikit. Sebab itulah saya berharap sebelum saya mengakhiri ucapan saya, pihak kementerian dapat mengkaji semua peranan MAB dan bagaimana kita dapat menguatkuasakan undang-undang apabila diluluskan kelak.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Sri Gading.

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, saya hendak dapat sedikit pandangan daripada Yang Berhormat bagi Kepong. Kadang-kadang penerbangan dalam negeri selalu berlaku kelewatan. Kalau kita lewat sebagai penumpang memang kena tinggal. Itu salah penumpang, kita faham. Tetapi kalau dia lewat kadang-kadang seolah-olah macam tidak berdosa apa-apalah, dia sajalah lewat. Dia rasa tidak bersalah macam itu. Sebab itu kelewatan itu tidak menjadi perkara yang merisaukan dia, dia boleh buatlah maknanya penumpang kena bulilah. Pasal you hendak naik saya punya kapal terbang, *you* kena ikut *I* punya *time* lah. *So* kadang-kadang dia lewat, dia macam tak bersalah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bagaimana Ahli Yang Berhormat bagi Kepong boleh jawab soalan itu?

**Datuk Haji Mohamad bin Haji Aziz:** Ahli Yang Berhormat bagi Kepong orang berpengalaman, Tuan Yang di-Pertua. Saya suka dia punya fikiran, fikiran dia matang, berpengalaman. Jadi saya rasa dia boleh membantu. Kalau jawapan dia nanti

menjawab soalan saya, menteri yang menjawab kena ambil soalan ini sebagai satu perkara yang dipentingkan oleh penumpang. Penumpang ini macam-macam masa dia, dia hendak pergi ke Sabah misalnya, dia ada temu janji pukul 5 petang. Dia fikir kalau naik kapal terbang pukul 1 dia boleh sampai, selamatlah temu janjinya pukul 5 dan apa semuanya sekali. Tiba-tiba kelewatan, dah dia tidak dapat hendak menunaikan urusannya. Tidak tahulah apa urusan, terpulang masing-masing Tuan Yang di-Pertua. Ini jadi masalah kepada penumpang, Yang Berhormat bagi Kepong?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya mengalu-alukanlah ulasan Yang Berhormat bagi Sri Gading, hari ini lebih berstandard tinggi sikit.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa? Biasanya tak berstandardkah Yang Berhormat?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Biasa ada juga tetapi kadang kala itu kita nampak tidak sesuai.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tadi kata dia hari ini bersopan, sekarang kata dia hari ini ber*standard*. Kalau kata hari ini dia bersopan, semalam dia tak bersopankah?

**Dr. Tan Seng Giaw:** Kadang kala dia sopan, kadang kala dia kurang sikitlah.

*[Dewan menjadi riuh dengan ketawa]*

Walau bagaimanapun mengenai kelewatan, Air Asia pun lewat juga dari masa ke semasa, dan MAS juga lumrahlah berlaku kelewatan dan pihak yang bertanggungjawab pun kadangkala sudah dicucuk ubat pelali Tuan Yang di-Pertua.

Woish! Tidak rasa sangat dah itu. Ubat pelali kelewatan penerbangan itu. Ini memang kita mesti cari ubat yang baru untuk digunakan oleh pihak kementerian, pihak KLIA, pihak MAS dan Air Asia juga. Jangan anggap Air Asia tidak lewat kerana kadangkala lewat juga. Dia tunggu penumpang. Dia memang mementingkan keuntungan.

**Tuan Fong Kui Lun:** *[Bangun]*

**Dr. Tan Seng Giaw:** Tuan Yang di-Pertua, saya berharap semua perkara termasuk.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Bukit Bintang.

**Tuan Fong Kui Lun:** Terima kasih kepada Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada rakan saya Yang Berhormat bagi Kepong. Adakah Yang Berhormat Kepong sedar bahawa lapangan terbang KLIA oleh kerana ramai pekerja-pekerja asing, khususnya Bangladesh, ini mungkin memberi satu tanggapan salah kepada pelancong-pelancong bahawa mereka datang ke Lapangan Terbang Dhaka bukan di Kuala Lumpur. *[Ketawa]* Ini satu tanggapan yang salah seperti kita pergi ke London. Bila kita sampai Lapangan Terbang London ada ramai orang Afrika atau India, kita salah tanggapan bahawa kita sudah sampai New Delhi. Adakah Yang Berhormat sedar bahawa kita harus memberi kerja kepada orang tempatan, khususnya Malaysia kerana ini akan menjaga nama baik Malaysia. Terima kasih.

**Dr. Tan Seng Giaw:** Yang Berhormat bagi Bukit Bintang, Yang Berhormat bagi Santubong pun ada bangkit perkara yang sama dan itu mungkin kita tukarkan Kuala Lumpur kepada Dhaka, cukuplah. Tidak payah hendak jadi Kuala Lumpur lagilah.

Walaupun pihak kementerian tahu ini seharusnya tidak dibenarkan berlaku tapi berlaku juga. Saya berharaplah perkara-perkara seperti ini dapat diambil perhatian dan diperbetulkan dengan segera. Sekian, terima kasih.

**Ir. Shaari bin Hassan:** *[Bangun]*

**Tuan Razali bin Ibrahim:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ada dua lagi, ya. Tanah Merah, lepas itu Muar bolehlah.

**11.52 pg.**

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua kerana memberi kesempatan kepada saya untuk membahaskan Akta 307 Kesalahan-kesalahan Penerbangan 1984. Saya ingin menyentuh beberapa perkara mengenai keselamatan di lapangan terbang dan juga beberapa perkara yang perlu diambil perhatian, seperti penyeludupan yang menggunakan lapangan terbang sebagai tempat ataupun sebagai pintu masuk ke dalam negara ataupun keluar daripada negara kita.

Perkara pertama yang saya ingin sentuh berkenaan dengan penyeludupan senjata api daripada luar negara Malaysia melalui Lapangan Terbang Antarabangsa Kuala Lumpur dan kita dapati perkara ini berlaku dan sentiasa berlaku dan didapati

kesnya boleh dikatakan antara 10 hingga 15 kes tangkapan bagi setiap tahun kes penyeludupan senjata api, terutamanya pistol, revolver dan senjata api kecil.

Tuan Yang di-Pertua, apa yang kita dapati penyeludupan ini adalah dari destinasi negara-negara seperti Taiwan, China dan lain-lain negara, di mana didapati senjata-senjata jenis yang berasal daripada negara berkenaan. Kalau kita tengok dari segi tapisan ataupun *scanning system* di lapangan terbang antarabangsa kita adalah yang *hi-end* ataupun yang terbaru ataupun yang mempunyai teknologi yang tinggi di mana sehinggakan sekecil-sekecil objek dapat dilihat melalui televisyen yang dipaparkan. Cuma yang saya khuatir dan kita perlu pengesyoran kepada keselamatan MAB supaya beri penekanan kepada pegawai-pegawai yang bertugas di lapangan terbang yang bertugas secara khusus untuk meneliti barang-barang yang masuk daripada luar negara ataupun keluar daripada lapangan terbang ke destinasi lain.

Saya percaya kes tangkapan ini merupakan bukti bahawa adanya berlaku penyeludupan senjata api daripada luar negara ke Malaysia. Ini yang tertangkap. Saya pasti ada yang telah terlepas daripada pemeriksaan keselamatan di lapangan terbang. Saya tidak pasti berapa. 15 kes kalau tiga kali ganda maksudnya 35 senjata api sudah masuk ke Malaysia. Itu saya yakin bahawa ada senjata api yang terlepas. Kalau tidak saya rasa penyeludup-penyeludup ini tidak akan menjalankan kerja ini secara berterusan.

Sebagai contoh dan bukti kes yang berlaku pada tiga, empat hari lepas di mana satu penumpang orang Malaysia daripada Taiwan transit di KLIA untuk meneruskan perjalanan ke Johor Baru kerana pangkalannya di Johor Baru. Dia telah terlepas daripada tapisan atau kawalan keselamatan di KLIA daripada penerbangan antarabangsa untuk ke domestik. Dia sudah terlepas. Tetapi domestik ke domestik iaitu daripada Kuala Lumpur KLIA ke Johor Bahru dia ditangkap dan didapati ada senjata api, sepucuk pistol, jenis saya lupa telah didapati di dalam *luggage* yang dibawa oleh penumpang dan didapati penumpang ini *passenger* ini, dengan izin, ada terlibat dengan banyak kes-kes rompakan dan samun di sekitar Johor Bahru.

Ini menunjukkan bahawa berlakunya kebocoran ataupun kelonggaran di dalam pemeriksaan keselamatan di KLIA. Ini benar sekali, Tuan Yang di-Pertua. Saya menyarankan kepada pihak keselamatan MAB supaya mempertingkatkan lagi

keselamatan di peringkat keselamatan *luggage* dan lain-lain. Syor saya yang kedua, supaya mendapatkan pegawai-pegawai keselamatan yang benar-benar bertanggungjawab dan mempunyai kepakaran profesional di dalam tugas-tugas berkenaan dengan senjata dan sebagainya.

Saya juga tahu sedikit-sebanyak berkenaan dengan senjata api dan kita tahu bahawa senjata api, contohnya pistol, kita dapati komponen-komponennya boleh dibuka dan disimpan di tempat-tempat yang berlainan contohnya *barrel*nya, *magazine* dan sebagainya. Jadi, keadaan ini mengelirukan apabila dilihat daripada *scanner* itu komponen ini di sini separuh, di sana separuh, dalam beg ini separuh. Ini yang menyebabkan *lack* kepada pemerhatian dan saya dapati di skrin lebih kurang empat anggota keselamatan memerhati setiap beg-beg. Saya yakin dan pasti sebagai manusia sudah pasti ada *lack* dari segi pandangan, mungkin masa senjata api berkenaan komponennya lalu di hadapan mungkin pegawai itu hendak ke tandas atau apa masalah yang kecil-kecil dan sebagainya.

Saya menyerulah kepada pihak MAB supaya mengambil tindakan ini secara bersungguh-sungguh, secara untuk mengatasi perkara ini. Tuan Yang di-Pertua, perkara yang kedua yang saya hendak sentuh di sini, berkenaan dengan penyeludupan dadah. Ini juga mengancam keselamatan di lapangan terbang dan juga di dalam negara kita. Dadah ini ada yang masuk ke Malaysia dan ada yang keluar. Tetapi, apa yang saya dapati daripada maklumat yang diperolehi, kebanyakan dadah ini dihantar ataupun dibawa keluar ke Hong Kong, Taiwan, Singapura dan lain-lain negara di dunia ini.

Pelbagai modus operandi dibuat oleh mereka ini untuk menyeludup dadah keluar ataupun masuk ke dalam negara kita seperti dilekatkan di badan, di perut, di peha, di kaki dan ada juga di dalam kemaluan. Modus operandi ini telah dikesan oleh pegawai-pegawai keselamatan di lapangan terbang dan saya pasti sebagai manusia ataupun sebagai pegawai biasa, yang kurang dari segi tanggungjawab dan juga kecekapan, sudah pasti perkara-perkara ini dapat melepasi. Ada sebahagiannya dapat melepasi pemeriksaan keselamatan.

Di sini juga kita perlukan seorang pegawai-pegawai yang bertanggungjawab dan profesional, yang dapat membaca dari segi gerak laku perjalanan *passenger* ini menerusi pintu tapisan keselamatan dan sebagainya. Ini kerana, dadah ini tidak dapat

dikesan melalui *scanner* pintu gerbang yang kita lalu itu, dadah tidak dapat dikesan dan sekiranya tidak ada pemeriksaan secara manual, saya pasti banyak dadah ini telah keluar ataupun masuk ke dalam negara kita dengan mudah sekali.

[Timbalan Yang di-Pertua (Datuk Dr. Yusof bin Yacob) ***mempengerusikan Mesyuarat]***

Janganlah jadikan KLIA ini merupakan tempat yang menjadi tempat utama di rantau ini untuk menyeludup ataupun bawa keluar dadah daripada negara kita, kerana kita tahu bahawa dadah ini sukar untuk dikesan melalui *sensor* yang biasa, kecuali dengan kaedah manual dan juga menggunakan anjing. Tetapi, kita tengok di lapangan terbang di luar negara itu, sukar untuk memeriksa di badan kita ini, menggunakan anjing dan sebagainya, tidak di*practice*kan di lapangan terbang. Cuma, kita perlu beri penekanan kepada kaedah manual. Kalaulah seseorang pegawai itu profesional dan dapat bertindak secara cekap iaitu mengenal pasti kalaulah seseorang *passenger* itu mukanya kecil tetapi badannya besar, sudah pasti ada *something wrong* ataupun ada sesuatu di dalam tubuh ataupun yang dilekatkan di tubuh penumpang berkenaan. Ini perkara.....

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Nanti kalau muka kecil, badan besar tidak pakai baju Yang Berhormat, tidak ada benda.

**Ir. Shaari bin Hassan:** *[Ketawa*]. Itulah yang berlaku dan saya dapati perkara ini sentiasa berlaku dan saya yakin dengan pemeriksaan yang cekap, dengan penelitian yang rapi kepada perkara-perkara ini, amat-amatlah kita dapat membanteras perkara ini secara berterusan.

Tuan Yang di-Pertua, perkara ketiga saya hendak sentuh berkenaan dengan kecurian di *airport* KLIA. Kita tahu perkara ini tiap-tiap hari berlaku, di mana laporan dibuat kepada Pegawai-pegawai Keselamatan di KLIA oleh penumpang-penumpang yang menggunakan KLIA. Tiap-tiap hari ada. Saya dapat data ini daripada Pegawai Keselamatan di KLIA. dan apa yang digemari oleh pencuri ini, adalah yang utamanya *computer notebook*.

Janganlah kita ataupun *passenger,* berilah penerangan, berilah pendedahan. Jangan letak di atas troli dan kita pandang ke belakang ataupun *laps* sikit dari segi penglihatan kita itu. Memang ada orang yang tunggu hendak ambil *computer notebook*. Memang perkara ini jelas berlaku dan boleh dikatakan tiap-tiap hari berlaku dan 8 hingga 10 kes sebulan dapat ditangkap oleh Pegawai Keselamatan.

Mengikut statistik daripada MAB, saya dapati mereka yang melakukan kegiatan ini adalah bukan orang Malaysia. Ada yang warganegara Peru. Ada warganegara Indonesia, ada warganegara Bangladesh dan lain-lain lagilah yang menjalankan kegiatan ini. Saya tidak tahu kenapa warganegara lain yang menjalankan aktiviti mencuri beg-beg ataupun *computer notebook* di KLIA.

Tuan Yang di-Pertua, walaupun tangkapan dibuat, setiap bulan 10 orang ditangkap, bulan lagi sekali 10 orang ditangkap. Tahun lepas 10 orang setiap bulan. Kenapa perkara ini berterusan? Kenapa perkara ini berterusan. Saya yakin dan saya mengesyorkan kepada pihak berkuasa, MAB, contohnya supaya menambahkan lagi Pegawai-pegawai Keselamatan yang bertanggungjawab. Bukan sahaja pegawai keselamatan tetapi, kena ada tanggungjawab dan profesional di dalam menjalankan tugas dan menambahkan lagi Mata-mata Gelap di kawasan awam, di kawasan *checking* di kawasan *arrival* dengan izin, supaya perkara ini tidak berterusan.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar**: *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Larut, Larut bangun Yang Berhormat.

**Ir. Shaari bin Hassan**: Silakan Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima Tanah Merah. Tadi, Tanah Merah ada menyebut bahawa masalah keselamatan di KLIA ini sering kali berlaku dan kita menasihatkan supaya kita tidak meninggalkan barang-barang. Apa juga barang-barang yang boleh menyebabkan kecurian, orang mengambil kesempatan meletakkan di dalam beg tangan kita barang-barang seperti dadah dan sebagainya . Yang Berhormat menyebut tentang pelaku-pelaku ini adalah terdiri daripada kebanyakannya ialah pendatang asing tanpa izin yang bekerja di negara kita.

Saya hendak mencadangkan kepada Yang Berhormat, sama ada Yang Berhormat melihat perkara ini positif atau tidak, supaya mereka yang datang ke negara

kita ini, yang pada mulanya mencari rezeki, mencari makan dan kita bersimpati, akhirnya melakukan jenayah. Apa kata, kalau kita cadangkan supaya mereka yang terdiri daripada rakyat asing, yang melakukan penjenayahan termasuk di mana juga, kita hantar pulang terus sebagai satu ingatan, amaran supaya mereka berasa takut dan tidak melakukan sebarang kegiatan yang boleh menjejaskan keselamatan negara. Terima kasih.

**Ir. Shaari bin Hassan:** Terima kasih sahabat saya, Yang Berhormat Larut. Memang cadangan Yang Berhormat adalah baik, bahkan kita tidak hendak hantar terus. Apabila ditangkap, kita beri hukuman, menjalankan hukuman terlebih dahulu, barulah kita hantar ke negara asal mereka yang terlibat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Larut bangun Yang Berhormat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih. Saya lanjakkan sikit. Kalau kita hukum pun tidak ada makna. Kita ada macam-macam masalah, pandangan daripada pihak-pihak lain. Kita terus hantar pulang sahaja. Orang tidak boleh hendak kata apa dah. Ini telah diamalkan di beberapa buah negara seperti yang saya sebut, terutama di negara Arab. Sebuah negara Arab, kalau kita pergi kita dapati kurang ada polis ataupun kakitangan keselamatan di tempat-tempat awam, oleh kerana pendatang asing ini merasa takut, apabila mereka melakukan kesalahan, jenayah dan sebagainya, dan didapati bersalah, mereka terus dihantar pulang. Apabila mereka pulang ke negara mereka, sudah tentu mereka akan menghadapi kesulitan untuk datang balik ke negara berkenaan dan ini akan membebankan mereka . Ini akan menjadi satu amaran dan ketakutan kepada warganegara berkenaan. Tidak perlu kita hukum, kita terus hantar balik sahaja. Terima kasih.

**Ir. Shaari bin Hassan:** Ok, terima kasih. Mungkin salah satu cara yang boleh dan berkesan jugalah yang dicadangkan oleh Yang Berhormat bagi Larut. Tetapi, kita kena ingat bahawa negara kita ini terlalu terbuka oleh kemasukan pendatang tanpa izin kerana kita ada sempadan darat, sempadan laut yang begitu luas terbuka. Apabila pesalah ini dihantar pulang ke negaranya, saya rasa mereka ini mudah untuk datang

kembali ke dalam negara kita. Ini bergantung kepada keadaan. Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut. Saya mencadangkanlah…..

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** *[Bangun]*

**Ir. Shaari bin Hassan:** Sila.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Tanah Merah. Saya rasa sambungan kepada Yang Berhormat bagi Larut tadi, di samping kita hantar balik, kita perlu ambil *biometric* rekod dialah, supaya apabila dia balik ke negara dia, hendak datang semula itu, susah sedikit sebab kita mempunyai *biometric* rekod. Orang yang mempunyai kesalahan yang sebegini, tidak boleh masuk ke negara kita. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Ir. Shaari bin Hassan:** Saya setujulah sekiranya pesalah-pesalah ini mengikut saluran undang-undang negara berkenaan. Setelah kita hantar, kita dapatkan laporan dan pengesahan daripada kerajaan negara berkenaan dan kalau boleh cuba pihak berkuasa negara berkenaan mengambil tindakan tertentu terhadap warga negara yang membuat salah di negara kita. Tuan Yang di-Pertua, saya mengesyorkan kepada pihak keselamatan Malaysia Airport Bhd. memperketatkan lagi supaya perkara ini tidak berlaku. Kita tidak hendak dengar lagi ada kecurian. Ini menjejaskan imej kepada negara kita sekiranya bukan sahaja warganegara kita yang terlibat dengan masalah barang dicuri, tetapi juga penumpang-penumpang dari seluruh dunia juga terlibat. Ini memberi kesan yang buruk kepada negara kita dan juga kedudukan ataupun Airport KLIA yang dikatakan *International Airport* yang termasyhur juga di dunia.

Tuan Yang di-Pertua, saya ada satu perkara lagi hendak disentuh berkenaan dengan anggota trafik di Airport. Kita tahu bahawa anggota trafik di Airport, sekarang ini dijalankan oleh pihak polis ataupun pihak trafik polis. Saya ada dengar cadangan supaya anggota trafik ini dibentuk oleh MAB sendiri untuk mengawal kawasan di sekitar Airport dan saya yakin bahawa mungkin cadangan-cadangan bolehlah diteruskan supaya lebih cekap lagi dan senang untuk kawalan trafik kerana ibu pejabat KLIA tidak perlu lagi berada di Sepang seperti trafik Airport dan ini menyenangkan kawalan ataupun kalau mana yang kena saman, buat bayaran di KLIA sendiri, tidak perlu pergi ke Sepang dan sebagainya.

Saya rasa cadangan ini akan meningkatkan lagi aliran trafik ataupun masalah-masalah lalu lintas di Airport dan saya menyokonglah cadangan daripada Yang Berhormat semalam yang berucap yang mana menghendaki supaya Ahli-ahli Parlimen diberi kelonggaran untuk meletakkan kenderaan di tempat yang dikhaskan untuk VIP kerana kita juga VIP, kita juga wakil rakyat, sama dengan menteri-menteri juga wakil rakyat. Cuma mungkin nasib dia ataupun oleh kerana rezekinya menjadi menteri dan kita juga mewakili rakyat dan kita perlukan status yang sama.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Ir. Shaari bin Hassan:** Silakan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya mempunyai pandangan yang lain Yang Berhormat. Sebenarnya menteri tidak payah simpan kereta di tempat letak kereta sebab ada pemandu. Ahli Parlimen itu kena sebab tidak ada pemandu. Sesiapa yang ada pemandu diberi kerajaan tidak payahlah. Dia boleh letak kereta tempat lain, dia boleh gunakan *hand phone,* telefonkan dia datang. Tetapi yang tiada pemandu ini, mereka cam kita, juga saya selalu pun kena saman. Tetapi malangnya tiada mahkamah boleh hukum sayalah. Sebab pembuatan tempat letak kereta di lapangan terbang itu tidak betul dari segi undang-undang. Umpamanya, di Lapangan Terbang Kuching, dia sebut ‘Letak Kereta Menteri’. Apabila kereta saya disimpan di sana, dia saman oleh kerana meletak di tempat letak kereta menteri. Saya kata, dalam undang-undang, menteri dalam undang-undang ialah Menteri Pengangkutan bilamana Menteri Pengangkutan hendak letak kereta di Lapangan Terbang Kuching.

Mana letaknya *provision* undang-undang itu boleh mengkhaskan yang satu tempat kereta itu untuk menteri? Jadi daripada segi teknikal undang-undang dia salah. Jadi, lepas itu dia ubah pula. Saya tidak ganggulah. Susah hendak tulis surat banyak sangat. Yang dua kali itu, dia tidak hukum, sebab saya kata saya akan cabar undang-undang ini kalau dia bawa saya pergi ke mahkamah. Jadi, saya tidak dibawa ke mahkamahlah. Sebab saya tulis sampai lima muka, panjang lagi kerja saya. Sebab saya berasaskan prinsipnya kita tidak boleh disaman, saman itu salah. Selepas itu dia saman pula mengatakan letak kereta ini ialah mengganggu *(obstruction)*. Mana

*obstruction*, kalau menteri punya kereta tidak *obstruction*, saya punya jadi *obstruction*. Mana rasional dia?

Sepatutnya dibolehkanlah. Kalau betul hendak buat cara undang-undang, wujudkan perundangan yang betul-betul supaya boleh dikhaskan untuk sesiapa sahaja sama ada VIPkah, menterikah atau wakil rakyat ataupun siapa sahaja yang dibolehkan supaya dari segi undang-undang dia betul cara pelaksanaan dia, rasional dia betul. Jangan orang yang ada pemandu dia suruh letak kereta, orang yang tiada pemandu jangan diletak kereta. Sepatutnya ahli Parlimen yang dibolehkan, menteri tidak payahlah, ada kereta pandu.

**Ir. Shaari bin Hassan:** Terima kasih sahabat saya Yang Berhormat bagi Santubong. Saya memang setujulah, Walau bagaimanapun, sebagai ahli Parlimen kita mesti mengikut peraturan yang sedia ada dan kalau kita tidak dibenarkan meletakkan kenderaan, kita kena ikutlah peraturan itu. Tetapi kita mohon, kita menyarankan kepada Kementerian Pengangkutan supaya gazetkan *parking-parking* VIP ini untuk ahli Parlimen. Tuan Yang di-Pertua…..

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ada lagi Yang Berhormat bagi Santubong.

**Ir. Shaari bin Hassan:** Ok.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Sedikit. Ini saya hendak perbetulkan kerana nampaknya mesej peraturan yang dibuat kena diikut. Kalau peraturan dibuat salah, Yang Berhormat tidak perlu diikut. Tuan Yang di-Pertua, perlu patuh kalau peraturan itu salah? Umpamanya seseorang itu kata, ‘Ok, lembu tidak disembelih ini, lembu ini halal orang Islam boleh makan.’ Macam mana orang Islam hendak makan? Salah juga turutan itu. Jadi macam itulah, kalau undang-undang memang katakan salah, tidak perlu ikut. Hanya masalahnya apabila kita terima surat kompaun, kita bayar. Saya malas, perkara remeh hendak pergi mahkamah. Malas hendak buat perbantahan dari segi undang-undang. Terima kasih.

**Ir. Shaari bin Hassan:** Saya setuju dengan Yang Berhormat sarankan tadi. Tuan Yang di-Pertua, saya rasa itu sahajalah ucapan saya. Saya gulung ucapan saya tadi supaya mencadangkan kepada Kementerian Pengangkutan dan juga Malaysia

Airport Bhd. supaya meneliti apa yang saya bangkitkan tadi. Pertama, berkenaan dengan senjata api yang diseludup masuk dari luar negara ke dalam negara kita dan yang keduanya berkenaan dengan penyeludupan dadah menerusi KLIA sama ada keluar ataupun masuk ke dalam negara kita dan yang ketiga berkenaan dengan kecurian di Airport, dan yang keempat mengenai kawalan trafik di KLIA. Maka dengan itu, saya turut menyokong, sekian terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr.Yusof bin Yacob]:** Ya, Yang Berhormat bagi Muar.

**12.19 tgh hari**

**Tuan Razali bin Ibrahim [Muar]:** Bismillahir Rahmanir Rahim. Assalamualaikum waramatullahi wabarakatuh. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih kerana membenarkan saya untuk terlibat dalam perbahasan Rang Undang-undang Kesalahan-kesalahan Penerbangan. Semasa Yang Berhormat bagi Tangga Batu sebut tadi, banyak perkara terlepas mengenai dalam kapal terbang sebenarnya. Tidak perasan saya selama ini pramugari pakai baju seksi, ketat. Rugi saya, mungkin lepas ini saya akan beri tumpuan. Tetapi saya ingin menyentuh sedikit, kalau kita dalam penerbangan yang jauh saya harap pihak MAS dapat memberikan perkara yang tidak membosankan. Jadi, kalau dia itu pakai sedikit pun apa salahnya, saya tidak ada masalah itu, cuma sebelum ini tidak perasan yang pramugari pakai baju seksi. Tetapi kalau hendak tukar baju, saya rasa kita kena fikirkan. Dalam kapal terbang ini kecil, kalau pakai baju yang merebang-rebang, tersangkut-sangkut pun susah juga. Jadi sudah eloklah berpakaian begitu.

Cuma Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang keselamatan latar belakang akta ini yang menunjukkan bahawa kita mementingkan keselamatan penumpang. Penumpang ini bila kita sebut pasal keselamatan mungkin dia melibatkan pengganas seperti yang dinyatakan oleh Timbalan Menteri semasa membentangkan, boleh juga kita katakan gangguan daripada para penumpang juga boleh melibatkan keselamatan penumpang yang lain seperti yang disebut tentang arak dan sebagainya dan juga tentang keselamatan barang-barang kita.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Lipis.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Sebenarnya kalau kita lihat Konvensyen Montreal ini juga datang daripada *The Hague Convention 1970*, *Tokyo Convention 1963*. Jadi rasa saya kalau kita lihat semangat daripada ini, iaitu memasukkan Fasal 5 itu mengenai dengan keselamatan di lapangan terbang juga, selain daripada sebelum ini mungkin ada *clause* ataupun fasal-fasal yang menyentuh tentang keselamatan dalam kapal terbang. Tetapi ini rasa saya dia ada menyentuh tentang keselamatan di lapangan terbang.

Jadi berkait dengan arak yang disentuh oleh Yang Berhormat bagi Muar tadi, rasa saya kalau biasanya kita kata kurangkan *serve* arak, dengan izin, di dalam kapal terbang, tetapi bagi saya kalau kita lihat penjualan arak dan juga dengan izin, *serving of* arak ini di lapangan terbang juga ada. Jadi kalau kita lihat macam di Britain, di UK ada kalau kita tengok ada satu *Civil Aviation Act* dengan *Aviation Security* Act, satu daripada perkara yang sangat ditekankan dalam undang-undang itu atau akta itu ialah tentang orang yang mabuk di lapangan terbang yang boleh menyebabkan atau mengganggu keselamatan penumpang dan juga lapangan terbang itu sendiri.

Jadi bersetuju tidak dengan saya sekiranya penjualan arak ataupun penjualan arak yang terbuka, *serving of* arak di lapangan terbang juga ditiadakan? Terima kasih.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Saya rasa kementerian akan mengambil kira perkara ini. Saya setuju, saya tidak perasan pula ada penjualan arak terbuka di lapangan terbang, tetapi saya tahu kalau penumpang yang menaiki penerbangan kelas perniagaan dan kelas pertama, kita boleh dapat arak di dalam *lounge* yang disediakan. Saya harap pihak kementerian dapat kemudiannya nanti memberikan statistik di Kuala Lumpur, di KLIA, Senai, Pulau Pinang dan lain-lain lapangan terbang antarabangsa yang melibatkan kes-kes sebegini.

Sebab itu saya sebutkan tadi bila kita sebut pasal keselamatan, dia tidak hanya bergantung kepada isu pengganas. Ia juga boleh melibatkan gangguan penumpang lain kepada penumpang yang lain. Keadaan tidak stabil ini apabila dipengaruhi oleh arak,

dadah dan sebagainya, boleh juga mewujudkan gangguan keselamatan di lapangan terbang.

Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh dua perkara sahaja. Yang pertama tentang sama ada penguatkuasaan akta ini kemudiannya nanti dapat kita benar-benar fahami seperti juga yang telah dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Santubong semalam, sama ada kakitangan kita bersedia untuk menguatkuasakan akta dan sebagainya telah dibentangkan dengan panjang lebar.

Saya ingin menambah sama ada yang kita lakukan hari ini difahami oleh kakitangan kita di peringkat bawah, maknanya bukan di dalam kapal terbang. Sebagai contoh, saya tengok baru-baru ini di KLIA dan di kebanyakan lapangan terbang di negara kita, penerbangan domestik kita diminta menunjukkan salinan kad pengenalan. Saya menyokong langkah-langkah yang boleh mengatasi masalah keselamatan penumpang di dalam penerbangan. Tetapi saya lihat pemerhatian saya, penguatkuasaan menunjukkan IC ini menimbulkan masalah bukan untuk menyelesaikan masalah kerana yang meminta kita keluarkan IC atau kad pengenalan ini sambil lewa. Dia tidak tengok pun muka sama atau tidak.

Orang yang ingin melakukan jenayah apabila melibatkan kapal terbang ini, mereka sudah tentunya bersedia dengan perkara-perkara ini, saya tidak rasa kalau ada pengganas ingin mengambil kesempatan atau ingin *hijack*, dengan izin, sebuah kapal terbang, tidak terfikir untuk mengadakan satu IC atau kad pengenalan. Mereka akan menyediakan satu latihan, malahan berulang-ulang kali melakukan perkara ini supaya kerja mereka itu akhirnya berjaya.

Jadi kita perlu memikirkan satu kaedah yang sama diperincikan sama seperti kumpulan-kumpulan yang ingin menjadi pengganas ini. Barulah nanti perkara yang kita lakukan ini, perkara yang kita perkenalkan ini dapat benar-benar mengurangkan atau memberi kesedaran tentang bahaya pengganas di dalam kapal terbang. Saya rasa yang ini saya ingin menyentuh sekali lalu supaya mesej ataupun perkara yang ingin saya tekankan penguatkuasaan itu tadi dapat benar-benar membantu mengurangkan ataupun memberikan keyakinan kepada pengguna atau penumpang bahawa kapal terbang kita ini selamat digunakan.

Begitu juga kalau kita tengok di sesetengah negara Barat, apabila kita sebagai orang Muslim memberi pesanan makanan, *Muslim meal* dipanggil, kita akan dibekalkan dengan sudu garpu plastik, walhal yang bukan Muslim ini masih diberikan dengan *metal cutlery,* besi, maknanya *stainless steel*. Saya membangkitkan perkara ini di sana, saya tanya kenapa seolah-olah ada satu *double standard*. Adakah kita orang Islam ini dikatakan pengganas?

Rupa-rupanya penjelasan yang diberikan bukan kerana kita orang Islam itu diberikan plastik, dia takut kita pengganas, orang bukan Islam itu diberi sudu besi kerana bukan pengganas, ini maksud saya penguatkuasaan itu tadi. Katanya bagi sesetengah orang Islam, berkongsi sudu garpu pun tidak boleh. Jadi apabila diminta makanan Islam, bukan setakat makanan itu sahaja halal tetapi sudu garpu pun dia tidak dikongsi, sebab itu dia bagi plastik.

Jadi ini penguatkuasaan, bila tiba perkara-perkara ini cukup terperinci sekali. Jadi kita kalau hendak buat kita pun kena buat begitulah supaya justifikasi apa yang kita buat itu benar-benar dapat menyumbang kepada perkara yang hendak kita capai. Itu yang pertama.

Yang kedua, Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyentuh tentang apabila kita kata tentang keselamatan, juga datang daripada kemahiran...

**Dato' Razali bin Ismail:** *[Bangun]*

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Ya.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu.

**Dato' Razali bin Ismail:** Tuan Yang di-Pertua, tadi saya cukup tertarik apabila Yang Berhormat bagi Muar menyentuh tentang perkara penguatkuasaan. Saya ingat di sinilah merupakan punca masalah kita sekarang ini, apa yang disebut kalau dalam istilah Inggeris disebut sebagai '*excursion gap',* iaitu jurang yang memisahkan antara apa yang sepatutnya kita buat dengan apa yang kita buat. Inilah masalahnya sekarang ini.

Dan kadang-kadang dalam suasana, dalam masyarakat kita banyak sangat kita memberi tumpuan kepada perkara-perkara yang bersifat *emotive*, dengan izin, lebih bersifat perasaan itu yang menjadi pertimbangan kita dan kadang-kadang kita gagal

untuk melaksanakan berdasarkan kepada aspek legalistik. Ertinya perkara-perkara yang bersabit dengan keselamatan nyawa kita terutama dalam konteks penerbangan ini, ini harus dituruti secara yang legalistik. Ertinya kita tidak boleh kompromi dengan elemen-elemen emotif di situ. Apa pandangan Yang Berhormat?

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Saya tidak boleh tidak bersetuju. Cara mudahnya saya amat bersetuju. Sebab itu dalam banyak perkara bila kita lihat di lapangan terbang lain, kadang-kadang pemeriksaan itu dibuat dengan begitu teliti. Walaupun pada kita ia menyusahkan, tetapi sebenarnya mereka faham kerja dia bahawa kalau dia buat biar sampai habis. Tidaklah macam tadi, bila tengok sedikit sahaja, kononnya telah melaksanakan tugas dan tanggungjawab di bawah satu-satu akta.

**Dato' Liow Tiong Lai:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat bagi Bentong.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Itu yang tidak betul itu. Sila, Yang Berhormat bagi Bentong.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Muar. Memang benar saya amat setuju dengan pandangan Yang Berhormat bagi Muar apabila kita hendak melakukan penguatkuasaan, meningkatkan keselamatan di lapangan terbang mahupun dalam pesawat, kita kena buat secara menyeluruh dan secara berkesan. Apa pendapat Yang Berhormat bahawa sekarang semasa kita hendak naik kapal terbang kita kena tunjukkan *MyKad* dan kad pengenalan kita juga seperti yang dikatakan oleh Yang Berhormat bagi Muar, tidak dikenal pasti sama ada kad pengenalan itu sah atau tidak.

Saya dapati bahawa pihak berkuasa di lapangan terbang juga tidak mempunyai *card reader* yang disediakan kepada penguat kuasa. Saya rasa ini satu perkara yang perlu dititikberatkan dan saya hendak dapatkan penjelasan, kalau boleh kementerian beritahu kita, apakah tindakan yang telah diambil untuk memastikan bahawa penguat kuasa itu sendiri ada *card reader* kerana MyKad kita sekarang mempunyai banyak *information* dalam kad itu sendiri yang boleh dikenal pasti.

**Tuan Razali bin Ibrahim:** Saya ambil perkara yang dibangkitkan itu untuk ditambah kepada pihak kementerian apabila menggulung nanti. Tetapi sebelum saya

beralih kepada perkara kedua, saya hendak ambil satu lagi contoh mungkin boleh dapat penjelasan dengan lebih terperinci tentang apa yang berlaku di Hotel KL Sentral merupakan jalan masuk ke Lapangan Terbang KLIA. Saya mengucapkan tahniah kerana untuk pergi ke hotel tersebut pun kita akan diperiksa dengan *metal detector* dengan izin, di dalam kereta.

Pada satu petang, saya berhenti saya bertanya kepada *security*, hendak *check* apa? Dia kata sebab hendak jaga keselamatan pelancong. Ini pun tidak betul juga. Kita kena beritahu, bila keselamatan, keselamatan kita rakyat Malaysia pun kena jaga juga. Tetapi persepsi yang diberikan kepada penguat kuasa itu bila menyemak kereta saya, hendak jaga keselamatan pelancong. Adakah pelancong yang hendak kita jaga ataupun semua orang yang menggunakan kemudahan?

Jadi persepsi begini tidak menunjukkan mereka faham mengapa penguatkuasaan itu penting, kenapa mereka perlu memeriksa kereta ini. Kemudiannya, bila saya datang kali kedua menaiki kereta sendiri tetapi ada *emblem* Ahli Parlimen, dia terus jalan, dia tidak periksa pula kereta saya kerana saya ada *emblem* Ahli Parlimen. Dia bukan tahu saya di dalam itu ataupun orang lain atau pengganas menggunakan *emblem*. Bukan saya tidak berterima kasih mendapat kemudahan itu cuma saya terfikir apa kata kalau ada orang lain menggunakan *emblem* yang sama, penguat kuasa ini terus memberikan kereta ini masuk, maka gagallah penguatkuasaan yang telah dilaksanakan selama beratus hari, pada satu hari itu, pengganas dapat masuk ke dalam dan membawa barang-barang yang boleh menjejaskan keselamatan. Ini saya ingin menambahkan penekanan seperti yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Kuala Terengganu dan Bentong, penguatkuasaan itu dilaksanakan dengan baik dan yang melaksanakan itu faham mengapa mereka perlu menguatkuasakan perkara tersebut.

Saya hendak beralih kepada perkara kedua iaitu tentang keselamatan yang berkait dengan kemahiran. Bila kita melangkahkan kaki ke dalam kapal terbang, kita meletakkan nyawa kita kepada pemandu ataupun *pilot* kapal terbang. Saya ingin bertanya kepada kementerian, akhir-akhir ini disebabkan hebat persaingan kemudahan penerbangan, kita dimaklumkan bahawa ramai juruterbang kita yang mahir ini telah mula beralih ke syarikat-syarikat penerbangan yang lain dengan bayaran yang berlipat kali ganda dan bukan setakat itu sahaja, mereka sanggup pergi ke syarikat penerbangan

lain kerana gaji itu berlipat kali ganda dan boleh membayar pula kontrak mereka yang mereka tandatangani dengan MAS. Akhirnya kita tinggal dengan juruterbang-juruterbang yang kurang mahir. Bila juruterbang tidak berapa mahir, maka keselamatan kita pun berada dalam keadaan yang sukar. Saya tidak menafikan mungkin juruterbang yang baru sahaja diterima sebagai juruterbang sebaik yang lama tetapi syarikat-syarikat ini mengambil kesempatan di atas kekayaan mereka mengambil juruterbang kita.

Perkara ini perlu dilihat dan saya ingin mencadangkan kepada kementerian kalau boleh dilihat, kalau betul kita boleh melahirkan seorang juruterbang yang baik, yang telah kita laburkan sekian banyak duit untuk memberi latihan, akhirnya diambil oleh syarikat penerbangan lain kerana bayaran yang tidak mencukupi, boleh atau tidak kita adakan atau kita mempromosikan bahawa Malaysia boleh melahirkan ramai juruterbang? Kita latihlah seberapa ramai mungkin juruterbang dan kita hantar ke luar. Jadi kita boleh mengekalkan juruterbang-juruterbang yang terlatih dengan syarikat kita kerana bila kita *source out* ataupun menghantar keluar juruterbang-juruterbang yang terlatih, kita beritahu kepada semua syarikat penerbangan, kita boleh latih juruterbang kita kalau dia hendak sangat tetapi terpaksa kita hantar ke luar dengan bayaran-bayaran tertentu supaya persaingan mengambil juruterbang kita yang boleh menjejaskan keselamatan penumpang-penumpang. Jika akhirnya juruterbang kita ini semua tidak berpengalaman, maka kita adakan institut ataupun satu pendekatan di mana juruterbang-juruterbang ini dilatih dan kita hantar dengan bayaran-bayaran yang dikenakan dan mungkin kita boleh mengadakan perbincangan dengan syarikat-syarikat penerbangan yang sering mengambil juruterbang kita dengan bayaran yang lebih tinggi.

Dengan itu saya rasa dua perkara ini dapat menyumbang kepada apa yang telah disebutkan oleh rakan-rakan Yang Berhormat sebelum saya dan mengharapkan agar akta yang bakal kita luluskan ini dapat benar-benar menepati aspirasi Protocol Montreal yang disebutkan. Sekian, saya mohon menyokong, terima kasih.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Jawapan daripada Kementerian Pengangkutan, Yang Berhormat Timbalan Menteri, sila.

**12.36 tgh.**

**Timbalan Menteri Pengangkutan [Datuk Douglas Uggah Embas]:** Tuan Yang di-Pertua, yang pertama saya ingin merakamkan penghargaan kepada beberapa Ahli

Yang Berhormat yang telah mengambil bahagian dalam perbahasan rang undang-undang ini yang telah memberi pandangan, teguran dan cadangan dan kementerian akan mengambil perhatian ke atas semua cadangan yang diluahkan oleh Ahli-Ahli Yang Berhormat dalam dua hari ini.

Tuan Yang di-Pertua, banyak isu yang telah disentuh dan kita berpendapat, kita hanya menjawab perkara-perkara yang berkaitan dengan rang undang-undang dan juga masalah keselamatan kerana inilah isu pokok yang dibawa di dalam Dewan ini.

Tuan Yang di-Pertua, hampir kesemua Ahli-Ahli Yang Berhormat yang bercakap telah menyentuh mengenai masalah keselamatan dan telah mengutarakan kebimbangan Ahli-Ahli Yang Berhormat mengenai taraf keselamatan di lapangan terbang dan juga pesawat-pesawat kita.

Untuk makluman Dewan yang mulia ini Kementerian Pengangkutan juga mempunyai komitmen yang tinggi dan sentiasa memberi perhatian yang berat terhadap tahap keselamatan penerbangan udara termasuklah keselamatan pesawat, keselamatan lapangan terbang dan termasuk juga keselamatan penumpang-penumpang. Langkah kementerian untuk membentangkan rang undang-undang ini adalah satu bukti menunjukkan pendirian tegas Kementerian Pengangkutan untuk memastikan keperluan keselamatan mematuhi piawaian yang telah ditetapkan oleh keperluan antarabangsa. Agensi-agensi utama yang terlibat secara langsung dengan keselamatan penerbangan ialah Jabatan Penerbangan Awam (DCA) selaku pihak yang mengawal selia keperluan keselamatan, MAB sebagai pihak yang bertanggungjawab di lapangan terbang, MAS dan syarikat penerbangan lain sebagai pihak yang bertanggungjawab di pesawat.

Pada umumnya tahap keselamatan penerbangan kita ialah pada tahap yang cukup tinggi yang mana telah pun mendapat pengiktirafan badan antarabangsa (ICO) ataupun International Civil Aviation Organization dan pihak Transport Security Administration dari Amerika Syarikat. Sebagai badan yang mengawal selia keselamatan penerbangan awam, DCA mengikut sepenuhnya keperluan Enact 17 mengenai keselamatan penerbangan awam sebagaimana yang perlu dipatuhi oleh semua 188 negara Perjanjian ICO. Bukti pematuhan tersebut terhadap piawaian keselamatan yang tinggi ini adalah menerusi audit tahunan yang dijalankan oleh pihak *Transport Security*

*Administration* (TSA) terhadap syarikat penerbangan MAS yang mempunyai penerbangan terus ke Amerika Syarikat.

Seterusnya, di dalam memastikan pematuhan terhadap piawaian keselamatan di lapangan terbang di Malaysia, DCA telah pun menjalankan audit keselamatan terhadap semua lapangan terbang. Kejadian-kejadian yang berlaku baru-baru ini bukanlah kerana kita berkompromi dengan aspek-aspek keselamatan. DCA telah memperkenalkan langkah-langkah yang lebih ketat seperti di dalam insiden di Kota Kinabalu di mana sistem *shift* pekerja telah pun dikemas kini dengan memastikan sekurang-kurangnya dua orang pegawai bertugas pada satu ketika. Selain itu, DCA juga dalam memastikan piawaian keselamatan berada pada tahap tertinggi menerusi mengemaskinikan Program Keselamatan Kebangsaan Penerbangan Awam Malaysia dan menjalankan pemeriksaan keselamatan berjadual terhadap lapangan terbang.

Seterusnya bagi meningkatkan lagi tahap keselamatan di pesawat dan di lapangan terbang....

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat, Bera.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Okay.

**Datuk Ismail Sabari bin Yaakob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tertarik mengenai jawapan daripada Yang Berhormat Timbalan Menteri mengenai piawaian antarabangsa yang diikuti oleh MAB. Saya lihat ada perbezaan dari segi kawalan keselamatan di lapangan terbang di antara negara kita dengan di luar negara, misalnya selepas kejadian *nine eleven* serangan, 11 September, kita begitu *strict*. Kita hendak masuk untuk *boarding,* kita terpaksa di periksa keseluruhan badan, terpaksa keluarkan barangan di dalam saku, dalam poket seluar dan sebagainya, *very strict.* Di luar negara pun begitu juga, *very strict* sehingga terpaksa tanggal kasut dan sebagainya. Tetapi sekarang kita lihat keadaan ini tidak berlaku lagi di dalam negara kita, kita sudah longgar tidak lagi *strict* seperti dulu.

Begitu juga semasa penerangan di dalam pesawat. Tadi Yang Berhormat bagi Muar membangkitkan tentang pisau plastik, yang dia andaikan tentang orang Islam tidak boleh bertukar sudu dan sebagainya. Tetapi sebenarnya ini melibatkan isu

keselamatan. Sebab sudu yang besi dan sebagainya adalah dianggap boleh digunakan untuk *hijack* pesawat dan sebagainya. Di seluruh kapal terbang pada asa itu tidak menggunakan sudu-sudu besi, sudu-sudu aluminium dan sebagainya. Kita juga mengikuti piawaian tersebut, kita gunakan sudu plastik, tetapi sekarang tidak lagi, kita sudah longgar balik, tidak pakai lagi sudu plastik sudah pakai sudu aluminium, besi dan sebagainya.

Jadi, kalau pihak Yang Berhormat Timbalan Menteri menyatakan bahawa kita ada satu keseragaman dari segi undang-undang keselamatan dan sebagainya, mengapa selepas berlaku *nine eleven* dulu kita mempunyai standard yang sama tiba-tiba sekarang kita sudah longgar, berbeza daripada tempat lain. Di Singapura masih lagi kekat sebelum *boarding* masing lagi *check* dengan *detail*, di Korea masih *check* dengan *detail* tetapi kita tidak lagi. Jadi, piawaian mana yang ikut adakah kita mempunyai piawaian sendiri ataupun seperti yang dimaksudkan oleh Yang Berhormat tadi, kita ikut *international standard*. Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Sejauh mana yang saya tahu *security check* kita di lapangan-lapangan terbang adalah masih ketat, kita mengeluarkan pelbagai barang, semua barang yang ada dalam poket kita dan kita mesti melalui skrin dan sebagainya.

Jadi, sebenarnya tahap yang digunakan, piawaian yang digunakan ialah masih piawaian yang telah ditetapkan tetapi kalau terjadi kelonggaran di mana-mana tempat mungkin sewaktu itu pegawai ataupun yang mengendalikan pemeriksaan itu, mungkin mengenali Yang Berhormat, jadi dia mungkin segan sikit untuk membuat pemeriksaan yang lebih ketat. Maka selepas ini kita akan memberi arahan bahawa pegawai-pegawai ini haruslah, mestilah menjalankan pemeriksaan yang lebih ketat mengikut piawaian antarabangsa.

Seterusnya bagi meningkatkan tahap keselamatan di pesawat dan di lapangan terbang, pihak MAS telah meletakkan MAS *security* bagi setiap pesawat yang berada, inilah satu jawapan kepada perkara yang disebutkan Yang Berhormat bagi Beluran, yang menyentuh mengenai beberapa kejadian yang berlaku di KLIA, maka MAS telah meletakkan *security* bagi setiap pesawat yang berada di lapangan terbang sepanjang masa.

Tugas-tugas MAS *Security* tersebut adalah seperti berikut:

(i) mengambil nama semua staf-staf yang memasuki pesawat;

(ii) memerhatikan semua pergerakan staf-staf semasa bertugas di dalam pesawat;

(iii) membuat pemeriksaan fizikal terhadap staf-staf yang masuk dan keluar dari pesawat; dan

(iv) memastikan staf-staf mempunyai pas yang sah dibenarkan memasuki pesawat.

Mereka juga memerlukan membuat rondaan jalan kaki bersama-sama *Malaysian Airport* dan Polis selepas tengah malam dan juga mengadakan pasukan-pasukan khas untuk membuat tinjauan dalam pesawat-pesawat terpilih.

Pihak MAB pula telah membuat pemasangan CCTV, yang mana pemasangan dibuat dalam kawasan *apron* dan *remote pay*. Pemasangan ini akan siap sepenuhnya sebelum akhir tahun 2005. Pada masa yang sama, tambahan sebanyak 237 unit CCTV melibatkan kawasan *parking bay* , *remote bay* dan *ero bridge*. Apa yang kita hendak gambarkan di sini bahawa semua badan-badan yang terlibat dengan secara langsung dalam keselamatan penerbangan awam akan menjalankan tugas mereka dengan seberapa yang boleh untuk menentukan bahawa lapangan kita selamat.

Berhubung dengan isu yang keluar dari surat khabar hari ini dan juga mengenai isu membawa senjata api ke dalam pesawat seperti mana yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, pihak kementerian ingin menegaskan bahawa tindakan sedemikian merupakan satu kesalahan yang nyata di bawah undang-undang. Peraturan 66(3), Peraturan Penerbangan Awam 1996 memperuntukkan bahawa adalah menjadi satu kesalahan bagi mana-mana orang yang membawa masuk senjata api ke dalam pesawat. Peraturan 66 ini adalah selaras dengan *Chicago Convention*. Mana-mana orang yang didapati bersalah membawa masuk senjata api ke pesawat boleh dikenakan hukuman. Oleh itu, berdasarkan peruntukan undang-undang negara adalah menjadi tanggungjawab dan kewajipan mana-mana orang yang memiliki senjata untuk menyerah senjata api ini kepada pegawai keselamatan MAB, sebelum menaiki pesawat.

Walau apa pun yang dibangkitkan oleh Yang Berhormat bagi Rantau Panjang, kementerian ingin menegaskan bahawa tanggungjawab menyerahkan senjata api atau

apa-apa peralatan senjata lain terletak sepenuhnya kepada pemilik sebelum menaiki pesawat dan prinsip undang-undang menyatakan bahawa ignorant *of the law is no defense,* dengan izin. Saya ingin menyentuh perkara ini kerana saya hendak memberitahu kepada Yang Berhormat-Yang Berhormat bahawa perkara yang seperti itu adalah salah dalam segi undang-undang dan saya berharap Yang Berhormat semua mengambil perhatian mengenai peraturan dan undang-undang yang tertentu, maka perkara yang seperti itu tidak berlaku lagi.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Santubong telah menyentuh beberapa perkara yang pertama ialah mengenai persediaan agensi-agensi untuk berhadapan dengan situasi *aircraft* yang macam seperti *hijack,* lapangan terbang di negara kita.

Untuk makluman Yang Berhormat setiap lapangan terbang mempunyai *airport emergency plan,* di mana dalam dokumen ini telah merangkumi setiap fungsi dan tugas dan agensi-agensi yang terlibat. Dokumen ini selalu diuji latihan kecemasan secara tahunan di setiap lapangan terbang. Untuk makluman Yang Berhormat juga, kita ada *crisis management team, crisis management team* ini juga diketuai oleh *Inspector General of Police* atau orang yang dilantik oleh beliau dan ahli-ahlinya adalah merangkumi beberapa kementerian dan jabatan yang ada berkaitan dengan masalah ini.

Yang Berhormat juga telah membangkitkan isu persediaan, kebolehan, kemampuan melaksanakan *Montreal Convention* ini, seperti saya telah sebut tadi, kita memang bersedia dan semua kakitangan dan jabatan-jabatan yang terlibat telah pun diberitahu mengenai segala langkah-langkah dan peruntukan undang-undang yang kita baru lulus ini.

Yang Berhormat bagi Santubong juga bertanya sama ada *cabin crew* dan anak-anak kapal adalah diberi latihan persediaan untuk berhadapan dengan berbagai krisis. Ingin saya maklumkan bahawa *crew* kapal telah pun dilatih semula bagi menangani kes *terrorism.* MAS telah menggunakan expertise dari polis PDRM dan komando untuk melatih dan mengeluarkan *training module,* dengan izin, *Handling ActOf Terrorism* yang *destruktif* dengan *passenger since* 2002. Jadi, dengan cara ini kita mengharapkan bahawa kakitangan-kakitangan dan kabin-kabin *crew* kita diberi cukup latihan untuk berhadapan apa sahaja keadaan dalam pesawat.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Sentubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar [Santubong]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Terima kasih di atas penjelasan yang diberikan oleh Timbalan Menteri berhubung dengan persoalan yang telah saya bangkitkan. Tetapi ada satu perkara yang khusus, saya juga berminat mendengar penjelasan bahawa ada *crisis management* yang dibuat. *Crisis Management* ini adalah berbeza daripada satu krisis dengan krisis yang lain.

Kalau krisis itu berhubung dengan kapal terbang yang pecah ataupun terbakar satu cara *crisis management,* tetapi kalau kapal terbang itu di *hijack, crisis management* dan orang yang terlibat dalam *crisis management* itu pula berlainan dan setiap *crisis management* itu mesti *fit the situation* bukan *one module fit all*. Itulah kenapa saya menyebut semalam sama ada kita mempunyai pakar *negotiator* tetapi kalau kita pandang IGP itu sendiri, minta maaflah saya sebut Tan Sri Rahim Nor lah umpama jadi *negotiator* habislah kita, habislah kita ...... satu kena provok, habis kena. Ini satu kepakaran yang khusus, kepakaran yang mesti mendapat seseorang hamba Allah yang menjadi *negotiator* itu dia mempunyai keperibadian, emosi dan latihan yang mencukupi.

Itu soalan kalau *negotiating* berhubung dengan *hijacking* tetapi kalau berhubung dengan krisis lain mungkin kita perlu pakar perhubungan awam yang boleh memberi penjelasan supaya dia tidak menjadi satu panik kepada masyarakat umum. Adakah kita mempunyai latihan yang khusus ini yang memperelokkan lagi kita punya kelengkapan selain daripada apa yang banyak disebut oleh Yang Berhormat Muar tadi. Ini semua dalam satu. Kalau kita baca *crisis management article* dan *crisis management literature.* ...... Saya banyak membaca buku *crisis management literature ini.*saya hendak tahulah. Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat Santubong. Memang kerajaan mengambil kira segala jenis dan bentuk krisis yang akan berhadapan dengan negara maka kita juga ada anti *terrorism control committee yang dipengerusikan oleh Chief Secretary to the Government* dan ahli-ahlinya adalah terdiri daripada beberapa Ketua Setiausaha daripada beberapa kementerian yang ada kaitan dengan

masalah ini. Di sinilah persediaan jawatankuasa ataupun *Crisis Management Team* ini akan dibuat di mana memang mereka mempunyai pakar-pakar tertentu untuk menangani berbagai-bagai masalah misalnya *hijacking* ataupun kejadian-kejadian yang lain.

Kita harap Yang Berhormat sedar bahawa jawatan kuasa sudah ditubuhkan dan latihan-latihan dibuat dan saya penuh yakin bahawa kerajaan Malaysia memahami. Kadang-kadang keadaan itu adalah begitu rumit sekali dan memerlukan orang yang bijak untuk berbincang untuk keluar daripada sesuatu krisis. Maka semua perkara ini ada dalam sistem kita dan itulah kita tetap bersedia untuk menghadapi berbagai masalah.

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat Ayer Hitam ada menyentuh mengenai penjualan barangan larangan yang dijual di kedai *duty free* di lapangan terbang. Di lapangan terbang KLIA semua barang yang dibeli oleh penumpang di kedai *duty free* akan diperiksa oleh anggota keselamatan di *gate* sebelum menaiki pesawat. Barang-barang larangan atau bahaya akan ditahan. Lain-lain lapangan terbang pihak berkuasa sentiasa memantau ke atas barangan larangan atau bahaya daripada dijual di kedai-kedai bebas.

Yang Berhormat Tanjong ada menyentuh mengenai penghantaran barang-barang bahaya menerusi karung surat dan kargo untuk dimuatkan dalam pesawat. Untuk makluman Yang Berhormat, *post mail currier* menjalankan *screening* terhadap karung-karung surat yang dihantar ke dalam pesawat. Pihak MAS Kargo juga menjalankan pemantauan keselamatan yang tinggi pada setiap karung surat yang dibuat dalam pesawat. Jabatan Penerbangan Awam juga menjalankan audit terhadap *post mail currier* untuk menentukan bahawa tatacara kerja mereka adalah cukup bagus dan supaya masalah ini tidak akan timbul supaya dapat mereka menentukan bahawa barang-barang yang dihantar adalah barang yang selamat.

Yang Berhormat Tangga Batu kelmarin ada menyentuh mengenai barang yang tidak boleh di bawah ke dalam kabin. Ingin saya menjelaskan di sini terhadap dua kategori barang yang tidak dibenarkan di bawa ke dalam pesawat, barang yang menyalahi undang-undang tidak dibenarkan dan akan dirampas. Barang yang tidak

dibenarkan dibawa masuk ke dalam pesawat *(risk item)* diambil daripada penumpang dan diberi balik apabila sampai di destinasi. Inilah tindakan MAS mengenai perkara ini.

Tuan Yang di-Pertua, beberapa Yang Berhormat telah pun berbincang mengenai MAS dan perbincangan adalah begitu menarik dan begitu hangat khususnya mengenai pakaian dan tingkah laku pegawai-pegawai MAS dan sebagainya. Di sini ingin saya menjawab perkara yang disentuh oleh Yang Berhormat Bagan dan Yang Berhormat Muar mengenai masalah pemberhentian juruterbang di syarikat penerbangan kita di Malaysia.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pendang bangun Yang Berhormat.

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman [Pendang]:** Sebelum masuk ke tajuk lain saya hendak sentuh tentang keselamatan kapal terbang. Di Alor Setar kita ada Kolej Tentera Udara di Lapangan Terbang Sultan Abdul Halim yang menggunakan lapangan terbang sebagai tempat latihan mereka. Sejak kebelakangan ini saya lihat sudah tiga kejadian kapal terbang Pilatus yang telah jatuh dan kebetulan tidak jatuh di kawasan lapangan terbang, dekat kampung saya sekali dan di Kubang Pasu dua kali.

Saya hendak tanya kepada kementerian adakah kementerian mempunyai cadangan untuk memindahkan berpakat dengan Kementerian Pertahanan pindah ke lapangan terbang tentera udara tidak menggunakan lapangan terbang awam. Sebab daripada kejadian ini mungkin sekarang dia tidak jatuh di lapangan terbang kemungkinan pada masa hadapan kemungkinan berlaku semasa kapal terbang mendarat atau melibatkan orang-orang awam. Kapal terbang ini setiap hari menggunakan lapangan terbang itu, ini mungkin menimbulkan masalah kepada penumpang-penumpang awam.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat , kementerian akan melihat keadaan ini dan memang dasar kementerian dan dasar MAB dan DCA bahawa apa-apa urusan untuk latihan tidak akan menjejaskan keselamatan orang awam. Kalau ia akan menjejaskan keselamatan orang awam, saya pasti tindakan yang setimpal ataupun sepatutnya akan diambil oleh kerajaan.

Tuan Yang di-Pertua, saya berbalik kepada masalah perletakkan jawatan juruterbang MAS. Sekarang MAS mempunyai 1,500 juruterbang dan dalam 15 bulan yang lalu 80 juruterbang telah meletakkan jawatan. Angka ini agak tinggi tetapi tidak juga kritikal dan tidak juga menjejaskan kemampuan MAS untuk memberi perkhidmatan yang selamat.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya percaya Kementerian Pengangkutan mesti melihat adanya wujudnya syarikat-syarikat penerbangan selain daripada MAS adalah di atas kehendak Kementerian Pengangkutan dengan tujuan kita hendak melihat supaya persaingan yang sihat kita boleh memberi satu perkhidmatan yang bermutu tinggi tetapi akhirnya apabila berlaku pemberhentian juruterbang yang berpengalaman dan yang begitu baik meletakkan jawatan adalah kerana tawaran-tawaran yang lebih baik daripada syarikat-syarikat yang bersaing tadi. Apakah kementerian melihat akhirnya kementerian yang akan menghadapi bebanan dan tamparan akibat daripada kesilapan kementerian juga kerana membenarkan, kerana tidak melihat persaingan yang dijangka sihat akhirnya menjadi tamparan kepada penerbangan negara sendiri.

Saya percaya juruterbang-juruterbang ini tidak akan berhenti kalau pihak MAS terutamanya melihat dari segi perkhidmatan mereka yang begitu lama dengan memberi tawaran-tawaran kenaikan apa juga keistimewaan kepada mereka ini kerana juruterbang ini cukup mustahak. Saya sendiri dan rakan-rakan yang lain .....

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplahlah Larut.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Ya?

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Cukuplah itu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh sambung balik petang nanti? Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Yang Berhormat Timbalan Menteri sambung jawapan pada sebelah petang. Ahli-ahli Yang Berhormat Dewan yang mulia ini ditangguhkan sehingga jam 2.30 petang.

***Mesyuarat ditempohkan pada jam 1.00 tengah hari.***

***Mesyuarat disambung semula pada pukul 2:30 petang***.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Mesyuarat]***

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Boleh saya sambung sedikit lagi?

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat daripada Larut akan menyambung ucapan dalam perbahasan.

**2.33 ptg.**

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar [Larut]:** Terima kasih, saya hendak sambung sedikit lagi, masalah juruterbang ini kerana ia menjejaskan kadang-kadang apabila berlaku pemberhentian juruterbang yang berpengalaman, yang berkemahiran. Ini bukan masalah kepada syarikat penerbangan kita, *our national career* dengan izin, MAS tentang hendak dijadualkan balik jadual penerbangan dan sebagainya. Sedangkan tujuan kita membenarkan wujudnya syarikat-syarikat penerbangan yang lain adalah untuk persaingan sihat macam yang saya katakan awal tadi oleh Kementerian Pengangkutan. Akhirnya, menjadi satu tamparan pula kepada MAS. Oleh kerana kita tidak boleh mengikat mereka ini kalau mendapat tawaran yang lebih baik. Umpamanya, mereka yang telah berpindah ke Air Asia sebagai contoh, sebagai salah satu lagi syarikat penerbangan tempatan yang juga mengadakan penerbangan ke luar negara. Yang terbaru ke Surabaya, ke Bandung dan sebagainya lah, ke Thailand. Jadi apakah kita hendak melihat segala wang ringgit yang telah dibelanjakan oleh kerajaan untuk melatih mereka ini. Sedangkan kita tahu bahawa kita berbangga ramai juruterbang negara kita telah menyumbang juga kepada syarikat-syarikat lain secara tidak langsung. Oleh kerana mungkin kita sama ada agak lebih awal ataupun kita agak dahulu sedikit. Tetapi sejak akhir-akhir ini kita bimbang dengan pemergian mereka ini yang saya sendiri secara tidak langsung apabila bertemu dengan mereka mengeluh bekerja terlalu lama. Berbelas-belas tahun tetapi masih di takuk yang sama.

Dengan tidak ada satu, seolah-olah mereka ini tidak diambil begitu berat, sedangkan MAS sendiri melihat kualiti dari segi perkhidmatannya dan juga keuntungan. Jadi saya mintalah pihak kementerian melihat perkara ini, apakah langkah-langkah

kerana ia tidak mahu menjejaskan dari sudut keselamatan terutamanya apabila berada dalam penerbangan, sementara mereka mendapat di syarikat yang lain, fikiran mereka terbawa-bawa. Ini boleh menimbulkan gangguan, tumpuan fikiran ketika mereka berada dalam pesawat. Dan saya yakin, bukan setakat *pilot-pilot*, juruterbang yang telah mengambil langkah sedemikian, mungkin juga *crew-crew* yang lain, yang melihat. Bahkan saya mendengar sudah ada yang telah mendapat tawaran-tawaran yang begitu hebat dengan syarikat-syarikat penerbangan luar negara, sudah ramai. Jadi saya bimbang keadaan ini kalau dibiarkan akan menjejaskan industri kita yang selama hari ini telah diberikan satu penilaian yang begitu baik. Jadi saya mohon Yang Berhormat Timbalan Menteri untuk penjelasan dalam perkara ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila Yang Berhormat, sambung jawapan.

**2.35 ptg.**

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, terima kasih kepada Yang Berhormat. Memang kementerian sedar atas perkembangan ini tetapi kita terpaksa tunduk kepada hakikat ekonomi dunia dan globalisasi dan juga kita akur kepada keadaan sekeliling dan sebab itulah kita nampak beberapa orang juruterbang kita telah berpindah dari MAS kepada *airline* yang lain.

Jadi, bagi kerajaan kita memang berusaha dan begitu juga MAS memang berusaha untuk mencari jalan bagaimana hendak mengekalkan mereka ataupun hendak menentukan mereka masih dapat bekerja dan kerajaan telah mengambil beberapa tindakan ataupun MAS telah mengambil beberapa tindakan antaranya adalah untuk: -

(i) melanjutkan umur bersara juruterbang kita dari 55 ke 60 tahun;

(ii) menawarkan jawatan juruterbang secara kontrak, jangka pendek kepada juruterbang serantau;

(iii) meningkatkan pengambilan kadet ke 200 setahun; dan

(iv) mengadakan satu latihan kerjasama dengan TUDM.

Dalam masa yang sama, di negara ini kita ada 3 buah sekolah penerbangan. Dan kemampuan sekolah ini dapat mengeluarkan 150 juruterbang pada tiap-tiap tahun. Dan sumber yang lain adalah ada juruterbang-juruterbang dari angkatan tentera udara kita yang bersara. Mereka ini juga akan menyumbang kepada penambahan jumlah juruterbang yang dapat ditambahkan kepada kumpulan juruterbang yang diperlukan.

Saya memang setuju dengan Yang Berhormat bagi Muar yang mencadangkan bahawa kita mengeluarkan lebih ramai lagi juruterbang seramai supaya kita dapat membekalkan juruterbang-juruterbang ini ke luar negara. Maka pendirian kementerian kita menggalakkan penubuhan sekolah penerbangan supaya banyak lagi juruterbang ini dapat dikeluarkan untuk memenuhkan permintaan bukan hanya di negara kita tetapi di luar negara.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat saya hendak cadangkan di sini ada syarikat penerbangan, selain menawarkan gaji yang begitu tinggi, hebat, mereka juga kononnya telah ditawarkan syer dalam syarikat berkenaan. Mungkin ini salah satu daya tarikan sebagai jaminan kepada mereka. Minta sedikit pandangan Yang Berhormat.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Cadangan Yang Berhormat itu memang bagus, memang baik dan pengurusan MAS juga sekarang sedang meneliti terma-terma kerja untuk kakitangan-kakitangan mereka, untuk mencari jalan bagaimana hendak mempertingkatkannya supaya berbagai-bagai masalah yang disebut dalam Dewan ini dapat diselesaikan ataupun dapat dikurangkan supaya kita dapat meningkatkan semangat juru terbang kita dan krew-krew dalam MAS.

Yang Berhormat bagi Bagan dan beberapa Yang Berhormat juga menyebut mengenai masalah diskriminasi terhadap pramugari dalam MAS dan beberapa masalah perkhidmatan-perkhidmatan yang lain, ingin saya memberi tahu Dewan ini bahawa perkara ini sedang diteliti. Beberapa mesyuarat telah diadakan di antara beberapa kementerian dan berunding dengan MAS untuk mencari apakah kaedah yang paling sesuai untuk keadaan di negara kita, dan apakah kaedah yang dapat diterima oleh semua pihak.

Yang Berhormat bagi Bagan juga menyentuh mengenai masalah ...

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** ........ bonus dan elaun ....boleh saya selesaikan perkara ini? Saya ingin memberi tahu bahawa MAS memberi bonus berdasarkan kepada keuntungan syarikat mengikut formula yang sedia ada. Pada tahun 2003, 2004, MAS telah juga memberi apa yang dipanggilkan bayaran khas sebanyak sebulan gaji. Pada tahun sebelumnya, bayaran khas sebanyak setengah bulan gaji diberi; bagi tahun

2004 dan 2005, bonus masih belum ditentukan kerana tahun kewangan MAS hanya ditutup pada 31 Mac 2005. Jadi, saya minta Yang Berhormat dapat menentukan, mendapat maklumat yang tepat sebelum membuat sesuatu tuduhan kepada MAS.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Timbalan Menteri. Satu masalah yang merunsingkan para pramugari ialah MAS menggaji orang asing menjadi pramugari, di mana orang asing ini menerima syarat-syarat, terma-terma, layanan dan juga elaun yang lebih tinggi daripada orang tempatan, misalnya, MAS ada menggaji rakyat China untuk menjadi pramugari. Tak kan Malaysia tiada orang China khusus untuk *route [Sambil mengeja perkataan]* untuk perjalanan ke negara China. Jadi ini memang tidak masuk akal, dan juga ke lain-lain perjalanan, di mana mereka menggaji orang asing – *Korea, Japan even Europeans* untuk perjalanan ke Eropah. Mereka merasa tertindas (*discriminate*) – kerja yang sama, tempoh yang sama, semua sama tetapi mereka menerima bayaran yang lebih sekali, dua kali ganda dari orang tempatan. Inilah masalahnya.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau saya tersilap, perkara ini telah pun kita jawab dalam Dewan ini dan kita telah perjelaskan bahawa apabila kita mengambil pegawai-pegawai ataupun pramugari dari luar negara, ia adalah untuk memenuhi matlamat komersial. Mereka tidak diambil untuk merebut peluang rakyat Malaysia tambahan pula jumlah mereka pun kecil – saya tidak ada angka yang tepat di sini tetapi kalau saya terlupa, waktu itu juga saya ada menjawab soalan ini dan saya percaya Yang Berhormat pun masih ingat mengenai jawapan itu. Saya fikir, kepada sebahagian besar pramugari, perkara ini tidaklah menjadi isu yang besar.

**Cik Fong Po Kuan:** Penjelasan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat Timbalan Menteri ada menyatakan bahawa isu berkenaan diskriminasi terhadap pramugari wanita telah diadakan beberapa mesyuarat dan sedang mencari kaedah-kaedah yang sesuai, tetapi Yang Berhormat Timbalan Menteri, perkara ini bukan kali pertama dibangkitkan dalam Dewan, malahan wakil-wakil pramugari pernah datang

untuk menyerahkan memorandum kepada pihak kementerian yang diterima oleh, dengan izin, Datuk Kaveas, kalau tidak silap.

Jadi mengapakah ia mengambil masa yang begitu lama. Banyak kali kami bangkitkan perkara ini, Tuan Yang di-Pertua, kami tidak mahu jawapan yang begitu mudah sahaja – "sedang dikaji", "telah adakan mesyuarat", sebab perkara ini telah berlanjutan begitu lama.

Perkara lain ialah di mana kita boleh baca – untuk mengambil, untuk menggaji *cabin crew* mereka adakan had umur 18 tahun hingga 30 tahun dan kena gambar gambar 3R, gambar *full-length* seseorang pemohon untuk menjadi *cabin crew*. Mereka ditimbang, mereka disukat. Kalau didapati berat badan mereka melebihi dari yang diperlukan, mereka diberi *grace period* untuk kurangkan. Ini juga menunjukkan pihak MAS menjalankan diskriminasi di kalangan wanita juga. Kalau *British Airways* boleh menerima mereka yang berumur sampai 60 tahun, mengapakah pihak MAS mengehadkan kepada 40 tahun kepada pramugari biasa? Bukankah ini seolah-olahnya menggunakan kaum wanita yang cantik, yang lawa bagi mempromosikan MAS. Jadi ini saya rasa dari awal lagi polisi MAS tidak betul sehingga menimbulkan berbagai-bagai mentaliti, me*reflect*kan mentaliti. Bukankah ada Ahli Yang Berhormat tadi membangkitkan berkenaan apabila melihat pramugari....

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Okay, okay cukup Yang Berhormat.

**Cik Fong Po Kuan:** Jadi saya pohon ....

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Saya .....

**Cik Fong Po Kuan:** ............ satu jawapan .....

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Ya.

**Cik Fong Po Kuan:** ......yang lebih mantap, yang lebih bernas dan bukan dengan izin, *just brushed us aside* dan memberi jawapan bahawa, "ia telah ada beberapa mesyuarat". Sudah lebih satu tahunlah kalau tidak silap isu ini, mengapa tidak selesai kalau Barisan Nasional boleh? Dengan izin ya.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Barisan Nasional memang boleh ....

**Ahli-ahli Barisan Nasional:** *[Bersorak]*

**Datuk Douglas Uggah Embas:** ........ tetapi apabila Barisan Nasional membuat sesuatu keputusan, kita kena membuatnya dengan teliti dan dengan berhati-hati. Oleh

itulah kita mengadakan beberapa perbincangan supaya apa kaedah yang kita dapat ..... saya tidak tahu apa kaedah yang digunakan DAP. Mungkin DAP buat keputusan terburu-buru dan selepas itu ..... *[Disampuk]*

**Cik Fong Po Kuan:** Haraplah Timbalan Menteri bagi jawapan ....

**Datuk Douglas Uggah Embas:** ....... itu terpulang kepada DAP.

**Cik Fong Po Kuan:** ........ *don't go on politics*, bagi jawapan yang betul. *[Disampuk]* Kalau tak tahu cakap tak tahu atau bagi jawapan secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat ya ....

**Cik Fong Po Kuan:** Dalam Perlembagaan, Tuan Yang di-Pertua, kalau Perlembagaan telah menghapuskan diskriminasi di bawah Perkara 8 mengapa mengambil .......

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Saya tidak bagi jalan lagi Yang Berhormat.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Yang Berhormat, biar pihak Menteri jawab.

**Cik Fong Po Kuan:** *[Bercakap tanpa pembesar suara]*

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Apa takut, tunggulah jawapan, sabar. Inilah sebaik jawapan yang saya dapat beri sekarang kerana kalau saya memberi jawapan lain adalah jawapan tidak tepat. Jadi saya minta Yang Berhormat bersabar, saya pun faham kerana dua, tiga hari ini perkara ini telah banyak dibincangkan dan kerajaan juga tidak memandang ringan perkara ini. Kalau keputusan belum dibuat, bagaimana saya hendak mengumumkan keputusan di sini? Kita perlu menunggu keputusan. Jadi kalau saya tidak jawab, Yang Berhormat juga marah. Semua salah. Okay.

Perkara lain yang ....

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Saya minta laluan sedikit Tuan Yang di-Pertua dan juga Timbalan Menteri. Berkenaan dengan had umur pramugari, saya ingin memberikan sedikit pendapat kepada pihak kementerian, jika ada penumpang-penumpang yang mempunyai *tendency* untuk melakukan keganasan dalam bentuk rampasan kapal terbang dan sebagainya, pramugari yang muda ini akan meletakkan satu *impression* kepada penumpang ini, pengganas ini, yang pramugari ini kurang berpengalaman, kurang pengetahuan dan kepakaran dalam menangani keganasan, jadi peluang mereka nak melakukan perbuatan itu lebih besar. Jika mereka melihat seorang

pramugari yang tua, dewasa, mempunyai pengalaman, pengetahuan, kemungkinan dalam segi mengurus keganasan dalam kapal terbang, adakah ini diambil kira oleh pihak kementerian apabila meletakkan had umur kepada pramugari-pramugari ini? Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasihlah kepada pandangan Yang Berhormat. Seperti saya sebut awal tadi apabila menjawab dari Yang Berhormat bagi Santubong, kita memberitahu bahawa para anak-anak kapal kita telah diberi latihan supaya mereka dapat berhadapan dengan apa juga keadaan. Saya harap sesiapa yang hendak mencuba membuat angkara dalam pesawat mereka harus mengetahui bahawa anak-anak kapal ini telah pun dilatih untuk dapat mengawal keadaan.

Memang kementerian mengambil pelbagai faktor untuk memikir apa yang terbaik untuk semua pihak. Mengenai penukaran pakaian seragam, Ahli Yang Berhormat bagi Tangga Batu ada mencadangkan, perkara ini sedang diteliti oleh MAS dan kalau Yang Berhormat bagi Tangga Batu ada fesyen yang Yang Berhormat fikir sesuai, sila majukan kepada pihak MAS.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar :** Saya tanya sedikit Yang Berhormat. Saya amat tertarik dengan keselamatan penerbangan ini. Selain terutama ketika di dalam pesawat sama ada kementerian melihat supaya setiap anak kapal (*crew)* - *career* kita ini juga akan dilatih dengan *martial art*, dengan izin. Kerana ini mungkin dilihat sebagai salah satu untuk menjaga kecergasan mereka untuk di masa akan datang terutama dalam pengambilan baru ini. Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Memang dalam latihan mereka kena, MAS juga minta bantuan dari pihak polis untuk bagi latihan dan saya percaya satu modul dia adalah untuk memberi dia latihan mengenai *martial art.*

Tuan Yang di-Pertua, Yang Berhormat bagi Tumpat ada menyoal mengenai hasrat kerajaan untuk menswastakan perkhidmatan kawalan trafik udara. Kita bersetuju dengan Yang Berhormat bagi Tumpat bahawa perkhidmatan ini adalah kritikal. Dari segi keselamatan penerbangan lebih-lebih lagi dari kejadian-kejadian keganasan dan melibatkan penerbangan dan sebagainya. Oleh sebab itu kerajaan telah memutuskan setakat ini bahawa kerajaan tidak akan meneruskan cadangan penswastaan tersebut.

Yang Berhormat bagi Tumpat juga bertanya sama ada terminal baru LCC di KLIA akan memenuhi syarat-syarat keselamatan. Ingin saya memaklumkan di sini bahawa semua lapangan terbang yang dibina atau di naik taraf perlu mematuhi standard piawaian yang ditetapkan oleh peraturan antarabangsa. Prosedur dan proses ke atas penumpang semuanya berlandaskan undang-undang antarabangsa.

Yang Berhormat bagi Tumpat juga menanya mengenai persediaan lapangan terbang kita untuk menerima pesawat A380. Pihak kementerian telah pun mempunyai rancangan untuk menaik taraf lapangan terbang KLIA bagi menampung operasi pesawat A380. Kita berharap ini dapat dijalankan dalam Rancangan Malaysia Kesembilan.

Yang Berhormat bagi Kepong tadi ada bertanya mengenai jumlah pekerja asing di KLIA. Untuk maklumat Dewan ini kita ada 690 orang pekerja asing……

**Tuan Lau Yeng Peng [Puchong]:** *[Bangun]*

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Boleh saya habiskan ayat ini……*[Sambil memandang ke arah Yang Berhormat bagi Puchong]* Kita ada 690 orang pekerja asing dari jumlah pekerjaan di KLIA, *maybe* keseluruhannya adalah 35,000.

**Tuan Lau Yeng Peng:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan juga Yang Berhormat Timbalan Menteri. Mengenai Air *Bus* A380 ini, tadi Yang Berhormat kata KLIA akan di naik tarafkan untuk menampung keperluan ataupun ciri-ciri keselamatan kapal terbang A380 ini. Boleh saya tahu apakah jenis *upgrade* ataupun naik taraf yang akan dibuat di KLIA dan bilakah akan siap kerana ia memang penting dari segi keselamatan kerana A380 ini akan menampung kapasiti lebih daripada 500 penumpang. Bolehkan berikan penjelasan sedikit mengenai naik tarafan.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Saya tidak ada komponen projek yang terperinci tetapi ianya memang termasuk *aero bridge* dan sebagainya. Saya percaya CIQ juga akan diteliti kerana seperti Yang Berhormat sebutkan tadi, kalau A380 mendarat ianya ramai lagi penumpang akan masuk. Segala kemudahan-kemudahan perlu dipertingkatkan dan kita berharap projek ini dapat siap dalam tahun 2006.

Mengenai pekerja-pekerja asing ini jumlahnya dari segi peratusan adalah kecil dan mereka ini hanya memberi kerja-kerja yang…...

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Tuan Yang di-Pertua, saya minta ringkas sahaja untuk *reconfirm figure* - angka anggota kerja MAB, 38,000 seperti yang disebut oleh Yang Berhormat Timbalan Menteri tadi, betulkah?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** 35…..

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** 35,000, keseluruhan anggota kerja MAB di seluruh negara.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Ya.

**Tuan Haji Idris bin Haji Haron:** Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Yang Berhormat bagi Tangga Batu juga menyebut mengenai masalah ulat teksi di Lapangan terbang. Kementerian cukup sedar masalah ini dan juga jangka pendek kita minta kerja sama daripada pihak polis dan juga pihak JPJ untuk membantu meronda kawasan-kawasan di tempat-tempat di mana mungkin lebih *conducive*, dengan izin, untuk mereka ini beroperasi.

Kita juga menambahkan bilangan Pegawai-pegawai Keselamatan MAB dan kalau kita melihat di KLIA, kita melihat ada pelbagai cara untuk menentukan mereka ini susah beroperasi. Tetapi masalah pokoknya ialah kita melihat dari segi undang-undang adalah sangat susah untuk mendakwa mereka ini. Oleh yang demikian, maka kita mengkaji untuk kemungkinan kita membentangkan satu lagi perubahan rang undang-undang untuk membolehkan kita mengambil tindakan yang lebih tegas kepada ulat-ulat ini.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar :** Yang Berhormat boleh saya tambah sedikit? Kalau Yang Berhormat setujulah, dahulu saya ada dalam Lembaga Pelesenan. Di *airport* Yang Berhormat, masalahnya ialah pihak berkuasa lapangan terbang, apabila penumpang turun dia tidak nampak kaunter teksi, Yang Berhormat. Dia tidak tahu di mana kaunter teksi. Bila dia sudah keluar daripada pintu keselamatan barulah jumpa, dia kena patah balik sebab tempat kaunter teksi tidak menghadap kepada penumpang yang turun. Dia keluar kadang-kadang terlepas daripada pintu keselamatan, baru dia perasan dia kena patah balik dan situ sudah tentu tidak boleh masuk balik. Di sinilah ulat-ulat mengambil kesempatan. Kita tidak tahu sama ada saudara-mara mereka atau sahabat handai dan sebagainya kerana tidak ada kawalan.

Saya mintalah cadangan daripada pihak berkuasa lapangan terbang di sudut keselamatan, apabila penumpang turun sahaja, dia sudah tahu di mana kaunter yang dia hendak tuju. Sebab sekarang ni dia tidak perasan di mana kaunter-kaunter untuk pembelian tiket - kupon teksi. Kalau dia sudah nampak macam di tempat *airport* yang lain ini akan memudahkan lagi. Itu pandangan sayalah Yang Berhormat. Minta kalau pihak berkuasa lapangan terbang boleh menyelesaikan masalah ini tidak akan timbul lagi, prasangka mana-mana pihak yang terlibat dengan ulat-ulat yang berkeliaran. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya. Silalah.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih kepada cadangan Yang Berhormat, saya harap pegawai MAB yang berada di hadapan sana mengambil perhatian dan meneliti sama ada cadangan Yang Berhormat itu dapat dilaksanakan untuk membantu. Maka, dengan itu Yang Berhormat Tan Sri Yang di-Pertua, itulah jawapan dari kementerian, jadi apa-apa perkara yang tidak dijawab kita akan mengambil perhatian..........

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan, minta penjelasan.

**Tuan Lim Hock Seng:** *[Bangun]* Tuan Yang di-Pertua.

**Beberapa ahli:** *[Bangan]*

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, Yang Berhormat ada lagi minta penjelasan, boleh kah? Sila, Bagan. Selepas itu Lipis.

**Tuan Lim Hock Seng:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya ingat saya ada bertanya berkenaan dengan *parking lot* dan rakan di sebelah sana pun ada membangkitkan *parking lot* untuk VIP di lapangan kapal terbang dan juga PAS keselamatan untuk memasuki terminal *building*. Bolehkah Yang Berhormat memberitahu sedikit sebanyak berkenaan dengan pertanyaan ini?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat kerana menyentuh mengenai *parking VIP* dan bilik VIP. Untuk makluman Yang Berhormat, bilik menunggu VIP adalah di bawah kawalan Jabatan Perdana Menteri dan diuruskan oleh MAB. Penumpang yang mendapat tempat tempah VIP, diberi layanan VIP di lapangan terbang termasuk kemudahan letak kereta VIP. Bagi wakil-wakil rakyat atas urusan

rasmi memerlukan kemudahan VIP tertentu, pihak MAB sentiasa memberi kerjasama dan layanan yang sewajarnya tetapi bagi memudahkan latihan kemudahan Yang Berhomat-Yang Berhormat diminta menulis surat kepada pihak berkenaan supaya ia senang diurus oleh MAB.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** *[Bangun]*

**Ir. Shari bin Hassan:** *[Bangun]*

**Tuan Yang di-Pertua**: Ya, Lipis, Lipis Yang Berhormat, boleh beri?

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Lipis boleh, satu!

**Tuan Yang di-Pertua:** Sila.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Menteri. Bolehkah atau tidak beri statistik setakat ini, sehingga kini berapa banyak perlakuan ganas atau tindakan ganas yang berlaku di lapangan-lapangan terbang di Malaysia yang dilakukan oleh penumpang ataupun pekerja di lapangan terbang di Malaysia?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih, Yang Berhormat. Yang Berhormat dan Tuan Yang di-Pertua, saya mohon maaf kepada Yang Berhormat, saya tidak ada angka, kalau Yang Berhormat perlu kita dapat beri dengan secara bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Dengan itu saya sekali lagi ucap terima kasih. Apa-apa perkara yang kita tidak bincang, kita akan....

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan.

**Ir. Shari bin Hassan:** Minta penjelasan *[Sambil mengetuk pembesar suara]*

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Sila, Tanah Merah.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya, Tanah Merah.

**Ir. Shari bin Hassan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi saya bangkitkan beberapa isu tentang keselamatan di lapangan terbang. Pertama berkenaan dengan penyeludupan pistol ataupun senjata api, kedua berkenaan dengan dadah dan yang ketiga berkenaan dengan kecurian *laptop* dan sebagainya. Nampaknya tidak ada jawapan yang diberi atas perkara yang saya bangkitkan tadi. Sila jawab, Yang Berhormat.

**Beberapa ahli:** Jawab, jawab.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Mohon maaf kepada Yang Berhormat. Memang ada Yang Berhormat menyentuh perkara mengenai penyeludupan dan sebagainya. Memang MAB dan pihak berkuasa lain seperti kastam dan imigresen, kita dapat bekerjasama untuk menangani masalah ini, oleh itu dari masa ke semasa kita mempertingkatkan sistem di lapangan terbang. Oleh itu, kadang-kadang ada aduan bahawa kita menempatkan x-ray mesin dekat *green lane, lane* hijau itu. Kerana ada sungutan tetapi mengikut kastam dan MAB mungkin itu perlu untuk mengawal penyeludupan dan sebagainya. Memang kita berusaha sedaya upaya untuk menentukan lapangan terbang kita tidak digunakan sebagai pusat penyeludupan.

**Cik Fong Po Kuan:** Minta penjelasan, terakhir.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** *[Bangun]*

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Ya, sila.

**Cik Fong Po Kuan:** Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi berkenaan isu pakaian Yang Berhormat Timbalan Menteri ada kata minta Tangga Batu bagi cadangan apa fesyennya untuk MAS, pramugari MAS. Jadi, kalau pihak MAS bercadang untuk menukar pakaian pramugari, saya merasa begitu risau dan tidak selesa mendengar kata-kata itu. Jadi, saya berharap kalau boleh pihak MAS kalau hendak tukar pakaian yang baru mintalah pandangan pramugari-pramugari, tanya mereka apa pakaian yang selesa di mana mereka boleh menjalankan tugas dengan lebih baik dan bukan tanya kepada Yang Berhormat bagi Tangga Batu. Terima kasih, ya.

**Beberapa ahli:** *[Ketawa]*

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Saya tidak tahu apa masalah Batu Gajah dengan Tangga Batu, saya harap kedua-dua...

**Beberapa ahli:** Dua, dua batu!

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Ya, dua-dua batu, okey. Harap mereka dapat menyelesaikan masalah itu.

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Yang Berhormat akhir sekali. Ini yang terakhir kerana kita tidak dapat lari daripada pelancongan Yang Berhormat. Imej, *airport* di kawasan lapangan terbang adalah imej negara kita. Kecurian dan sebagainya adalah sebagai imej kita dan apabila pelancong datang satu pendapatan yang lumayan. Saya hendak mencadangkan di sini kerana saya mendapat

laporan mengatakan pelancong-pelancong daripada Arab yang melimpah-limpah datang ke negara kita ini membawa pendapatan yang begitu besar dan kita tahu bahawa seorang pelancong daripada negara Arab, belanja sama dengan 50 orang yang datang daripada negara Eropah, itulah hebatnya.

Jadi, Kementerian Pengangkutan menyelesaikan masalah pengangkutan mereka masuk ke negara kita ini. Kalau boleh saya hendak mencadangkan Yang Berhormat kerana keseriusan laporan ini mengatakan ada pelancong dari negara Arab yang datang ke negara kita melihat begitu baik hendak bercuti tetapi di hotel-hotel ini sejak akhir-akhirnya ini kononnya sudah berlaku kecurian. Bukan kementerian Yang Berhormat saya faham dan kita takut nanti keselesaan mereka berada di sini, mereka rasa takut hendak datang balik.

Apakah Kementerian Pengangkutan boleh bersama-sama dengan Kementerian Pelancongan dengan melihat dan menjaga kepentingan pelancong yang telah bukan sahaja kita hendak mengabaikan pelancong-pelancong yang lain yang telah begitu banyak membawa masuk pendapatan ke negara kita ini. Dengan pengurusan hotel-hotel terutamanya mengambil berat tentang keselamatan supaya tidak berlaku lagi kecurian dan sebagainya, terutamanya bagi pelancong-pelancong yang datang daripada negara luar. Saya dapat maklum ada laporan, pelancong-pelancong dari negara Arab yang akhir-akhir ini datang ke sini berlaku kecurian, saya tidak tahu di *airport* mungkin di hotel dan ini telah menimbulkan rasa kecewa mereka dan ini boleh menjejaskan nama baik negara dan juga pendapatan negara. Terima kasih.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih kepada Yang Berhormat. Walaupun perkara itu keluar dari bidang kuasa bidang Kementerian Pengangkutan tetapi kita cuba melalui MAS dan MAB memikirkan bagaimana kita dapat memainkan peranan seperti yang dicadangkan oleh Yang Berhormat tadi. Maka dengan itu,...

**Tuan Huan Cheng Guan:** *One is last!*

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** *Last!*

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Silakan.

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini tamatkan ya.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** *Last* saya punya!

**Tuan Yang di-Pertua:** Selepas ini tamatkan sahaja ya Yang Berhormat.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Silakan.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri, ini yang last sekali Yang Berhormat bagi Batu, satu Batu lagi. *[Ketawa]* Yang Berhormat Timbalan Menteri, tadi Yang Berhormat bagi Bagan dia ada sentuh berhubung dengan kalau hendak sambut tetamu dari *airport* di bilik dekat *arrival* atau pun *departure* memang menghadapi banyak masalah. Setahu saya di peringkat negeri di mana pegawai-pegawai kerajaan dapat ada pas boleh masuk keluar bila ada tetamu dari luar negeri yang datang. Saya cadang kalau boleh Yang Berhormat Menteri bawa perkara ini kepada pihak MAB supaya setiap Ahli Parlimen dibekalkan dengan satu pas, senang kita hendak keluar masuk dan saya minta Yang Berhormat Timbalan Menteri *consider* cadangan ini. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ya.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih kepada cadangan Yang Berhormat. Di peringkat negeri urusan ini adalah diuruskan oleh pihak protokol negeri tetapi walau bagaimana pun saya harap MAB dapat berbincang dengan protokol negeri bagaimana kita dapat membantu Ahli-ahli Yang Berhormat Parlimen dengan masalah ini. Maka, Tuan Yang di-Pertua, saya minta………

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** *Last*, boleh?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terpulang kepada Yang Berhormat.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua?

**Tuan Yang di-Pertua:** Terpulang kepada Yang Berhormat.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** *Last, last!*

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Sila.

**Datuk Ismail Sabri bin Yaakob:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat Timbalan Menteri. Saya menunggu jawapan daripada awal tadi mengenai domestik *airport* yang tidak dijelaskan dengan *detail*.

Dari segi keselamatan *airport* domestik, kalau kita lihat di *international airport* kita ada dua *scanner machine*. Satu semasa kita nak masuk di pintu masuk dan akhir sekali sebelum kita *boarding* ke dalam *plane*, dengan itu mungkin barangan yang bahaya boleh dikesan. Tapi di domestik *airport*, contohnya *airport* Kuantan, saya biasa pergi, *scanner machine* satu sahaja. Semasa mula masuk, selepas itu tidak ada *scanner*

*machine*. Di dalam *airport* kita boleh beli barangan misalnya *souvenir, letter opener*, pembuka surat yang dibuat daripada metal, daripada *pewter* dan sebagainya boleh dijadikan senjata berbahaya. Dan bila kita masuk, tidak ada *scanner* lagi dan sesiapa sahaja boleh membawa masuk apa saja barangan bahaya, barangan yang dibeli di dalam kawasan *lounge* di dalam masa menunggu. Jadi bagaimana kawalan keselamatan dibuat untuk *airport-airport* domestik ini?

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Terima kasih Yang Berhormat, memang kita mengakui tidak semua sistem adalah sempurna. Tetapi setakat saya tahu untuk *international* pun kita melalui satu *scanner* bukan dua. Jadi walau bagaimanapun, masalah yang disebut oleh Yang Berhormat, saya harap pegawai MAB akan melihat kalau itu memang berlaku, itu mungkin menjadi masalah yang harus diselesaikan. Kita juga tahu mengenai masalah-masalah *baggage* yang *check-in* di beberapa lapangan terbang domestik pun menimbulkan masalah, jadi kita juga hendak melihat perkara ini dengan lebih dekat dan mencari bagaimana kita dapat menyelesaikannya supaya ia tidak menggugat keselamatan penumpang di lapangan terbang kita.

**Ir. Shaari bin Hassan [Tanah Merah]:** Tadi apa yang saya bangkitkan Tuan Yang di-Pertua berkenaan dengan penyeludupan senjata. Oleh sebab pengawal keselamatan mungkin ada yang pakar dalam bidang senjata, ada yang tidak tapi kita nampak apabila *luggage* tadi dimasukkan ke dalam *scanner* di mana pegawai keselamatan itu perlu ada kepakaran sebab senjata ini dipecah kecilkan mengikut komponen di mana letak di beg ini satu, di beg ini satu, sekiranya tidak ada kepakaran sudah pasti susah untuk *trace* apa benda yang terkandung di dalam *luggage* dan saya menyarankan kepada kementerian dan juga MAB supaya mendapatkan pengawal-pengawal keselamatan ataupun pegawai-pegawai yang bertugas ini mempunyai kepakaran dalam bidang senjata.

Dan juga mengenai dadah, sudah pasti *scanner* yang kita lalui semasa masuk di pintu masuk itu tidak boleh *detect* dadah yang berada di badan, tubuh dan sebagainya. Saya nak pastikan bahawa perkara ini diambil berat kerana mengikut statistik memang berlaku perkara-perkara seperti penyeludupan dadah dan senjata ini. Dan saya sarankan kepada kementerian dan juga MAB supaya mengambil pegawai-pegawai yang

profesional, yang bertanggungjawab, yang mempunyai disiplin untuk mengawasi perkara ini. Sekian, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat, selepas ini tamat ya.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, mengenai kepakaran kerana memang negara kita ada satu Jabatan Kastam yang dikhusus dan Jabatan Polis jadi saya fikir jabatan-jabatan inilah akan mengadakan kepakaran-kepakaran kerana kalau kita MAB juga hendak melatih kepakaran untuk itu kita mungkin *duplicate* peranan-peranannya tapi kita lihatlah, kita terima cadangan Yang Berhormat dan kita harap kalau ini dapat membantu menyelesaikan masalah penyeludupan apa salahnya, kita melihat cadangan daripada Yang Berhormat.

Jadi sekian Tuan Yang di-Pertua, apa-apa perkara yang tidak dijawab kementerian akan ambil peringatan dan cari jalan bagaimana hendak menyelesaikan masalah yang disentuhkan oleh Yang Berhormat. Terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, sekarang saya kemukakan masalah kepada Majlis bagi diputuskan. Masalahnya ialah bahawa Rang Undang-undang ini dibacakan kali yang kedua sekarang.

Masalah dikemuka bagi diputuskan, dan disetujukan.

Rang Undang-undang dibacakan kali yang kedua dan diserahkan kepada Dewan sebagai Jawatankuasa.

Dewan bersidang sebagai Jawatankuasa.

[Tuan Yang di-Pertua ***mempengerusikan Jawatankuasa]***

Fasal-fasal dikemukakan kepada Jawatankuasa.

**Fasal-fasal 1 hingga 6** diperintahkan jadi sebahagian daripada Rang Undang-undang.

Rang Undang-undang dimaklumkan kepada Majlis sekarang.

Majlis Mesyuarat bersidang semula.

Rang Undang-undang dilaporkan dengan tidak ada pindaan; dibacakan kali yang ketiga dan diluluskan.

## RANG UNDANG-UNDANG ANGKATAN TENTERA (PINDAAN) 2005

### Bacaan Kali Yang Kedua dan Ketiga

**15.19 petang**

**Timbalan Menteri Pertahanan [Dato' Zainal Abidin bin Zin]:** Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan bahawa Rang Undang-Undang Akta Angkatan Tentera (Pindaan) 2005 dibacakan kali yang kedua sekarang.

Tuan Yang di-Pertua, rang undang-undang ini bertujuan untuk menggantikan peruntukan Seksyen 161 Akta Angkatan Tentera 1972 dengan peruntukan Seksyen 161 yang baru dan memasukkan peruntukan baru Seksyen 201B dan 201C.

Tuan Yang di-Pertua, peruntukan Seksyen 161 yang sedia ada, peruntukan bahawa adalah menjadi satu kesalahan kepada mana-mana anggota tentera yang dibuktikan telah menyebabkan kehilangan atau kerosakan harta perkhidmatan atau awam namun tiada peruntukan yang membolehkan seseorang anggota angkatan tentera itu dikenakan pampasan akibat daripada kecuaian yang dilakukan terhadap harta perkhidmatan awam.

Bagi membolehkan elemen pampasan dikenakan ke atas anggota tentera bersabit, maka peruntukan Seksyen 161 yang sedia ada telah dipinda dengan mengenakan Seksyen 161 yang baru. Peruntukan Seksyen 161 yang baru ini pada keseluruhannya telah mengguna pakai peruntukan yang terdapat di dalam Seksyen 18 Akta Tatacara Kewangan 1957. Seksyen 18 Akta Tatacara Kewangan 1957 telah menyatakan bahawa sebarang kecuaian dan kesalahan ke atas harta perkhidmatan atau harta awam boleh dikenakan rampasan, oleh yang demikian dengan adanya peruntukan dengan Seksyen 161 yang baru ini maka jika seorang anggota tentera yang melakukan kecuaian atau kesalahan atas harta perkhidmatan atau harta awam boleh diperintahkan membayar pampasan akibat kecuaian atau kesalahan bersabit tersebut.

Pemakaian peruntukan Seksyen 161 yang baru dalam Akta Angkatan Tentera akan memberi kesan yang baik kepada angkatan tentera Malaysia keseluruhannya dan akan memudahkan lagi tindakan-tindakan susulan terhadap apa-apa penyalahgunaan

yang dilakukan oleh anggota tentera yang terlibat dalam pengurusan kewangan angkatan tentera Malaysia.

Tuan Yang di-Pertua, Seksyen 201B pula, bertujuan menghendaki majikan memberi pelepasan kepada pekerja mereka yang menganggotai angkatan sukarela menjalani latihan ataupun tugasan bagi tempoh yang diperlukan oleh perkhidmatan tentera semasa menjalankan latihan ataupun tugasan, majikan tidak boleh mengenakan sebarang potongan gaji atau cuti tahunan pekerja semata-mata kerana pekerja tersebut menjalani latihan ataupun tugasan. Manakala 201C pula diperkenalkan untuk menjadikan satu kesalahan kepada majikan yang menamatkan perkhidmatan pekerja mereka yang menganggotai angkatan sukarela semata-mata kerana pekerja tersebut menjalani latihan ataupun tugasan. Tuan Yang di-Pertua, saya mohon mencadangkan.

**Datuk Douglas Uggah Embas:** Tuan Yang di-Pertua, saya menyokong.

**Tuan Yang di-Pertua:** Ahli-ahli Yang Berhormat, masalah di hadapan Majlis ialah rang undang-undang bernama suatu akta untuk meminda Akta Angkatan Tentera 1972 dibacakan kali yang kedua sekarang dan terbuka untuk di bahas. Bentong.

**3.24 ptg.**

**Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]:** Saya mengucapkan terima kasih kepada pihak kementerian kerana dapat menyediakan satu *clause* untuk memastikan bahawa askar-askar sukarela tidak akan dianiaya atau dipecat oleh majikan dengan sewenang-wenangnya kerana selama ini kita menjunjung tinggi usaha ataupun sumbangan dan pengorbanan askar-askar dan tentera negara kita yang telah banyak berkorban untuk mempertahankan keselamatan negara.

Oleh itu adalah wajar kita memberi perlindungan khasnya kepada askar-askar wataniah yang telah banyak melakukan latihan tetapi menghadapi banyak masalah dalam menjalankan tugas mereka. Tuan Yang di-Pertua, saya ingin menyeru kepada kementerian untuk memberi galakan kepada universiti-universiti di universiti swasta IPTS untuk membolehkan IPTS menjalankan latihan PALAPES kerana pada masa ini PALAPES hanya dilaksanakan di IPTA dan tidak di IPTS. Memandangkan ramai anak-anak muda kita berada di IPTS oleh itu kita berharaplah kementerian dapat memberi galakan dan membenarkan IPTS menjalankan aktiviti PALAPES di IPTS.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** *[Bangun]*

**Dato' Liow Tiong Lai:** Sila Ayer Hitam.

**Ir. Dr. Wee Ka Siong:** Tuan Yang di-Pertua, saya tertarik dengan kenyataan Yang Berhormat bagi Bentong tadi yang mengatakan setakat ini polisinya adalah hanya IPTA dibenarkan untuk mengendalikan kursus PALAPES dan kami juga tahu bahawa di Malaysia ini kita ada banyak IPTS dan jumlahnya telah menjangkau 539 buah IPTS dan ini merupakan satu jumlah yang agak besar dan dari segi jumlah IPTS yang hanya 17 berbanding dengan 539 pusat.

Jadi apakah sebab yang menjadi kekangan kenapa IPTS itu tidak dibenarkan untuk menganjurkan satu kursus PALAPES dan apakah pandangan Yang Berhormat sama ada bersetuju atau tidak Kementerian Pertahanan dengan Kementerian Pengajian Tinggi sepatutnya mengambil satu langkah yang lebih cepat untuk kita menganjurkan satu kursus PALAPES di IPTS. Minta penjelasan, terima kasih.

**Dato' Liow Tiong Lai:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Ayer Hitam. Saya memang rasa terkilan kerana mendapati bahawa IPTS tidak diberi galakan untuk menjalankan Latihan PALAPES ini. Oleh sebab itu saya membawa perkara ini ke Dewan yang mulia ini untuk menyeru kementerian untuk menimbang semula keputusan ini agar kita dapat meningkatkan orang-orang muda yang memang seperti yang dikatakan Yang Berhormat Ayer Hitam itu bilangan yang cukup besar.

Di kolej-kolej IPTS ini kalau bukan PALAPES kita boleh menggalakkan mereka untuk menyertai askar wataniah dan kita tahu bahawa belia kita memang minat untuk menyertai Askar Wataniah kerana melalui latihan ini seperti yang saya tekankan tadi bukan sahaja dari segi menyumbang kepada keselamatan dalam negara, bahkan dapat juga melatih belia kita dari segi disiplin mereka, dari segi semangat berpasukan, dari segi ketahanan diri, dari segi moral diri begitu baik sekali. Oleh itu, saya sangat berharaplah bahawa syor-syor yang kita bawa ini dapat diberi pertimbangan yang sedalam-dalamnya dan memastikan bahawa pasukan pelapis dan pasukan wataniah dapat diwujudkan di IPTS.

Tuan Yang di-Pertua, satu lagi berhubung dengan elaun-elaun yang diberi kepada askar wataniah. Saya rasa, elaun-elaun yang diberi semasa latihan ini adalah tidak mencukupi dan terlalu rendah. Ini kerana, kita perlu faham bahawa ramai daripada

askar-askar wataniah, mereka terpaksa mengambil cuti untuk mengikuti latihan yang panjang.

Oleh itu, sebagai satu angkatan sukarela tetapi dari segi pendapatan untuk sara hidup, saya rasa adalah wajar kementerian dapat meneliti semula dari segi elaun-elaun yang diberikan kepada askar-askar wataniah yang sedia ada. Berhubung dengan askar wataniah, kita juga sangat berharap kementerian dapat sentiasa mengingati sumbangan mereka terhadap Angkatan Tentera Malaysia dan sentiasa memanggil mereka balik, bukan sahaja ada operasi. Jangan menunggu masa kecemasan ataupun sesuatu masa yang kritikal, baru memanggil balik askar-askar wataniah ini.

Kita menyeru kementerian kalau boleh, memanggil penyertaan askar-askar wataniah ini secara berjadual dan memastikan mereka dapat dilatih dari semasa ke semasa dan bukannya seperti yang berlaku pada masa sekarang, latihan hanya dijalankan setahun sekali ataupun tidak berjadual. Ini adalah satu perkara yang perlu dititikberatkan dan kita berharap dengan adanya *clause* kemasukan seksyen baru 201B dan 201C ini, kita dapat memastikan angkatan sukarelawan negara kita, kebajikan mereka dapat dipertingkatkan. Dengan ini, saya mohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Jerai.

**5.33 ptg.**

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin [Jerai]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya, sebelum saya meneruskan ucapan, saya ingin mengucapkan tahniah dan syabas kepada Panglima Angkatan Tentera yang baru, yang pertama kali dalam sejarah, Laksamana Tentera Laut dilantik menjadi Panglima Angkatan Tentera dan saya berharap dengan pelantikan ini, misi dan juga visi angkatan tentera kita akan mempunyai skop yang lebih setaraf dengan negara-negara yang maju.

Tuan Yang di-Pertua, Kementerian Pertahanan adalah satu kementerian yang memerlukan perbelanjaan yang cukup banyak, berbilion-bilion ringgit. Ini tidak perlu kita persoalkan kerana kita memerlukan peruntukan yang sewajarnya dan secukupnya, kerana untuk mempertahankan kedaulatan tanah air kita. Dalam keadaan dunia yang kita lihat tidak begitu aman dan tenteram, saya hendak mencadangkan supaya pihak Kementerian Pertahanan harus mengemaskinikan segala-galanya daripada angkatan tentera, pasukan-pasukan tentera dan juga kelengkapan-kelengkapan ketenteraan yang

perlu kita *up-date*kan ataupun kita mempunyai alat-alat kelengkapan yang terbaru untuk mempertahankan negara kita.

Jiran kita, walaupun sebuah pulau tetapi mempunyai alat pertahanan negaranya yang membimbangkan kita. Apakah kita telah bersedia untuk mempertahankan negara kita seandainya jiran kita itu tidak bersikap sopan-santun dengan kita ataupun mungkin satu hari nanti, berlaku benda-benda yang tidak diingini. Begitu juga dengan negara jiran kita, satu lagi yang besar dan juga satu rumpun bangsa kita. Akhir-akhir ini, sekumpulan rakyat mereka telah menunjukkan perasaan mereka tidak sukakan Malaysia, membakar bendera kita. Walaupun kita ini sedarah sedaging dan seagama serta sebangsa, tetapi emosi mereka mengetepikan pandangan jauh dan tali persahabatan negara kita.

Kita membantu mereka dari segi pekerjaan, pulangan kewangan kepada keluarga mereka di kampung. Mungkin mereka ini tidak terlibat. Yang terlibat ini adalah penganggur-penganggur di jalanan, yang dibiayai oleh segolongan tertentu untuk menunjukkan bahawa masalah penindihan sempadan menjadi satu isu yang besar pada hari ini.

Begitu juga dengan kemasukan lanun-lanun di Selat Melaka dan sebagainya. Saya memahami *constraint*nya pegawai-pegawai dan juga tentera-tentera kita. Tetapi, saya menyeru kepada kerajaan, bagi pihak Kementerian Pertahanan supaya kita menambahkan peruntukan kepada Kementerian Pertahanan kerana kebocoran kemasukan lanun-lanun di Selat Melaka. Ini juga akan menjatuhkan imej keselamatan negara kita. Walaupun kita berkongsi menjaga perairan tersebut dengan negara jiran kita Indonesia, tetapi dalam keadaan hari ini, Indonesia membuat acuh tidak acuh. Dia tidak kisah. Bagi dia hendak makan pun susah, dia hendak hidup pun susah, apa hendak kira yang ini. “ Biaq pi lah, lanun hendak ambil, ambil pi lah”. Tetapi, saya takut suatu hari nanti, negara yang besar, dunia besar, orang kata “*big brother*” yang tidak ada ‘*big brain’* akan memasuki perairan kita dengan alasan untuk menjaga keselamatan kapal-kapal kerana angkatan tentera kita, polis marin kita tidak berupaya untuk melindungi.......

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pasir Puteh bangun.

**Dato' Haji Che Min bin Che Ahmad**: Terima kasih Tuan Yang di-Pertua , Ahli-ahli Yang Berhormat sekalian dan Yang Berhormat bagi Jerai. Saya, bab-bab perang ini saya tidak pelik, sebab saya duduk di Mesir, berperang pada tahun 1971. Saya duduk di India, berperang India dan Pakistan. Saya “hidup mati semula”, ibaratkan begitu. Pertama, setujukah tidak Yang Berhormat bagi Jerai, kalau boleh senjata-senjata kita ini tidak payahlah kita dok cerita kalau kita hendak beli. Kita senyap-senyap. Setujukah tidak? Ini adalah kerana, kalau kita dok cerita dekat orang kita beli sebiji, orang beli 10 biji, orang senyap. Biarlah kita senyap itu orang takut, kita ada apa pun, senjata itu adalah bukan kita hendak berperang, untuk pertahanan. Setujukah tidak kita rahsiakan senjata kita dan ada kalanya kita boleh buat perang saraf, sekali-kala kita tunjuk. Tetapi jangan kita dok heboh apabila kita beli senjata, beli kapal selam, itu dan ini. Setujukah tidak? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya amat setujulah dengan Yang Berhormat bagi Pasir Puteh. Saya hendak jaga, takut pasir putih itu tidak akan bergelumang dengan darah yang merah. Lagi satu pandangan sayalah, sekarang ini jiran kira, terang-terang dah Singapura mempunyai alat penerbangan kapal terbang dia yang bila dia terbang naik, dia boleh tahu dah Datuk Speaker dok ada tang mana.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, bilakah hendak masuk? Tidak ada berkaitan dengan pindaan......

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Baiklah

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** ......kita bangkitkan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Baiklah Tuan Yang di-Pertua. Tentera, kelengkapan, kecurian dan sebagainya, itu masuk Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Belum masuk lagilah perkara yang ada berkaitan dengan pindaan rang undang-undang ini?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tidak apa, saya masuk *track*.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Okeylah, teruskanlah ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi kita mahu supaya negara kita yang berdaulat ini mempunyai alat pertahanan yang canggih. Memang kita tidak nafikan, belilah berbelanjalah Kementerian carilah duit belanja. Saya mahu tentera kita, personal-personal kita ini askar-askar kita ini dia berasa *confident* pada diri dia. Hang mai siapa pun siap, aku ada cukup alat kelengkapan. Kita tidak mahu, macam satu hari dahulu tempat simpanan senjata kita pun depa boleh curi seperti di Grik, Tuan Yang di-Pertua. Ini adalah satu benda yang bermakna sekuriti kita kurang memuaskan. Saya bimbang kerana Selat Melaka akan cipta satu masalah. Ini dunia besar Amerika, dia akan cipta satu masalah dan mereka akan datang untuk menyelesaikan masalah kononnya.

Mereka cuba ganggu di sebelah Utara negara kita, di sebelah Siam - Thailand menjadi kacau-bilau pergaduhan dan sebagainya. Yang Berhormat bagi Arau cukup bimbang dan kita akan bimbang kerana berlakunya pertelingkahan, pergaduhan melibatkan mereka kata kononnya untuk menjaga keselamatan antarabangsa, Tuan Yang di-Pertua yang saya hormati. Maka hatta, tentera mereka bantu seperti mereka bantu di Filipina Moro. Jadi kita walaupun setuju tidak setuju, sedar tidak sedar saya hendak cerita hari ini Singapura, Filipina, Thailand kita terkepung Tuan Yang di-Pertua. Terkepung dan kalau kita tidak mempunyai senjata yang cukup canggih, senjata yang *up to date*, maka kalaulah satu hari nanti.... kita minta simpanglah, depa masuk mai kita tidak sempat buat apa-apa. Depa masuk dari Utara, selatan kita akan tidak dapat mempertahan. Mungkin perkara ini tidak mungkin berlaku, tidak mungkin berlaku. Tetapi Iraq sebuah negara yang kuat ia berlaku. Hari ini rakyatnya terseksa. Sekarang dia usik Seria dan sebagainya. Jadi, binatang ini dia dok pergi merata, dok kacau negeri orang. Dia hendak pergi sengat sana, dia hendak pergi sengat sini, dia pergi kacau sana, dia pergi kacau sini. Binatang ini kecil sahaja.

**Tuan Baharum bin Mohamed [Sekijang]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Penjelasan Yang Berhormat bagi Sekijang?

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Penjelasan Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat bagi Jerai ada mengatakan binatang. Jadi, bolehkah Yang Berhormat terangkan apakah binatangnya itu? Terima kasih. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang ini, dia bukan maknanya binatang Sekijang, tidak. Maksud saya, orang-orang Utara bercakap macam itu. Apabila kita marah sangat, kita katalah kat negarakah, kat orangkah, "Hang ini binatang betul'. Macam itu. Jadi makna tidak ada akal. Binatang ini Tuan Yang di-Pertua, dia tidak perlu banyak. Kita ambil kerengga kita bubuh dalam kain pun sudah cukuplah macam mana kita hendak duduk. Hendak tangkap tidak boleh, dia melata pergi sana, dia melata pergi sini. Kalau tidak percaya, kita bubuh kerengga seekor dalam badan Yang Berhormat bagi Arau ini, sekejap lagi menggelupurlah dia hendak menangkap kerengga itu. Kerengga ini duduk merata. Sekejap dia pergi ke Syria, sekejap dia pergi ke Afganistan, sekejap dia masuk Pakistan, dia keluar mai dia pergi ke Thailand.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat sudah pergi ke dunia. *[Ketawa]* Perkara mengenai Pindaan Undang-undang belum di bangkit lagi.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ok. Saya terbang balik ke Malaysia.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, boleh. Balik kepada tajuk.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, saya terbang baliklah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Saya ingat Yang Berhormat bagi Arau pun sokong jugalah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, Yang Berhormat bagi Arau sokong. *[Ketawa]* Saya mencadangkan supaya kerajaan membeli sebuah jenis kapal nama apa…….. Flotela Yang Berhormat bagi Arau? Ya, Flotela. *That is a right word.* ....untuk kita jaga, kita sudah tahu kalau orang datang dari jauh pun, kita sudah tahu sudah, kita boleh bersedia. Bukan untuk kita serang, untuk mempertahankan. Jadi yang ini mustahak. Inilah kapal tidak tahulah, tentera Amerika dia datang satu kapal Tuan Yang di-Pertua. Kapal ini yang ada kapal terbang apa semua. Dia datang berlabuh di Port Klang pun sudah kelam kabut kita. Kita tidak bagi dia datang, dia kata ' tidak apalah dia berhenti sekejap, kita hendak buat apa pada dia? Jadi kita kena buat macam itu.

Tentera-tentera kita ini, termasuk wataniah….. ini sudah balik sudah, sudah balik. *[Ketawa]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Lama baru balik.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Balik dah.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tunggu masa begitu lama. *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terbang lama, penat. Sudah balik, sudah. Tentera-tentera wataniah ini bukan setakat di IPTA, IPTS, di sekolah menengah pun kita kena sudah mulakan, Timbalan Menteri, wujudkan. Saya difahamkan ahli-ahli Parlimen ini... saya mencadangkan memang ada Ahli Parlimen sekalian, kita balik kita tubuh unit wataniah di tiap-tiap Parlimen. Ahli Parlimen, saya difahamkan boleh pakai Mejar, boleh pakai Mejar terus. Hak besar Arau, Leftenan Kolonel. Besar-besar macam saya ini, Leftenan Kolonellah. *[Ketawa].* Yang Berhormat bagi Papar Mejar dahulu. *[Ketawa]* Kita kena wujud di peringkat Parlimen. Tiap-tiap Parlimen, wujud wataniah, bukan apa, pertamanya kita hendak…..

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat bagi Larut hendak minta apa pangkat dia. *[Ketawa]*

**Dato' Raja Ahmad Zainuddin bin Raja Haji Omar:** Terima kasih Yang Berhormat. Saya tidak tahulah selama ini Yang Berhormat sudah menganggotai wataniahkah belum. Tetapi boleh katakan kebanyakan sudah masuklah. Tahniahlah Yang Berhormat, macam itulah kita hendak supaya dapat menggalakkan lagi lebih ramai berjinak-jinak dengan ketenteraan dan hari ini kita hendak memperluaskan lagi supaya menggalakkan lebih ramai lagi masyarakat kita sama ada dengan berpangkat Mejarkah, Leftenan, tidak kiralah.

Saya ingin minta pandangan Yang Berhormat apakah dengan adanya usaha ini akan menggalakkan lagi lebih ramai terutamanya yang bukan Melayu, yang pada hari ini merupakan satu delima kita, seolah-olah tidak ada satu daya tarikan untuk mendekatkan lagi bukan Melayu ke dalam alam ketenteraan. Kita sudah melakukan dari segi *National Service* dengan izin, untuk menggalakkan generasi muda yang terlatih termasuk anak-anak Yang Berhormatlah saya percaya dan juga rakan-rakan yang lain. Apakah Yang Berhormat melihat dengan adanya usaha ini kita akan dapat mendekatkan lagi

masyarakat lain, terutamanya daripada bukan Melayu untuk bersama-sama dengan Angkatan Tentera? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat bagi Larut, pandangan yang baik. Sebenarnya, sebab itulah yang saya kata kita mulakan di sekolah menengah. Di sekolah ini ramai anak Malaysia bersekolah dan saya lihat di peringkat pelapis ini pun ramai yang menyertai wataniah dengan segak. Semua orang mahu. Orang muda ini, Yang Berhormat bagi Larut, dia mahu pakai uniform Tuan Yang di-Pertua. Dia syok pakai uniform, dia berasa semangat. Macam kata Yang Berhormat bagi Langkawi, dia pakai uniform, dia kena pakai Sarjan. *[Ketawa]*

Sarjan pun Sarjan Mejar yang boleh bagi *command.* Cuba bayangkan Yang Berhormat bagi Langkawi di hadapan, kami di belakang dia dengan uniform cukup segak. Jadi saya mencadangkan, pertamanya ada wataniah di tiap-tiap Parlimen. Pertamanya kita akan menarik anak-anak muda, cuma bagi elaun lebih sedikit Tuan Yang di-Pertua, pasal apa, kadang-kadang depa ini pergi ke laut, kena hari hendak berkawat, depa tidak pergi ke laut. Depa di sana gaji hari, pergi ke laut ada duit, tidak pergi ke laut tiada duit, tidak memotong getah tidak ada duit.

Jadi kalau depa kena pergi berkursus macam tadi, saya bersetujulah dengan sahabat saya bahawa kalau dia pergi ke laut katakanlah sehari dia boleh dapat RM 20, dia pergi berkawat sejam lebih kurang RM 1 …berapa? Jadi tidak cukup. Dia berkawat 8 jam pun tidak balik modal dengan pergi ke laut. Jadi balik ke rumah, bini berleter pula, ‘Kenapa abang tidak balik ke laut? Hari Ini kita sudah *short* RM15, Abang pergi berkawat, hendak kata untuk negara, untuk kitalah dahulu abang oi, perut pun tidak selesai lagi, negara apa?’ Nanti dia kata macam itu. Jadi saya minta supaya naiklah sedikit yang itu.

Kita boleh mengurangkan masalah sosial. Apabila belia kita di kampung, dan juga tentera wataniah wanita ini.... wataniah wanita dipanggil apa?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullai:** Watani.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Bukan Watani. *[Dewan riuh dengan ketawa]* Tentera-tentera wanita ini, askar apa? Askar wataniah….sendi apa? sendi…saya pun lupa. Srikandi. Srikandi ini, kalau depa pun masuk sama belia muda kita pun masuk sama, depa sudah tidak pergi ke lain dah. Maklumlah boleh datang

berkawat sekali, depa seronok. Dok tunggu bila waktu berkawat sahaja. Jadi kuranglah depa ini pi hisap dadah dan sebagainya.

Ini penting, jadi idea wataniah ini kita kena turun sampai ke kampung.

Keduanya, secara tidak langsung kita menyuruh mereka ini menjadi mata dan telinga kepada kerajaan. Jadi, kalau orang masuk mai pendatang yang haram, apa semua masuk mai, mereka ini telah mempunyai satu latihan yang boleh menjaga kampung depa, menjaga rumah tangga depa, menjaga keselamatan negara. Ini orang yang sukarela.

Kita kena ingat bukan semua orang tidak hendak duit, hendak. Kadang-kadang dia bersukarela, buat kerja-kerja yang sukarela, pasal dia kata ini negara ku, ini tanah air ku. Jadi dia akan berkorban. Lagi satu saya minta mungkin di kementerian, pasal tadi menteri dok cerita pasal benda dok hilang, kecurian. Sekarang ini zaman canggih, kita gunakan sistem IT dan sebagainya untuk kita *detect* kita punya *equipment* dan sebagainya.

Kadang-kadang kita sendiri tidak tahu berapa banyak senjata yang ada dalam simpanan kerana kita pakai *log book* sahaja. Hilang *log book* itu, kelam-kabut, jenuh hendak pergi balik kapuk, kira pula satu, dua, tiga, empat, lambatlah. Jadi, kita hendak kena ada. Maknanya, saya mencadangkan Kementerian Kewangan bagi duit yang secukupnya kepada Kementerian Pertahanan untuk mengadakan sistem kawalan simpanan senjata ini dengan cara sistem IT. Tidak begitu Yang Berhormat bagi Arau?

**Dato' Seri Diraja Syed Razlan ibni Syed Putra Jamalullail:** Ha! Betul.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Supaya kita dapat *trace* perjalanan-perjalanan senjata-senjata kita. Dan, juga saya berharap...

**Tuan Baharum bin Mohamed:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Sekijang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sekijang.

**Tuan Baharum bin Mohamed:** Terima kasih, Tuan Yang di-Pertua. Tadi Yang Berhormat bagi Jerai ada menyatakan tentang kawalan kepada peralatan ini. Jadi, saya hendak menyentuh sedikit tentang kawalan ini yang mana kita baru-baru ini telah digemparkan dengan kejadian yang berlaku di Air Kuning, Tampin, Negeri Sembilan,

yang mana seorang peneroka dan beberapa orang kawan dia, yang seorang ini telah meninggal dunia akibat daripada letupan peluru hidup di dalam kawasan sasaran padang tembak, kalau tidak salah saya.

Jadi, nampaknya dari segi kawalan itu tidak ada. Kita lihat, maknanya, orang awam ini hendak cari besi buruk, barang buruk, boleh masuk ke dalam kawasan itu dan yang lebih menyedihkan lagi, maknanya tidak ada kawalan. Maknanya berapa yang telah digunakan, berapa yang belum digunakan dan selepas itu tinggal macam itu sahaja dan akhirnya memberikan akibat yang besar kepada masyarakat awam. Jadi, saya hendak minta komen daripada Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sebenarnya Yang Berhormat bagi Sekijang, dalam kawasan itu adalah kawasan larangan. Dia sudah tulis dan dia lukis gambar senapang dengan orang dok lari itu – "Kawasan Larangan". Bermaknanya kita tidak boleh masuk dalam kawasan itu. Jadi, depa ini agaknya terlajaklah, terlajak masuk. Tempat itu sudah tahu tempat orang dok tembak, kita pergi kacau buat apa? Jadi, ini pun satu masalah. Dia hendak kutip tin buruk pun carilah tang lain. Ini pergi cari tempat orang dok tanam peluru.

Jadi, yang ini pun kerajaan sudah bubuh "Kawasan Larangan". Memang kawasan-kawasan latihan tembak, apa semua ini dia bubuh "Kawasan Larangan" untuk pengetahuan Yang Berhormatlah, tidak tahulah, setakat kefahaman saya. Saya hendak jawab lebih pun saya tidak ada apa dalam kementerian ini. *[Ketawa]* Cuma satu lagi, Dato' Timbalan Menteri, saya hendak mintalah kalau boleh, sekarang ini kita nampak, saya dok pergi juga dua, tiga negara ini. Tuan Yang di-Pertua, dia kalau kita kata Ketua Turus Tentera Darat, dia mesti ada dia punya *own ford. Navy* dia mesti ada dia punya *own* dan juga *airforce* ada.

Jadi kita sekarang ini, semua kita tumpu di MINDEF, di Kementah, Kementerian Pertahanan. Di situlah Menteri, di situlah Jeneral, di situlah semua tentera laut, udara, semua dalam itu.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Santubong.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ini dia polis ini, Inspektor. *[Ketawa]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Apa Yang Berhormat cerita Jeneral, cerita apa-apa benda ini? Yang Berhormat bagi Jerai, saya hendak tanya pasal askar ini. Cerita yang ada Jeneral, yang ada apa, buka tangan, apa benda itu? Apa, itu sahaja?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Oh! yang itu jawapannya cukup mudah. *[Ketawa]* Tidak, saya sekarang ini, kita pergi ke negara lain, kalau kita pergi ke negara lain, dia katalah Panglima Angkatan Tentera Darat. Dia ada dia punya *own ford*. Panglima Angkatan Tentera Udara, dia ada. Dia ada dia punya depot, dia punya bukan depotlah, besar dia punya kem di sana.

Sekarang ini kita semua ada di situ, di kementerian, daripada Menteri sampailah turun ke Briged Jeneral, tidak Jeneral, apa semua Jeneral dok ada situ. Dan dalam tentera ini, Tuan Yang di-Pertua, dia ada disiplin. Padang kawat itu kita bukan pergi dok lintas tidak tentu arah. Kalau askar ini, dia dok pergi lintas padang kawat itu, kalau jumpa dekat RSM, siap dia. Jenuh dia kena lari berapa *round*. Tetapi di Kementerian Pertahanan, sat ni kawan itu jalan bawa air dalam plastik, bawa cucur naik. Kemudian sat ni naik lif sekali dengan Jeneral, Jeneral ini dia orang tabik, prak, dengan air dalam gelas, dengan straw dok hisap teh dalam plastik. Jadi, dia tidak nampak kedisiplinan ataupun kegagahan tentera kita ini.

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Jasin.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jasin, Hah! Ini bekas wataniah. *[Ketawa]*

**Tuan Haji Mohd. Said bin Yusof:** Tuan Yang di-Pertua, sahabat saya, Yang Berhormat bagi Jerai, adakah Yang Berhormat bagi Jerai mengatakan bahawa tahap disiplin anggota kita sudah turun ataupun bagaimana? Kalau kita lihat kalau zaman-zaman semasa askar British ataupun askar Komanwel ada di negara kita, kem-kem tentera macam Kem Terendak di Melaka, kita lihat kem itu begitu cantik, bersih, apa semua. Dia punya rumput *well maintained*, begitu juga dengan RMF punya *force* dekat

Penang dahulu, bagaimana keadaan dia. Dan apabila diserahkan balik kepada angkatan tentera kita, kita dapati bahawa kem-kem ini kurang di"*maintain*".

Adakah ini menunjukkan bahawa disiplin angkatan tentera kita hari ini sudah menurun. Satu lagi, yang terakhir saya hendak tanya Yang Berhormat bagi Jerai, tentang pesara-pesara tentera, kita lihat bahawa pesara-pesara tentera kita kebanyakan, yang sedih bagi kita ini, kalau setakat yang Sarjan ke bawah ini apabila dia pencen kebanyakan mereka ini akan menjadi drebar teksi dan jaga-jaga sekuriti sahaja. Tidak boleh pergi lebih daripada itu.

Jadi mengapa tidak kita mengadakan kursus-kursus peralihan yang benar-benar supaya angkatan tentera kita ini apabila bersara, dia dapat bekerja ataupun berniaga berasaskan kepada kursus-kursus yang telah dijalankan. Tetapi pada hari ini kita tengok dia buat peralihan, buat kursus dan sebagainya tetapi akhirnya *the ended up*, bekas tentera menjadi jaga sekuriti dan drebar teksi. Sila jelaskan, Yang Berhormat bagi Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memang, Tuan Yang di-Pertua, saya kalau bercakap pasal ini, saya sayu, Tuan Yang di-Pertua, sedih. Sebak juga kadang-kadang kerana bagi saya, walaupun dia itu seorang prebet ataupun seorang Lans Koperal, tetapi di saat kita lena di rumah, mereka berada di hutan belantara. Di saat kita nyenyak, di saat kita sedang makan enak dan bergelak ketawa, mereka berada...

**Tuan Huan Cheng Guan:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Batu Kawan bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** *[Bercakap dalam loghat Cina]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Apa you cakap?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Biar saya habiskan ini, sebak sat. *[Ketawa]* Jadi, mereka berada di sempadan, dengan nyamuk, pacat dan sebagainya. Di saat kita bersidang ini, mereka berkeliaran dengan baju hijau mereka mempertahankan. Saya bersetuju dengan cadangan Yang Berhormat bagi Jasin, cari peluang untuk mereka. Tidak dapat dinafikan ada Tabung Angkatan Tentera, anak-anak tentera diberi pendidikan dan sebagainya dan saya faham apabila mereka telah masuk

perkhidmatan tentera, hidup mereka adalah hidup ketenteraan. Jadi, memang dia ada *resettlement course,* dia panggil kalau tidak silap saya, mereka dilatih dalam masa enam bulan itu untuk menyesuaikan diri dengan masyarakat awam. Yang itu betul

Tetapi kita kena bagi, saya nampak kita kena fokus banyak kepada ruang perniagaan ini kerana kadang-kadang kita lalu ikut kem-kem, ada isteri-isteri angkatan tentera yang menjual kuih, goreng pisang, jual itu, jual ini dan *husband* dia pun turut bungkus goreng pisang dan sebagainya. Saya nampak kursus yang paling baik ialah kursus perniagaan kepada mereka. Kita pun sedih juga kadang-kadang umur 60 tahun menjaja, tanya pak cik ini, buat apa dahulu? Dahulu *Malay Regiment* dia kata. Dia kata *Malay Regiment*. Anak berapa orang? 12 dia kata. Dalam bekerja sebagai tentera pun 12 anak Tuan Yang di-Pertua. Kita mahu macam itu supaya bila mereka masuk askar, mereka depa berasa masa depan mereka terjamin. Ini kadang-kadang yang *short service* itu, mereka kerja keluar, keluar umur muda lagi – 30 tahun lebih, sudah tidak ada apa. Jadi macam-macam. Baru keluar, muda lagi, sihat lagi tetapi mereka *sign* 10 tahun, macam Jasin dia *sign* 15 tahun, jadi masa dia pencen itu, dia kuat lagi tetapi dia tidak ada kerja apa dan ini akan menimbulkan masalah.

Bagi saya Yang Berhormat Jasin, jasa-jasa dan budi-budi mereka ini jangan kita.....Jadi bila Hari Angkatan Tentera, bila dengar derma tentera, kita bagi. Saya hendak menyeru kepada syarikat-syarikat korporat yang besar ini, orang yang berniaga besar-besar ini, jangan kalau hendak bagi sumbangan kerana hendakkan sesuatu. Hendak bagi sumbangan itu kena bagi kepada orang besar, hendak buat *mock cheque* besar-besar, itu tidak ikhlas. Dia bagi itu, dia hendak yang lain. Dia bagi kadang-kadang RM100 ribu, dia hendak RM200 juta punya projek, itu kita tidak tahu.

Kalau semua badan ini sumbang kepada Tabung Angkatan Tentera, kemudian syarikat-syarikat korporat ini *absorb*kan bekas-bekas tentera yang bekerja, pertamanya syarikat itu mempunyai keselamatan yang terbaik sebab mereka ini bekas komando dan sebagainya.

Tuan Yang di-Pertua, komando ini mereka makan apa jenis dalam hutan itu, lepaskan sahaja mereka, mereka memang tidak mati. Kita tiga hari, tambah Arau, dua hari terus pitam *[Ketawa]* tiga hari duduk dalam hutan, tidak ada makanan, kita sudah susah. Tetapi komando boleh, tahan lasak.

Saya berharap kalau semua pakat tolong, kerajaan tidaklah pening. Ini kadang-kadang saya lihat, syarikat-syarikat yang berjaya ini, begitu juga syarikat-syarikat yang mendapat kontrak daripada Kementerian Pertahanan, kontrak boleh pada mereka Apa sumbangan balik kepada anak tentera yang sakit, isteri tentera yang sakit? Apakah sumbangan mereka? Tidakkah ada dari segi perasaan untuk hendak tolong orang-orang susah macam ini? Jadi kalau semua mengharapkan kerajaan, memang kita susah, kerajaan susahlah – Luar Bandar hendak duit, Pertahanan hendak pakai duit, Pendidikan hendak pakai duit, Kesihatan hendak pakai duit, Sains Teknologi hendak pakai duit, jadi semua hendak pakai duit, mana hendak cukup kerajaan? Tetapi kalau duit yang dapat ini, mereka pelau balik ked alam negara kita, pakat edar seorang sedikit, selesailah masalah.

Tuan Yang di-Pertua, saya bagi Tuan Yang di-Pertua RM1,000 suruh pergi makan, berapa hari Tuan Yang di-Pertua boleh makan?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat, ucapan panjang juga, ya.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya sudah hendak pendekkan, sudah hendak balik.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Agak panjang.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Tadi Batu Kawan, Batu Kawan.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi tidak kena dengan pindaan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Kena, tadi fasal senjata, curi-curi punya fasal. Tadi saya sudah cakap buat *detector, trace* betul-betul, guna sistem IT sekarang, kos lebih sedikit tidak mengapa. Bagi saya, kehilangan satu senjata milik angkatan tentera, bukan nilai senjata itu Tuan Yang di-Pertua, nilai maruah. Maknanya kalau senjata dalam tentera pun boleh hilang, tidak kacau? Kita hendak jawab macam mana? Bom sebiji hilang pun Tuan Yang di-Pertua, pening kepala. Dia kata, fasal apa hangpa jaga keselamatan tetapi bom hangpa sendiri, hangpa tidak boleh jaga? Dia pergi ke mana? Yang ini saya minta Kementerian Kewangan tengok sedikit, bagi duit lebih sedikit.

Yang *last* sekali, saya hendak minta uniform. Uniform tentera kita ini, yang dipakai untuk pameran ini, yang dipakai untuk sambut orang besar-besar, segak betul, saya setuju tetapi yang setengah itu warna hijau pun sudah turun, dia kelabu bertelau habis. Bagilah uniform pada mereka secukupnya, uniform yang kemas, yang elok, kain itu bagilah elok. Ini kain mereka itu saya difahamkan kalau tidak pakai jika tidak pakai singlet, bercalar belakang Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Pengkalan Chepa.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Boleh? Saya ingin mendapat pandangan Yang Berhormat Jerai ini, tadi mengenai uniform, tetapi sekarang mengenai kenderaan. Kita tengok kenderaan ini, *land rover* yang 30 tahun dahulu pun digunakan lagi, begitu juga lori-lori polis. Adakah wajar digunakan sekarang ini dengan tidak menggantikan kenderaan-kenderaan yang canggih sedikit? Begitu juga tentang *Armour Car*, kereta perisai ini. Saya ingat negeri lain sudah tidak pakai tetapi kita guna, bagaimana kita boleh mempertahankannya? Bagaimana pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Yang kita ini Yang Berhormat, kita pakai atas darat sahaja, di kawasan-kawasan pekan ini tidak mengapalah, jadi kita pun tidak tembak siapa lagi. Kalau kita hendak tembak, kita bawa datang yang baru punya. Saya ingat yang baru punya, mereka simpan, yang keluar ini yang kadang-kadang ditunjukkan di sekolah untuk budak-budak sekolah tengok, baguslah. Kalau hari keluarga, mereka bawa kereta *tank* dua, tiga biji, jadi budak-budak kerumun naik yang itulah, yang elok mereka simpan.

Kalau kita tunjuk yang elok, rahsia kita habislah orang tahu. Berapa *tank* apa semua kita simpan, Yang Berhormat? Hak yang ditunjuk ini bagi budak-budak tengok ikut jalan sekolah sahaja. Yang *land rover* itu, boleh berjalan lagi. Saya tidak tengok *breakdown*. Malam itu saya balik ke Alor Setar, saya kira 13 buah saya kira kereta yang jenis tayar besar, kereta *tank* pakai tayar, jadi tengok tengah malam Tuan Yang di-Pertua, *tank* itu kepala seorang di atas sebab dia hendak beritahu kepada *driver* pergi ikut mana. Sebab naik bukit, takut naik kereta lain, *driver* pergi *right*, jatuhlah tetapi tidak

tahu dalam macam mana, saya tidak biasa masuk. Pukul berapa? Masa itu dalam pukul 9.30 malam.

Askar kita, India dalam gelap, dalam hujan, kepala menjenguk dari atas, kasihan pada dia. Saya ingat uniform bagi yang elok-elok sedikit. Tadi Jasin minta penjelasan, sebenarnya kem-kem ini, maklumlah kita ini negara sedang membangun, bukan negara yang maju seperti Amerika, UK dan sebagainya. Kita negara membangun, jadi kita kena kekurangan sedikit, *short* lah sedikit. Macam kitalah, alhamdulillah RM500 lebih, 10%.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib [Maran]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Maran bangun.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin**: Mana?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Hujung Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Okay.

**Tuan Haji Ismail bin Haji Abd. Muttalib:** Sedikit sahaja. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Tadi kita disebutkan tentang kawalan keselamatan di kem-kem dan juga baru-baru ini satu insiden yang berlaku di antara sempadan Negeri Sembilan-Melaka di mana orang awam telah mencerobohi kawasan latihan tentera. Saya hendak tanya Yang Berhormat Jerai, kalau kita tengok akhir-akhir ini, boleh kata semua kem tentera ini mempunyai padang golf yang mana keahlian dia bukan sahaja melibatkan pasukan tentera bahkan terbuka kepada pegawai kerajaan dan orang awam.

Saya hendak tanya Yang Berhormat Jerai, sejauh mana Yang Berhormat tahu bahawa dengan adanya padang-padang golf ini, kawalan keselamatan, masuk keluar orang-orang yang terlibat dengan permainan golf ini mungkin agak longgar. Saya salah seorang juga antara pemain golf ini tetapi saya jarang masuk dalam kem ini.

Tuan Yang di-Pertua, saya bimbang dan saya harap supaya pihak pasukan tentera atau kerajaan memberi perhatian kepada perkara ini kerana apabila pemain-pemain golf ini telah mesra dengan tentera, saya bimbang takut kawalan keselamatan tentang pembawaan masuk benda-benda ini mungkin tidak terkawal lagi.

Saya tidak hendak menghalang campuran ataupun pergaulan ini, bahkan memang ini kita galakkan supaya pasukan tentera sama ada udara, darat dan lain-lain

dapat bergaul dan dapat bermesra dengan masyarakat awam termasuklah pegawai kerajaan dan orang awam biasa. Cuma saya minta sejauh mana pandangan Yang Berhormat Jerai tahu tentang perkara ini dan apakah ada melibatkan kelonggaran dari segi syarat-syarat ataupun kebenaran masuk dalam kawasan ini. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih Yang Berhormat. Yang saya tahu kalau tidak buat padang golf semaklah kawasan itu. Ia akan naik hutan dan sebagainya. Jadi biarlah mereka buat padang golf. Lagi pun golf ini satu permainan sambil kita menghubungkan persahabatan *it is a good game if I am not mistaken* dengan izinlah. Walaupun orang kata golf ini golongan orang yang lemah fikiran yang main itu, tetapi saya berpendapat golongan orang yang ligat fikirannya. Itu biarlah tidak mengapa. Saya difahamkan bahawa kawasan itu terhad padang golf itu dikeponglah. Luar kawasan padang golf itu tidak boleh masuklah. Dia kena ada *special pas* pula. Itu penjelasan saya, Yang Berhormat puas hati? Kalau tidak berpuas hati saya hantar jawapan bertulis.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Yang Berhormat bagi Rembau.

**Dato' Firdaus bin Harun :** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Saya minta penjelasan, tadi Yang Berhormat ada sebut hendak menubuhkan unit wataniah di setiap kawasan Parlimen. Pada pandangan Yang Berhormat, adakah patut ditubuhkan satu platun, satu kompeni atau satu batalion? Minta penjelasan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin :** Kita tubuhlah dulu. Hak batalion tu platunkah kemudian. Ni tubuh pun dak lagi dah nak anu kan. Satu kompenilah boleh kita mula tubuh.

**Seorang ahli:** Satu kompeni ada berapa orang tu?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Alah, 150 orang *[ketawa].* Amboi, betul tak Yang Berhormat Menteri? Tak apa Yang Berhormat Dato', nanti saya hantar jawapan bertulis. *[Ketawa]* Saya hendak berbalik tadi supaya kementerian dan kerajaan .....

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Petra Jaya bangun.

**Tuan Haji Fadilah bin Yusof:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Lanjutan kepada kemudahan kenderaan kalau kita kaitkan dengan pindaan seksyen 161 di mana angkatan tentera dikenakan untuk membayar pampasan kerana kehilangan disebabkan perbuatan salah atau kecuaian. Kalau kita bercakap tentang terak misalnya, *mechanical failure,* dengan izin, dengan kesalahan manusia kadang-kadang susah untuk kita membezakan. Jadi bagaimana pandangan Jerai kalau disebabkan *mechanical failure* seseorang itu boleh dikenakan membayar pampasan di bawah akta yang bakal kita perkenalkan pada hari ini. Jadi apakah mekanisme yang patut kita tengok supaya orang tidak teraniaya disebabkan terak yang lama yang usang tadi menyebabkan berlakunya misal kata kerosakan bila berlakunya kemalangan. Minta jelaskan, terima kasih.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, perkara ini tepatlah pada pindaan yang kita bangkitkan.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, tepat, tepat. Memang saya dah agak dah. Memang betullah.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Kalau soalan ini tidak keluar Yang Berhormat saya fikir pun tidak tahulah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih, saya akan.... Pada pandangan sayalah di sudut dan pengertian saya kalau *mechanical fault* berlaku sesuatu kemalangan di luar bidang kawalan manusia ini tak kanlah kita hendak denda hamba Allah tu. Dia tekan *break* dia tak mahu berhenti dah tu hendak buat macam mana. Dan kebetulan ada kereta mai depan, dia bertuhlah kereta itu, dah brake ini, *mechanical fault*. Masa dia bawa daripada kem okey, tiba-tiba dalam perjalanan naik bukit turun bukit *brake plate* dia habis, tekan-tekan *brake, brake* tak makan, dia bertuh orang. Yang itu dikata *mechanical fault,* dengan izin. *So mechanical fault can be excuse, am I right?* Dengan izin. Saya difahamkan *mechanical fault* boleh dimaafkan, tetapi kalau akal manusia hendak menipu, macam dia hisap minyak kemudian pergi jual, tukar tayar, yang ini tak tahulah, kadang-kadang dok buat kan. Minyak dia sapu, tayar dia tukar. Kadang-kadang saya biasa tengok lori *Mercedes,* hak lambang *mercedes* tak ada, habis yang tinggal *signal light* sahaja. Yang tambah *accessory* tak ada. Hak itu

maklumlah harga baik. Ha, yang itu dimasukkan di bawah kecurian, yang itu kenalah tindakan disiplin. Puas hati Yang Berhormat bagi Petra Jaya? Terima kasih.

Okey, saya hendak gulunglah.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat, Rembau.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Rembau pula. Satu kompeni.

**Dato' Firdaus bin Harun:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Bagaimana pandangan Yang Berhormat bagi Jerai jika mereka yang mengikuti latihan atau bertugasan bukan sahaja patut diberi cuti tetapi diambil kira kalau naik pangkat, perkhidmatan mereka dalam sukarela itu diambil kira, ada markahlah. Contohnya, ramai kerani dan juga Pembantu Am Rendah (PAR) di jabatan kerajaan yang jadi anggota wataniah tetapi sekarang ini mungkin bila ada kenaikan pangkat katalah Kerani Kanan ataupun Mandur perkhidmatan mereka dalam tentera sukarela itu tidak diambil kira. Jadi setuju tak Yang Berhormat bagi Jerai kalau perkhidmatan mereka dalam tentera sukarela itu diambil kira sebagai menghargai jasa mereka kepada pertahanan negara? Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memanglah kalau saya jadi Pengerusi Lembaga Temu Duga terutama kita hendak tengok latar belakang. Dia bagi nama, jawatan dan kelulusan dia. Kemudian kita tengok apa lagi dia buat untuk negara. Kalau dia masuk NGO situ dan NGO sini, masuk wataniah, masuk polis simpanan dan sebagainya sudah tentu sebagai seorang pegawai yang hendak menentukan jawatan itu kita memilih orang yang ada kelebihan. Ya, Yang Berhormat Pendang. Pendang pernah jadi doktor askar tak?

**Dr. Mohd. Hayati bin Othman:** Biasa. Terima kasih Tuan Yang di-Pertua dan terima kasih Yang Berhormat bagi Jerai. Ada dua soalan yang saya hendak penjelasan di sini ialah satu tentang kawalan kem tentera itu. Kalau kita lihat di dalam zoo pun digunakan pagar elektrik. Apakah salahnya kalau di kem-kem tentera yang kita agak strategik kita gunakan pagar elektriklah supaya orang tidak boleh ganggu, tidak boleh jadi kejadian macam sempadan Negeri Sembilan dan Melaka baru-baru ini.

Yang keduanya tentang sukarelawan yang lain seperti JPA, RELA, Polis Sukarela ini, apakah mereka ini juga diberi kemudahan apa yang disebutkan oleh Yang

Berhormat tadi tentang dari segi elaun kawad, elaun latihan supaya mereka ini juga dapat faedah daripada kerja-kerja sukarela yang telah mereka lakukan. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Saya difahamkan Yang Berhormat Pendang, sukarela JPA dan sebagainya mereka semua ada elaun kawad, ada diberi uniform. RELA pun ada. Yang Berhormat balik tubuhkan RELA ataupun wataniah. Sila.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Mengapa Yang Berhormat tidak tujukan soalan ini kepada kerajaan untuk dapat jawapan. Yang Berhormat bagi Jerai tidak dapat memberikan jawapan.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Jerai ini dia macam kerajaan juga. Jawapan dia *special.* Semua Ahli Dewan sukakan Jerai ini. Jadi mana-mana menteri yang di situ dia lebih rasional menjawabnya.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Tetapi Yang Berhormat bukan duduk di sini. Duduk di sana.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Tidak mengapa. Saya ada dua pengalaman Yang Berhormat. Satu orang nama Majinah Mustapha. Dia dalam latihan payung terjun jatuh kerana kecuaian siapa tidak tahu tetapi patah. Walau pun rawatan di hospital itu ada tetapi tidak nampak pampasan ini. Jadi, adakah dengan pindaan ini termasuk itu. Dalam masa latihan itu katalah patah pinggang.

Yang kedua, satu orang nama saya tidak ingat, dia orang Melaka sekarang ini ada di Kelantan. Bila hendak bersara dia kena penyakit buah pinggang. Saya tanya dia perbelanjaan untuk rawatan mencuci buah pinggang ini, dia kata dia kena tanggung sendiri sekarang. Kalau saya berada di Perak dahulu pihak kerajaan tanggunglah pihak tentera. Tetapi bila saya ada di sini saya kena tanggung sendiri. Adakah termasuk di dalam pampasan ini? Saya minta penjelasan sedikit.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dalam bil yang dibentangkan Dato' berkenaan dengan kecurian dan juga bil wataniah. Jadi tak apalah saya jawab tentang kesihatan ini. Ini pandangan sayalah, memanglah dalam ketenteraan dia bayar. Tetapi dia bersara dia boleh pergi buat rawatan di hospital kerajaan, free Yang Berhormat.. Kemudian dia ada Persatuan Buah Pinggang, kita masuk jadi ahli Persatuan Buah Pinggang, saya ingat bayar hanya RM50 untuk sekali cuci pakai mesin.

Jadi masalah itu tidak timbul, cuma satu lagi soalan Yang Berhormat pasal jatuh payung terjun. Memanglah payung turun mai tak tentu. Kalau payung tu terbuka *alhamdulillah* tetapi kalau payung tidak terbuka *innalillah*, jadi dia macam itulah.

**Tuan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Yang Berhormat boleh gulunglah.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ya, saya hendak gulunglah. Ini pasal saya meraikan, saya pun bukan apa duduk di sebelah pun tak seronok tak boleh berkawan. Pasal bukan ramai yang duduk sebelah nu.. Sebelah sini ramai, jadi saya mai sorang-sorang bukan seronok, lebih baik saya duduk sebelah sini.

Jadi, *last* sekali, biar saya gulung. Saya sekali mintalah supaya apa yang diminta oleh Kementerian Pertahanan dalam keadaan negara macam ini, saya hendak minta Kementerian Kewangan janganlah sekat sana sekat sini. Jangan, kalau kita sekat sana sekat sini, bila terjadi sesuatu masa itu bukan kita boleh hendak *order* senapang bukan order hari ini esok sampai. Kentucky tak apalah, kita beli hari, hari ini ada dalam kotak. Senapang alat-alat ketenteraan ini kena *order* bertahun. Jadi kita kena fokus. Tengok bila kita terkepong apa persediaan kita.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Dari satu kementerian macam saya kata tadi. Tentera Darat bagi dia ada. Ini kadang-kadang saya biasa tengok Tuan Yang di-Pertua, tabik hormat kepada Menteri Pertahanan mana-mana mai yang di depan padang kementerian dok tabik, yang dok kerja ini dengan cucuk pisang, dengan plastik ni dia dok kawad sama lagu tu. Jadi dia tak nampak macam satu ini..... Dia ini, kalau dia kata, Ketua Turus Tentera Darat masuk itu, dia masuk dalam kem dia dengan *salute* semua cukup. Yang ini dia tak ada. Saya tengok kementerian itu, kereta Menteri *park* tang tu jugak. Dia kena bagi tempat, *space* yang *special* untuk Menteri ini, kereta-kereta Menteri, Timbalan Menteri pun *park* bawah itu bawah *posh* tu. Yang itu bukan untuk *parking* kereta, tapi dah takda *parking* kereta pi boh la kereta dalam tu. Jadi kita tidak nampak keagungan Tentera Diraja kita, ha, ini saya hendak bersuara. Jadi saya harap…..

**Dato' Ghazali bin Ibrahim [Padang Terap]:** Sedikit sahaja.

**Tuan Yang di-Pertua:** Yang Berhormat Padang Terap.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Padang Terap takpa sahabat saya.

**Dato' Ghazali bin Ibrahim:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Jerai. Terima kasihlah sebab bercakap panjang lebar tentang tentera kita ini. Cuma mungkin Yang Berhormat Jerai terlupa masalah keluarga anggota tentera kita terutama yang berpangkat rendah di kampung-kampung ini. Saya dapati bahawa sebahagian besar daripada tentera kita yang berpangkat rendah ini datang dari kampung, keluarga miskin. Isterinya terpaksa menoreh getah, minta sedekah, emaknya lumpuh.

Jadi adakah Yang Berhormat bersetuju supaya Kementerian Pertahanan turut memberi perhatian kepada keluarga mereka kerana mengenang jasa dan budi tentera-tentera kita yang bekerja begitu kuat mempertahankan negara dan bangsa kita. Minta komen Yang Berhormat.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Terima kasih. Saya pun ada satu kes dalam kawasan saya. Suami dia bekas tentera, isteri dia bekas polis. Isteri penat, sakit penat. Sakit penat ini, orang kampung kata sakit penat, tapi kita kata jantunglah, jantung lemah. Dan suami dia lelah. Jadi duduk rumah PPRT, walau bagaimanapun saya faham angkatan tentera dia ada unit *engineer* dia, depa boleh tolong kita buat rumah di kampung ini.

Tapi kita kena cari bahanlah, tukang depa boleh mai lah. *Engineer* mai buat kerja, buat rumah PPRT ini, tapi perkakas kita kena bagi yang itu saya adalah, tapi tidak tau la kot kementerian boleh bagi sendiri. Dan kami ini wakil rakyat pun banyak dah tolong bekas-bekas tentera termasuk Timbalan Menteri ini. Kita hantar duit sahaja, setengah bekas tentera depa hendak apa kita bagi. Dia hendak teksi kita sokong. Kita hendak bagi tidak boleh, yang ini Yang Berhormat Sekijang dia *chairman* teksi, dia bagi kalau bekas tentera. Jadi, satu tadi balik ya, Tuan Yang di-Pertua, saya *last* ya. Saya hendak gulung dan saya minta jangan siapa-siapa yang minta penjelasan, ada lagi? Takda dah?

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Abu Bakar bin Taib [Langkawi]:** *[Bangun]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Langkawi, hendak minta saya ka? *[Ketawa]* Sarjan, sarjan.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Langkawi.

**Dato' Abu Bakar bin Taib:** Jadi tadi, Yang Berhormat Jerai. Tadi dibangkitkan oleh Yang Berhormat dari Jasin mengatakan adakah………..sekarang ini kurang? Sedangkan kita lihat di sekitar kem-kem ini tidak terjaga, tidak terurus. Jadi adakah mungkin disiplin kita ini kurang sikit ataupun macam mana? Kalau dulu selalu pergi ke Bagan, nampak Bagan itu cantik, elok yang askar Australia itu ya. Tapi sekarang ini dah nampak lusuh sikit, tidak terurus.

Keduanya, beralih kepada perkara yang diterangkan oleh Yang Berhormat sebentar tadi. Saya dapati adakah pihak kementerian tidak jaga orang mereka. Kerana saya dapati jika di Langkawi kalau ada orang yang sudah sakit lumpuh, sakit buah pinggang tapi tidak terjaga, seperti Yang Berhormat katakan tadi, yang isterinya sibuk kerja goreng pisang, tetapi suaminya terpaksa terlantar di rumah. Saya bagi bantuan tetapi setakat mana yang kita boleh beri bantuan, jadi apa pandangan Yang Berhormat?

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Memanglah Yang Berhormat kadang-kadang Allah s.w.t duga orang tu had susah tu, dia susah lagi tapi mudah-mudahan di akhirat nanti dia masuk syurga Yang Berhormat ya. Kita ini kadang-kadang kita tengoklah, had mai tsunami tu dia tak mai ambik orang korperat-korperat besar tu, dia pi ambik orang tepi pantai. Tak tau lah Tuhan hendak duga orang susah dulu no, dia pi tunjuk takpalah orang susah jadi mangsa, orang senang tengok fikir. Hangpa jangan ingat kata hangpa senang tu tak mati.

Ini barangkali duga macam itulah Langkawi no. Jadi saya bersetujulah kita ini sebenarnya Tuan Yang di-Pertua, kami ini yang boleh cerita, duduk sembang, duduk bercakap di Dewan Rakyat ni kerana kami buat kerjalah. Kalau Ahli Parlimen tidak buat kerja dia tidak tau hendak cerita, dia taktau lah dia tidak turun.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ini terkeluar daripada tajuk.

**Beberapa Ahli:** *[Ketawa]*

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Jadi tidak payah saya gulung ya Yang Berhormat. Jadi *last* sekali yang saya kata tadi Kementerian Pertahanan……

**Dato' Liow Tiong Lai [Bentong]:** Sebelum gulung Yang Berhormat Jerai.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ada lagi?

**Dato' Liow Tiong Lai:** Sebelum gulung, I hendak, hendak gulung ini.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Ish! Hendak kena habaq kat PM ini. *[Ketawa]*

**Dato' Liow Tiong Lai:** Sebelum gulung ini Jerai, I takut nanti Jerai terus gulung nanti. Ini berhubung dengan perumahan angkatan tentera ini. Kita tengok juga ramai anggota tentera tinggal di kawasan perumahan. Memang ada dasar kalau boleh kita siapkan rumah di kem-kem untuk memudahkan latihan dan sebagainya. Boleh tidak Yang Berhormat Jerai cadangkan, pastikan kerajaan siapkan perumahan yang baik-baiklah dalam kem itu. Tidak payah biarkan anggota tentera kita tinggal di kawasan perumahan dan juga menyebabkan banyak masalah juga kepada menyusahkan anggota tentera kita.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin:** Sebenarnya saya puas hati sekarang ini, Menteri Pertahanan kita yang juga merangkap Timbalan Perdana Menteri. Sejak beliau menjadi Menteri keutamaan-keutamaan telah diberi kepada *welfare* tentera. Jadi itu kalau kita tengok banyak tanah angkatan tentera ini telah dibuat rumah, rumah flat ini, rumah pangsa dengan kemudahan yang cukup baik, bilik 3 dan sebagainya. *Standard* dia pun *standard apartment, it's not a low cost flat* tapi yang *standard apartment*.

Jadi yang ini saya nampak boleh cuma ada sedikit-sedikit ini, walaupun Tuan Yang di-Pertua saya terkeluar dan depa pun tergelincir tidak masuk dalam *line* ini, tapi waktu bila lagi hendak bercakap. Bila hendak gulung, Ke Bawah Duli Yang Maha Tuanku, masa terhad jadi peluang-peluang inilah kita sampailah walaupun saya faham. Sebagai Ahli Parlimen saya faham rang undang-undang ini adalah pasal kecurian dan wataniah. Tapi kita pi macam Langkawi, merayau pi sampai kem kotoq dan sebagainya yang ini saya ingat dari segi peruntukanlah Langkawi ini.

Peruntukan dan juga kita berharaplah kem komandan itu dia kena bertanggungjawablah, maknanya kebersihan kem itu. Memang betul dulu *Royal Australian Air Force* di Butterworth bersih, tetapi *Royal Malaysian Air Force* kurang bersih, bukan kata tidak bersih - kurang bersih. Kerana barangkali petugas dia tidak ada, tukang kebun kurang dan sebagainya. Tapi saya ingat sebelah petang minta pihak

kem komandan memastikan bahawa semua askar dia ini berlatih atau *exercise* dengan membersihkan kawasan-kawasan kem.

Tidak payah depa dok main sepak raga, main sepak raga main golf, golf tapi *certain day of the week* depa kena pi gotong-royong bersihkan kawasan itu kerana itu adalah kawasan depa. Jadi saya harap yang itu bolehlah puas hati Langkawi no? Langkawi ini Yang Berhormat kalau tidak bagi perhati dia mengamuk *curfew* Kuala Lumpur ini. *[Ketawa]* Jadi yang *last* sekali Tuan Yang di-Pertua, saya katakan tadi keselamatan *MINDEF* itu sendiri, Kementerian Pertahanan semua dok ada di situ, semua dok ada di dalam itu Tentera Darat, Tentera Udara, Tentera Laut semua kepala, jeneral semua dok ada kat dalam itu termasuklah Menteri, Timbalan Menteri, Setiausaha Parlimen dok ada dalam itu.

Takdirnya berlaku sesuatu, diserangnya KEMENTAH ataupun MINDEF…..Ha, Batu Kawan…..

**Tuan Huan Cheng Guan [Batu Kawan]:** Yang Berhormat. Saya hendak perbetulkan sedikitlah. Menteri ada, Timbalan Menteri ada, tetapi Setiausaha Parlimen tiada - Kementerian Pertahanan. Terima kasih.

**Dato' Paduka Haji Badruddin bin Amiruldin**: Memang saya kata macam itu. Saya peringat tidak ada Setiausaha Parlimen tu *[Disampuk]* Setiausaha Parlimen itu boleh jawablah kalau menteri semua tidak ada *[Ketawa]* Allah, Batu Kawan. Bayangkan, kalau *anything*lah, *misjudgment*kah, apakah atau tidak tekan butangkah, *landed* satu *missile* di situ maknanya semua kita punya *defend brain*, semua *our defend brilliant General is going to be into trouble*, dengan izin.

Saya berharaplah walaupun saya terkeluar, Tuan Yang di-Pertua, saya terpaksa bercakap kerana saya tengok keadaan dunia sekarang ini begitu mencabar, keselamatan tergugat, jadi kita bersedia. Duit kita boleh cari, kalau negara kita hilang hendak cari dengan apa. Rakyat yang ada ini mengharap belas kasihan tenteralah. Baliklah kirim salam Ahli-ahli Parlimen kepada semua Jeneral-jeneral bahawa kami menyokong kuat tentera dan kami akan bercakap untuk kebaikan angkatan tentera. Dengan itu saya menyokong Tuan Yang di-Pertua.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Batu Kawan.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Saya ingin ambil bahagian dalam perbahasan ini. Tadi ramai Ahli Yang Berhormat telah menyentuh tentang kebajikan bekas-bekas tentera.

Tuan Yang di-Pertua, saya masih ingat pada suatu ketika dahulu, saya rasa dua tahun yang lepas...kalau tidak silaplah, Kementerian Pertahanan ada membuat *advertisement*, dengan izin, di sebuah surat khabar utama. Tujuannya ialah untuk mengumpul data-data dari semua bekas-bekas tentera seluruh Malaysia dan pada hari tersebut kira nasib baiklah saya pun ada terbaca surat khabar tersebut dan saya rasa memang gembiralah kerana Kementerian Pertahanan memang mengambil inisiatif dan mengambil berat tentang soal kebajikan bekas tentera. Iklan tersebut saya isi - lengkapkan borang itu dan hantar balik kepada Kementerian Pertahanan. Dukacitanya, sehingga kini saya tidak dapat tahu apa yang berlaku, tiada jawapan, tiada apa, *nothing*.

Saya memang amat terkilanlah. Adakah pihak kementerian yang ada rekod anggota-anggota yang telah bersara dari perkhidmatan tentera, khasnya mereka yang telah berkhidmat bagi tempoh jangka pendek iaitu 13 tahun ataupun 15 tahun. Saya sebagai seorang bekas tentera, saya tamat perkhidmatan pada tahun 1993 iaitu selepas berkhidmat selama 13 tahun. Selepas dari itu Kementerian Pertahanan langsung tidak menghubungi kita, langsung tidak ambil tahu berhubung dengan soal kebajikan bekas tentera, khasnya saya dari peringkat bawahan, paling bawahlah, Lans Koperal sahaja bukan Mejarkah, Kaptenkah atau Leftenan dan juga Jabatan Hal Ehwal Veteran (ATM), saya pun tidak tau apa yang mereka buat.

[Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob] ***mempengerusikan mesyuarat]***

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman [Pengkalan Chepa]:** Boleh saya minta jalan sekejap?

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Pengkalan Chepa.

**Dato' Haji Ab. Halim bin Ab. Rahman:** Tuan Yang di-Pertua. Adakah sebab-sebab itu yang membuatkan rakyat daripada keturunan Cina kurang masuk tentera ataupun apa sebabnya orang Cina kurang berminat melibatkan diri dalam tentera.

**Tuan Huan Cheng Guan:** Yang Berhormat sebenarnya *I* pun tidak tau apa sebab kerana bagi saya, saya memang minat dalam ketenteraan.

Tuan Yang di-Pertua, pihak kementerian sepatutnya kena ambil tahu tentang soal kebajikan bekas-bekas tentera yang telah menamatkan perkhidmatan dan seperti mana tadi Yang Berhormat Jasin pun ada sebut, kita rasa amat dukacitalah di mana di peringkat bawahan sebagai Sarjan, Koperal, Lans Koperal pun jadi teksi *driver.* Malahan kebanyakannya pun, saya rasa ramai yang ada jadi *security guard*.

Memang susah, saya sedar sebagai salah seorang dari anggota angkatan tentera yang berkhidmat 13 tahun di TUDM pangkat yang terakhir saya sandang ialah Lans Koperal dan gaji yang terakhir, *last pay* RM675, dengan izin. Apa hendak dibuat dengan RM675 - ada isteri, ada anak, macam mana pun tidak tahu. Tetapi nasib baiklah dapat dipilih sebagai Ahli Parlimen jugalah. Kira ada *ong*lah itu. *[Ketawa]*

Saya haraplah pihak Kementerian Pertahanan ambillah tindakan yang sewajarnya dalam perkara yang saya sebut ini. Kalau boleh kumpullah data-data bekas tentera, tengok apa yang mereka buat masa kini, sama ada pekerjaan, menghadapi kesusahan, kalau ada apa-apa atau soal kebajikan, soal keluarga yang mana kita boleh bantu, bantulah mereka.

Tuan Yang di-Pertua, satu perkara yang saya ingin sentuh ialah di peringkat negeri. Di peringkat negeri memang ada Menteri Besar dan *Exco-exco*, kalau di Pulau Pinang, Ketua Menteri dengan *Exco* yang memang mempengerusikan jawatankuasa-jawatankuasa tertentu, khasnya yang berhubung kait dengan kementerianlah seperti pertanian, usahawan dan macam-macam kementerian. Tetapi saya amat hairan, soal bekas tentera langsung tidak disentuh, di mana di peringkat negeri ada *Exco* tetapi tidak tahu mana Exco yang jaga kebajikan pihak tentera. Maka saya cadanglah...Yang Berhormat Timbalan Menteri pun ada sini hari ini, saya cadang Yang Berhormat Timbalan Menteri agar dapat membawa perkara ini kepada Menterilah dan Menteri bawa ke Mesyuarat Jemaah Menteri kalau boleh. Arahkanlah pihak Kerajaan Negeri

mewujudkan sebuah portfolio iaitu untuk menjaga kebajikan bekas tentera. Sekian, terima kasih. Saya pohon menyokong.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Santubong.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua. Pertamanya saya hendak mengucapkan tahniah kepada Laksamana Dato' Seri Mohd Anuar Mohd Nor kerana dilantik menjadi Panglima Angkatan Tentera Malaysia.

Sejarah bagi negara kita, Pegawai Kanan Angkatan Tentera Laut Diraja Malaysia dilantik menjadi angkatan tentera. Syabas, Dato' Seri Anuar. Tetapi di Dewan ini, kita menggubal undang-undang angkatan tentera untuk menggantikan Seksyen 161 dengan 161 baru atas tajuk "Pampasan Kerana Kehilangan dan Di Sebab oleh Perbuatan Salah atau Kecuaian". Kalau dipandang daripada seksyen ini Tuan Yang di-Pertua, saya tidak mahu merapulah ini, terus pergi ke sana. Kalau dipandang daripada keperluan seksyen 161 bahawa pindaan untuk memasuki seksyen 161 baru ini adalah amat tepat. Tepat daripada segi bahasa Inggerisnya *comprehensiveness of the provision* seksyen 161 baru.

Kerana dalam seksyen 161 yang lama banyak tanda-tanda Tanya yang boleh diperkatakan tetapi dalam 161 baru, cukup *detail*, cukup *comprehensive* dan cukup memberi butiran-butiran yang perlu dijawab, kalau dahulu masa Akta Angkatan Tentera di bawa ke dalam dewan ini. Tetapi malangnya, Tuan Yang di-Pertua, saya berasa ragu kepada seksyen yang baru ini walaupun memperkukuhkan kedudukan seksyen 161 lama tetapi tujuannya ialah untuk menekankan keadaan pegawai-pegawai tentera, anggota-anggota tentera kalau kita lihat seksyen yang baru ini pampasan kerana kehilangan yang bersebab oleh perbuatan salah. Tidak hendaklah *dispute* perbuatan salah, kalau dia buat salah mesti tanggungjawab atau kecuaian. Tuan Yang di-Pertua, tadi saya dengar Jerai di soal soalan kecuaian, kereta langgar dan sebagainya. Sejauh manakah kecuaian ini kita ambil kira? Siapa yang akan menentukan siapa yang bertanggungjawab atas kecuaian yang disebut di bawah seksyen ini? Umpamanya, kalau seseorang tentera bawa kapal terbang naik ke udara, kapal terbang terjatuh. Kalau kapal terbang terjatuh, langgar bangunan, sama ada bangunan awam ataupun bukan. Apabila diselidiki sebagai kebiasaannya orang kata, it is the faults of the pilot, memang 90%. Sebab-sebabnya ialah orang hendak selamatkan industri kapal terbang,

orang keluar kapal terbang itu *always blame* orang yang mati itu. *Blame*kan kepada si mati itu atas kejatuhan kapal terbang ini tadi. Kapal terbang rosak, bangunan rosak siapa yang ganti? Pegawai inikah, kalau disebut lihat ini, pencen dia pun kena potong dari gaji orang yang bertanggungjawab daripada orang semua boleh dipotong. Sedih betul jadi pegawai ini, jadi Angkatan Tentera ini.

Kalau dilihat takrifnya ke situ. Jadi, saya hendak tanya tolong beri penjelasan sebanyak mungkin, jangan bimbang soal masa ahli parlimen dan dewan ini bersidang, beri penjelasan dengan sejelas-jelasnya supaya kita boleh mengetahui di mana batasan-batasan yang tertentu untuk seseorang anggota Angkatan Tentera itu dipertanggungjawabkan ke atas kecuaian. Saya rasa sedih kita hendak tarik orang masuk askar, kita hendak tarik orang masuk dalam Angkatan Tentera baru dilantik, *navy man* kita. Saya merasa bangga lihat orang lain duduk di sini tetapi di Dewan ini bagi saya satu kesedihan. Buat kiri tidak betul, buat kanan tidak betul, angkatan tentera, begitu hebat sekali tanggungjawab dibuat. Memang kalau dipandang daripada tugas dan tanggungjawab Datuk Sri Anwar ini nanti senang sedikit buat salah, tuduh mahkamah cukup tuduhannya tepat, undang-undangnya cukup lengkap.

Yang masalah anggota bawah yang pegang stereng kereta, yang pegang *joystick* kapal terbang, yang pegang apa sahaja benda, harta benda. Kalau kereta di bawa ke tepi jalan, pandu kereta berlanggar dengan orang, sama ada mati rosak atau orang lain tidak kira. Tetapi apa didapati salah, oleh sebab brek di tidak jalan, mungkin mekanik yang tidak buat betul, pemandu mungkin kena mekanik pun kena. Adakah kita hendak dipertanggungjawabkan juga di bawah mekanik ini, potong gajinya? Tadi, Yang Berhormat di sini menyebutkan persoalan Angkatan Tentera sudahlah kerja menggadai nyawa, sudahlah kerja mempertahankan negara ini kadang-kadang tidak ada orang berterima kasih. Orang akan pandang kesalahan dia sahaja, kelemahan sahaja dia lihat.

Apabila mereka buat yang baik, tidak ada siapa yang berterima kasih, jarang orang berterima kasih. Yang mati akan di lupa begitu sahaja kerana orang dalam Angkatan Tentera ini memang itulah tugasnya, menggadai nyawa. Kalau dia mati tertembak ataupun mati dalam apa sebab sekali pun dalam menjalankan tugas, dia menggadaikan nyawa untuk kesenangan orang lain, belum tentu orang lain

mengingatkan. Semasa dalam *field force* dahulu, Tuan Yang di-Pertua, pernah membawa anak buah daripada Angkatan Tentera ini pergi *join the operation*. Saya mengetahui mereka, kita duduk dalam hutan 9 bulan satu tahun. Yang tiga bulan itu pun balik yang tiga hari, dua hari, tiga hari dan dua hari dalam sekali balik orang kata Return To Base (RTB), itu sahaja.

Bagi kita balik tiga hari itu, balik yang hari pertama kita buat *briefing*, hari kedua mungkin dapat relak sedikit, hari ketiga untuk pegawai untuk *other briefing,* untuk keluar atau untuk anak-anak yang lain itu yang pangkat-pangkat rendah yang hendak mengambil *ration*, ambil ini, ambil itu, sediakan bot, sediakan persediaan untuk masuk ke hutan semula. Kita hitungkan yang tiga hari, tiga hari ini, tiga bulan dalam satu bulan masa keadaan darurat. Bila mereka mati, Angkatan Tentera itu sahajalah yang menangis, anak saudara mereka sahajalah yang menangis. Itulah saya selalu menyebut, ada seorang kawan saya dahulu semasa di Universiti, dia Leftenan Komander daripada *Navy* mengambil undang-undang juga seorang isteri. Dia dengar kawan saya dahulu, Wee Choo Keung, bekas Ahli Parlimen. Cakap macam-macam di England katalah Malaysia ini, Malaysia itu yang Leftenan Komander ini *pull me aside,* dengan izin, Wan katanya, you dengar manusia yang tidak pernah mempertahankan negara, inilah corak dan perangainya. Kalau orang hendak tahu macam mana seksanya kita duduk jadi Angkatan Tentera katanya mempertahankan negara ini.

Seksyen ini bukan habuan, Tuan Yang di-Pertua, *it is not* habuan, *not for* Angkatan Tentera, dengan izin. Ini memperkemaskan untuk menghukumkan Angkatan Tentera dan anak-anak buahnya. Orang atas ini senang-senang sahaja, yang naib Jeneralnya, yang pegawai-pegawai kanannya, yang panglima-panglimanya, admiralnya senang kerana disiplin sedap. Senang tuduh, saya baca ini, Tuan Yang di-Pertua, baru sekejap telah menyebabkan apa-apa kehilangan atau kerosakan kepada harta perkhidmatan atau harta awam. Maknanya hartanya sendiri ataupun harta awam. Dan ia sebut dahulu telah disebabkan apa-apa perbuatan atau salah atau kecuaian seorang pegawai atau lasykar, askar lasykar, angkatan tetap boleh dipertanggungjawabkan, Tuan Yang di-Pertua.

Dari mekanik dia, pemandu dia, semua sekali. Kita tidak tahu, belum tahu lagi saya sejauh mana tanggungjawab ini boleh dibuat. Macam mana kalau saya pegawai,

saya beri arahan, kereta dipakai, kapal terbang naik, berlaku kemalangan, rosak harta benda. Adakah kita akan mempertanggungjawabkan. Sedih betul, negatif betul cerita Santubong, ahli Santubong bercakap negatif.

Mungkin betul juga, Tuan Yang di-Pertua, di Dewan ini ada yang berpengalaman jadi wataniah, berpengalaman dalam mungkin dalam satu-satu servis ............ Saya lima tahun dalam hutan Tuan Yang di-Pertua, anak-anak buah saya mati ditembak, saya masuk *ambush* lima kali. Kita lihat macam mana cara hidup. Saya pernah duduk di hutan 17 hari tak mandi. Orang lain tak berani masuk, kita kena masuk. Komander saya mati kena bunuh, dia beritahu saya sebelum mati dia kata, "Wan, kalau you mati luka parah, *this is a part of the race of your profesion, there's nothing to complaint about".* Kalau you dah mati, apa nak *complaint* dia kata. 18 orang angkatan tentera mati di Ngemah - *ambush,* tanya mana anak-anak dia, mana keluarga dia, siapa yang bela? 10 orang, 12 orang yang mati di Batu 48 di *ambush* Komunis. Angkatan Tentera Melayu Diraja, tanya ada kadang-kadang kita yang saya sebut mungkin tak sesuai, *chasing after the tale of the girl in university, while we are chasing communist in the jungle?* Inikah habuan?

Walau bagaimanapun pengurusan negara kena dipertingkatkan. Undang-undang ini selaras dengan untuk memperketatkan tugas dan tanggungjawab ini. Tugas dan tanggungjawab ini perlu kita perketatkan untuk menghukum sesiapa yang salah dan cuai tapi saya bermohon pihak-pihak ........

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** *[Bangun]*

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** *[Bangun]*

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ada dua yang bangun Yang Berhormat, Lipis dan Petrajaya. Lipis.

**Tuan Mohamad Shahrum bin Osman [Lipis]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya sendiri sebenarnya menyokong Undang-undang ini tapi bersyarat. Yang Pindaan Akta Fasal yang kedua Pindaan Seksyen 161, syaratnya kem tentera mesti diperkemas dan diperketatkan. Ini berdasarkan daripada pengalaman saya sendiri yang pernah dikerah sepenuh masa sebagai Pegawai Tadbir dalam satu Batalion Siri 500.

Apabila Batalion Siri 100 dibubarkan, peralatan satu batalion masa itu dipindahkan ke tempat saya dan saya menjadi pegawai yang paling kanan di situ pada masa itu. Beribu-ribu barang termasuk senjata dan sebagainya, bangunan batalion yang saya pimpin itu hanyalah sebuah rumah kerajaan, bangunan kayu rumah kerajaan dua bilik dan tidak mungkin untuk menempatkan semua peralatan yang ada, tidak boleh masuk. Kami terpaksa mendirikan khemah dan sebagainya di luar dan barang-barang yang perkakas, peralatan yang ada semua adalah peralatan terkawal pada masa itu. Berek saya itu, bangunan pejabat yang saya pimpin itu kalau langgar oleh lori buruk pun bangunan itu akan runtuh sebenarnya.

Akhirnya bila sampai masa audit datang memeriksa barang-barang. dalam keadaan begitu banyaklah yang hilang kerana duduk bawah khemah, hujan dan sebagainya. Saya dan beberapa orang lagi masa tu Q, Quatermaster, Staff Sarjan, Koperal, stor semua sekali dipotong gaji didenda kerana kehilangan barang-barang. Itu pengalaman saya sendiri sebab itu saya kata tadi *clause*.ini atau fasal.ini boleh terpakai tapi dengan syarat kem yang tetap yang betul-betul terkawal diberi. Kalau dah duduk bawah khemah, semua barang terletak bawah khemah, macam mana kita hendak mengawal barang ini? Sudah tentulah akan berlaku kehilangan dan tanggungjawab itu kalau begitu akan diberi kepada pegawai yang menjaga ataupun Sarjan, Koperal yang gajinya tak seberapa yang menjaga. Bersetuju tak dengan saya?

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Yang Berhormat, biar saya bermula daripada awal sikit. Saya bersetuju, kalau kita pandang daripada undang-undang ini dan memperketatkan urusan kerajaan untuk memperkukuhkan lagi kedudukan kerajaan supaya senang pengurusan undang-undang, senang pengurusan kerajaan, saya memang setuju, saya memang setuju.

Tapi kalau kita lihat Seksyen 161 yang lama, dia banyak kelemahan Seksyen 161 lama. Oleh sebab sebagai seorang peguam macam Yang Berhormat Muar, dia boleh bagi penjelasan dan juga macam Petrajaya. Apabila Undang-undang itu tidak jelas, kadang-kadang hakim akan berpihak kepada yang dituduh jadi dengan itu dia akan terselamat. Tapi apabila undang-undang itu *very precise, very accurate, very perfect*, tidak ada tempat untuk hakim nak berlindung untuk menyelamatkan anak-anak

kita yang kena tuduh ini nanti. Jadi ini kadang-kadang benda ini kalau baik sangat Datuk Menteri, kalau baik sangat ada orang yang terkena dalam satu situasi.

Kalau didengar apa Yang Berhormat Lipis sebut tadi, saya amat setuju, betullah tu. Padahal bukan dia punya salah kalau dipandang, mana nak simpan barang kalau tiada tempat penyimpanan tidak cukup, kemudahan tidak cukup, semua tidak cukup, dia kena simpan juga macam mana? Dia hendak buat macam burung ada sayap, buat macam ini, tidak boleh, manusia tiada sayap macam itu. Kalau ayam, kalau itik mungkin boleh buatlah tapi manusia tidak boleh buat. Dia kena hidup macam manusia, cara manusia. Kalau berlaku kehilangan sedemikian memang saya tahu askar, saya tahu polis memang orang yang pertama yang terkena ialah *Commonding officer* dia. Nasib Yang Berhormat tak kena *dismissed*, nasib, terjejas nama sekali.

Ini masalah angkatan tentera, dia *very harsh* pasal disiplin. Soalan disiplin yang kita bangkit, soalan angkatan tentera ini sebenarnya soalan-soalan disiplin itu kena manusia yang begitu banyak, 60,000 lebih angkatan tentera kita sekarang kalau tak salah saya. 80,000 lebih, 80,000 lebih angkatan tentera kita sekarang. Di antara yang 80,000 itu memang ada di antaranya kerana manusia itu tetap manusia biasa dan angkatan tentera itu bukan orang diwujudkan sebagai manusia yang berlainan daripada kita semua. Mesti melakukan kesalahan dan dalam keadaan sedemikianlah kenapa apabila kita melihat banyak berlaku dan benda itu di *highlight* kan dan benda itu jadi tumpuan pandangan awam, kenapa kita dengar, saya dengar masa di Kuching, angkatan tentera pergi ke kem polis, *treaten* budak-budak polis Field Force, nasib tidak jadi pergaduhan tembak-menembak dan sebagainya, tapi inilah keadaannya, kita kena terima.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Lim Si Cheng]:** Ya, Petrajaya.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof [Petrajaya]:** Terima kasih Tuan Yang di-Pertua, terima kasih Yang Berhormat Santubong. Saya mengikut pengalaman Yang Berhormat Santubong, kalau kita merujuk pada Seksyen 161 (2), memperuntukkan untuk pesalah ataupun orang yang melakukan kesalahan dalam Akta ini untuk memberi penjelasan kepada pihak berkuasa jadi apakah bentuk dalam konteks siasatan *defends* ataupun pembelaan dalam proses dan prosedur yang dilakukan oleh *army* ataupun angkatan tentera. Sebab adakah misal kata kalau berlakunya pertuduhan berkaitan dengan

kesalahan, adakah *suspension* ataupun penahanan gaji separuh ataupun sebagainya dilakukan sementara siasatan diselesaikan.  Itu yang pertama.

Kedua, apakah kaedah pembelaan yang akan dilakukan, misal kata kalau kita hendak menjelaskan pembelaan, memberi penjelasan itu tadi, adakah apa-apa siasatan hasil daripada berlakunya kerosakan tadi akan diserahkan kepada pihak yang didapati bersalah ataupun yang didakwa bersalah, dan untuk memberi penjelasan lanjut dan membenarkan pihak ketiga yang mahir dalam bidang-bidang tertentu untuk membela orang yang dituduh tersebut.  Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Saya tidak ada pengalaman dalam tentera, tetapi saya berpengalaman dalam polis.  Saya tahu polis dengan tentera tidak berapa jauh bezanya.  Dahulu tentera kalau berlaku kesalahan kepadanya kes itu akan diselidik.  Apabila cukup penyelidikan, telah tamat penyelidikan perkara ini akan diserah kepada pihak pendakwa dalam tentera itu sendiri, menggunakan pegawai mereka sendiri untuk mendakwa dan kalau pertuduhan telah dibuat, yang dituduh berhak untuk mencari pegawai dalam tentera itu sendiri untuk *defend* kepadanya.

Polis tidak mempunyai kemudahan ini dahulu,  sekarang baru diberi kemudahan ini, iaitu kalau dahulu polis dituduh, disiasat pegawai itu telah mengambil keputusan dibawa ke hadapan,  dia tidak menggunakan mahkamah tapi dipanggil sebagai *orderly room*.  *Orderly room* itu seorang pegawai yang tinggi akan membuat keputusan berlandaskan tuduhan-tuduhan sedemikian dan tidak ada hak untuk di*defend* oleh seorang peguam.  Tetapi sejak akhir tahun 70-an akta ini telah dipinda, dan pada akhir tahun 70-an itu dibenar seorang pegawai polis yang dituduh mengambil seorang peguam untuk *defend* dirinya.

Tetapi masalahnya Tuan Yang di-Pertua, bukan soalan formal *kind of chargers defames* kepada pegawai-pegawai tertentu, yang disebut dalam Seksyen 161(2) ialah berlandaskan penjelasan.  Kadang-kadang pegawai kerajaan, saya cukup yakin saya dah lihat berpuluh-puluh penjelasan *show cause letter* yang dibuat oleh pegawai-pegawai kerajaan.  Semuanya mirip kepada dua tiga perkara.  Satu, saya ini ada anak ramai, ada isteri ramai, dah lama bertugas dengan cemerlang dan sebagainya.  Kita minta maaf.  Betul tidak betul tuduh dia kata macam itulah garis panduan cerita *show*

*cause letter*nya. Jarang sekali dia membuat satu penjelasan yang mengatakan dia tidak melakukan kesalahan oleh sebab ini, sebab ini, sebab ini.

Jadi saya pernah melihat beberapa pegawai daripada polis bila saya membuat pengamalan undang-undang, saya membantu mereka secara *free,* banyak pegawai polis yang diberi amaran, yang kamu akan di*dismiss* kalau you tidak dapat memberi penjelasan yang betul. Saya membuat penjelasan bagi pihak mereka secara bertulis walaupun ditandatangani oleh mereka sendiri. Dengan penjelasan bergaris panduan undang-undang kita tidak menerima tuduhan sedemikian akhirnya dapat. Ada sekarang yang sudah menjadi pegawai-pegawai kanan, walaupun dahulu telah diberi amaran supaya meletak jawatan atau akan di*dismiss*kan daripada jabatan.

Oleh kerana dalam undang-undang ada apa yang dikatakan 'tanggungjawab'. Tanggungjawab undang-undang ini berlainan daripada tanggungjawab yang diberi secara lisan dan sedemikiannya sahaja, tapi apabila *commanding officer* itu hendak menuduh seseorang, dia lihat daripada segi pandangannya bukan dari segi pandangan undang-undang. Jadi sebagai seorang peguam kita melihat daripada segi tanggungjawab seorang itu berlandaskan undang-undang yang dipertanggungjawabkannya kepada satu-satu perkara.

Jadi di sini kita bimbang, kalau kita hendak menggunakan Seksyen 161(2) ini, nescaya penjelasan yang diberi itu berlandaskan pandangan pegawai itu sendiri, tidak ada *consultation* dengan pakar dalam segi undang-undang untuk memberi penjelasan. Akhirnya dia hanya menerima atau mengatakan, "Saya dah bertempur di sana bertempur di sini, pergi United Nation, berkhidmat di Timor Leste, berkhidmat di Congo, berkhidmat di sini, janganlah hukum saya begitu". Tetapi hakikatnya dia menerima bahawa dia salah. Tapi atas ihsan orang atasan mempertimbangkan. Ini kita takut.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** *[Bangun]*

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Atas perkara yang mungkin dia tidak bersalah dari segi undang-undang.

**Timbalan Yang di-Pertua [Datuk Dr. Yusof bin Yacob]:** Ya, Petra Jaya bangun Yang Berhormat.

**Tuan Haji Fadillah bin Yusof:** Terima kasih sekali lagi Tuan Yang di-Pertua dan Yang Berhormat bagi Santubong. Jadi untuk tujuan tersebut, adakah Yang

Berhormat Santubong ingin mencadangkan supaya satu sistem ataupun satu kaedah di mana garis panduan disediakan apabila satu penjelasan diperlukan daripada pihak yang melakukan kesalahan atau kecuaian tadi, satu bentuk ataupun garis panduan atau penjelasan yang perlu diberikan supaya mereka akan mengetahui, apakah penjelasan yang perlu diberikan, sebab kita tahu implikasi dalam akta ini amat besar sekali.

Misal kata yang diberikan oleh Yang Berhormat Santubong tadi kalau sebuah kapal terbang jatuh disebabkan kecuaian manusia, maka akan seumur hidup mereka terpaksa membayar walaupun dah pencen pun, saya rasa sebuah kapal terbang RM1 juta tidak akan terbayar oleh juruterbang tersebut. Terima kasih.

**Datuk Haji Wan Junaidi bin Tuanku Jaafar:** Terima kasih Yang Berhormat. Kalau saya punya contoh itu diambil kira, industri membuat kapal terbang ini lebih kuat, lebih teguh daripada mana-mana kerajaan ataupun jabatan. Itulah kalau kita dengar tiap-tiap kali kapal tebang jatuh dengarlah dia kata kecuaian *pilot* itu. Tiap-tiap kali macam itu. Sebabnya industri ini kena *protect*. Yang menyelidik itu bukan orang kita walaupun ada pakar kita pergi bersama, yang menyelidik itu kalau kapal terbang dibuat oleh Boeinglah umpamanya, orang *Boeing* yang akan datang buat selidik. Hendak menyelamatkan *Boeing* ini dia kena *blame*lah, tidak apalah dia dah mati. Jadi kita bimbang kalau undang-undang ini diguna pakai macam kata Yang Berhormat habislah pencen dia hendak kena bagi nanti, hendak potong bayar kapal terbang itu kerana kecuaiannya membinasakan kapal terbang kerajaan yang sebuah berharga satu bilion.

Jadi Tuan Yang di-Pertua, saya tidak baca bil ini tadi hingga kawan di luar beritahu saya suruh baca sedikit, macam mana pandangan you dan berucap sedikit mengenai perkara ini. Kalau saya hendak berucap bukan soalan undang-undang ini saya hendak ucap. Saya ucap cerita-cerita yang lain walaupun Tuan Yang di-Pertua kata ini mungkin jauh menyeleweng, tapi kita bercakap soalan angkatan tentera. Pandu lori, pandu *tank*, pandu *carrier*, pandu apa sahaja kalau angkatan tentera terkenalah di bawah undang-undang ini. Kapal terbang apa sekalipun.

